



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

SEKOLAH KEBANGSAAN

TAHUN 5



KANDUNGAN

PENDAHULUAN

		iv
TEMA 1	KEMASYARAKATAN	1
Unit 1	Masyarakat Penyayang	2
Unit 2	Kerjasama Eratkan Hubungan	7
Unit 3	Masyarakat Celik Ilmu	13
TEMA 2	KESIHATAN DAN KEBERSIHAN	23
Unit 4	Bahaya dalam Senyap	24
Unit 5	Kebersihan Diri dan Persekitaran	31
Unit 6	Minda Sihat	37
TEMA 3	KESELAMATAN	47
Unit 7	Bijak Bertindak	48
Unit 8	Awasi Langkahmu	55
Unit 9	Beringat sebelum Terkena	63
TEMA 4	PERPADUAN	73
Unit 10	Memupuk Perpaduan	74
Unit 11	Meraikan Penyatuan	81
Unit 12	Jalinan Perpaduan	87
TEMA 5	JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN	97
Unit 13	Sikap Bertanggungjawab	98
Unit 14	Sayangi Malaysia	103
Unit 15	Kernamu Malaysia	109
TEMA 6	SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	119
Unit 16	Sains dan Kehidupan	120
Unit 17	Mesra Teknologi	127
Unit 18	Inovasi Bertambah Mutu	133
TEMA 7	KELESTARIAN ALAM	143
Unit 19	Ceritakan Buana Kita	144
Unit 20	Selamatkan Alam Kita	151
Unit 21	Teknologi Hijau	157
TEMA 8	EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN	167
Unit 22	Ekonomi Dinamik	168
Unit 23	Usahawan Berwawasan	173
Unit 24	Pintar Kewangan	179
TEMA 9	INTEGRITI	189
Unit 25	Insan Berketerampilan	190
Unit 26	Dahulukan yang Utama	197
Unit 27	Hormati Hak Sesama Kita	203



Pendahuluan

Penghasilan buku teks *Bahasa Melayu Tahun 5 Sekolah Kebangsaan* berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017. Buku teks ini dihasilkan untuk melahirkan murid yang berketerampilan dalam kemahiran berbahasa selaras dengan aspirasi pendidikan negara yang menekankan konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21). Buku teks ini berupaya untuk membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan lebih cekap. Kandungan buku ini mengandungi sembilan tema, iaitu:



Setiap tema dibahagikan kepada tiga unit dan jumlah keseluruhannya 27 unit. Setiap unit merangkumi Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Aspek Seni Bahasa dan Aspek Tatabahasa. Elemen ini disusun daripada aras mudah kepada aras sukar dengan harapan kemahiran dan pengetahuan tersebut dapat dipelajari secara ansur maju. Pada akhir setiap tema pula, adanya aktiviti Pemulihan, Pengayaan, Pengukuhan dan Penilaian.

Kandungan buku teks ini dipersembahkan secara modular untuk memudahkan murid menguasai Standard Pembelajaran (SP) dalam proses pembelajaran. Elemen Merentas Kurikulum (EMK) diterapkan bagi mempelbagaikan pengetahuan dan kemahiran murid. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dijelmakan dalam bahan pula dapat menterjemahkan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif murid. Selain itu, elemen PAK-21 melalui penggunaan peta pemikiran dapat menjangkan kemahiran berfikir murid melalui kerangka idea yang dicatat.

Buku teks ini juga memaparkan pelbagai bahan berunsurkan didik hiburan dengan adunan teks dan grafik dalam pelbagai reka bentuk dan warna. Persembahan buku ini diharapkan dapat memberi murid pengalaman yang menyenangkan semasa proses pembelajaran.


Ikon-ikon yang menarik juga digunakan untuk menjelaskan bahagian-bahagian tertentu.

Aktiviti

Aktiviti Tema
Murid melakukan aktiviti berdasarkan bahan yang disediakan pada halaman rangsangan.




Kemahiran Mendengar dan Bertutur
Keupayaan murid berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan diuji.



Aktiviti Lisan
Murid perlu memberikan respons secara lisan.



Kemahiran Membaca
Keupayaan murid membaca, memahami dan menaakul pelbagai bahan diuji.



Info

Rujukan yang menerangkan makna perkataan atau maklumat tambahan bagi sesuatu konsep yang berkaitan dengan bahan atau teks.



KBAT
Elemen KBAT merangsang kemahiran berfikir murid terhadap bahan.



Kemahiran Menulis
Keupayaan murid mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan bagi menyampaikan idea diuji.



Aspek Seni Bahasa
Keupayaan murid mengungkap, menghayati dan menghargai bahasa yang indah diuji.



Nota Guru
Panduan dan cadangan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Aktiviti

Aktiviti Unit
Arahan aktiviti yang dirancang untuk mencapai Standard Pembelajaran (SP).



Aktiviti Menulis
Murid perlu memberikan jawapan secara bertulis.

Pendahuluan

Penghasilan buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 Sekolah Kebangsaan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017. Buku teks ini dihasilkan untuk melahirkan murid yang berketerampilan dalam kemahiran berbahasa selaras dengan aspirasi pendidikan negara yang menekankan konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21). Buku teks ini berupaya untuk membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan lebih cekap. Kandungan buku ini mengandungi sembilan tema, iaitu:



Setiap tema dibahagikan kepada tiga unit dan jumlah keseluruhannya 27 unit. Setiap unit merangkumi Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Aspek Seni Bahasa dan Aspek Tatabahasa. Elemen ini disusun daripada aras mudah kepada aras sukar dengan harapan kemahiran dan pengetahuan tersebut dapat dipelajari secara ansur maju. Pada akhir setiap tema pula, adanya aktiviti Pemulihan, Pengayaan, Pengukuhan dan Penilaian.


Kandungan buku teks ini dipersembahkan secara modular untuk memudahkan murid menguasai Standard Pembelajaran (SP) dalam proses pembelajaran. Elemen Merentas Kurikulum (EMK) diterapkan bagi mempelbagaikan pengetahuan dan kemahiran murid. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dijelmakan dalam bahan pula dapat menterjemahkan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif murid. Selain itu, elemen PAK-21 melalui penggunaan peta pemikiran dapat menandakan kemahiran berfikir murid melalui kerangka idea yang dicatat.

Buku teks ini juga memaparkan pelbagai bahan berunsurkan didik hibur dengan adunan teks dan grafik dalam pelbagai reka bentuk dan warna. Persembahan buku ini diharapkan dapat memberi murid pengalaman yang menyeronokkan semasa proses pembelajaran.

Ikon-ikon yang menarik juga digunakan untuk menjelaskan bahagian-bahagian tertentu.

Aktiviti

Aktiviti Tema
Murid melakukan aktiviti berdasarkan bahan yang disediakan pada halaman rangsangan.



Kemahiran Mendengar dan Bertutur
Keupayaan murid berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan diuji.



Aktiviti Lisan
Murid perlu memberikan respons secara lisan.



Kemahiran Membaca
Keupayaan murid membaca, memahami dan menaakul pelbagai bahan diuji.



Info
Rujukan yang menerangkan makna perkataan atau maklumat tambahan bagi sesuatu konsep yang berkaitan dengan bahan atau teks.

KBAT
Elemen KBAT merangsang kemahiran berfikir murid terhadap bahan.



Kemahiran Menulis
Keupayaan murid mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan bagi menyampaikan idea diuji.



Aspek Seni Bahasa
Keupayaan murid mengungkap, menghayati dan menghargai bahasa yang indah diuji.

Aktiviti Menulis
Murid perlu memberikan jawapan secara bertulis.




Nota Guru
Panduan dan cadangan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Aktiviti

Aktiviti Unit
Arahan aktiviti yang dirancang untuk mencapai Standard Pembelajaran (SP).



Aspek Tatabahasa
Keupayaan
murid menguasai
tatabahasa yang betul
dalam komunikasi dan
penulisan diuji.



Munsyi Klik
Maklumat
tatabahasa yang
boleh dirujuk.

Aktiviti Nilai Tambah



Pemulihan



Pengayaan



Pengukuhan



Penilaian



Bacaan Luas

Cadangan Penggunaan Buku Teks

- Buku teks ialah bahan sokongan kurikulum yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bahan dalam buku teks boleh dijadikan panduan untuk mencapai SP.
- Guru boleh menggunakan mana-mana bahan yang sesuai daripada buku teks tanpa terikat dengan susunan halamannya.
- Guru disarankan untuk menggunakan dan mengubah suai bahan dalam buku teks berdasarkan tahap kebolehan dan keupayaan murid.
- Guru boleh memanfaatkan maklumat yang tersedia dalam Nota Guru untuk menjelmakan rancangan pengajaran yang lebih cekap dan menarik.

Selaras dengan ciri pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, buku teks ini menjadikan aktiviti pembelajaran bahasa lebih aktif, berpusatkan murid, mencabar kreativiti serta keterampilan berbahasa dan berkomunikasi secara intensif.

Hasdi bin Daud
Anisah Azian binti Mohamad Yusub
Ibrahim bin Talib



AR
Imbasan teknologi
dalam bentuk 2D atau
3D bagi mendapatkan
maklumat tambahan.
Aplikasi AR boleh
dimuat turun melalui:




Play Store
(Android)



App Store
(iOS)




Kod QR
Imbasan kod bagi
mendapatkan maklumat
tambahan yang berkaitan
dengan kandungan
pembelajaran.



Aktiviti
Bercerita tentang gambar.





UNIT 1 Masyarakat Penyayang



Mendengar dan Bertutur

Situasi 1

Rakan Taman

Encik Nazri, bapa Afifi, sedang menghadiri Mesyuarat Penubuhan Rakan Taman Seri Damai.

Penubuhan Rakan Taman adalah untuk mengeratkan jalinan kerjasama dalam kalangan penduduk. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan akan kita laksanakan seperti Program Bank Rezeki Bergerak dan Projek Alam Hijau. Aktiviti ini bagi meningkatkan kemajuan penduduk di Taman Seri Damai.

Adakah semua anggota bersetuju dengan penubuhan Rakan Taman ini?

MESYUARAT PENUBUHAN RAKAN TAMAN SERI DAMAI
TARIKH: 2 JANUARI 20□□
HARI: ISNIN
MASA: 8:00 PAGI

Ya, kami bersetuju.

Saya akan memuat naik iklan pendek penubuhan Rakan Taman dalam laman Facebook Taman Seri Damai.

Situasi 2

Jawatankuasa Taman Seri Damai akan menubuhkan Rakan Taman untuk mengeratkan hubungan masyarakat taman. Aktiviti yang akan dilaksanakan seperti Program Bank Rezeki Bergerak dan Projek Alam Hijau.

Tinesh, minta sebutkan tujuan penubuhan Rakan Taman semula.

Aktiviti

Mendengar, mengecam dan menyebut maklumat semula.



KPM

Nota Guru 1.1.1

Bimbing murid mendengar, mengecam sebutan, dan menyebut semula ujaran yang terdapat dalam situasi formal.
Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
EMK: Nilai Murni – Kerjasama
KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan



Membaca



Bank Rezeki Bergerak

Rakan Taman Seri Damai telah melancarkan Program Bank Rezeki Bergerak di pekarangan Dewan Utama Taman Seri Damai.

Program Bank Rezeki Bergerak bertujuan untuk mengurangkan pembaziran bahan makanan dalam kalangan penduduk, pengusaha kedai runcit dan pasar raya. Di samping itu, program ini dapat meringankan bebanan golongan miskin, orang kurang upaya, penghuni rumah anak yatim dan penghuni rumah orang tua.

Program Bank Rezeki Bergerak mendapat sokongan seluruh penduduk Taman Seri Damai. Mereka turut memberikan sumbangan tenaga. Mereka juga aktif mengumpulkan dan mengkategorikan barangan keperluan harian untuk disalurkan kepada Bank Rezeki Bergerak.

Makanan yang boleh disumbangkan ke dalam Bank Rezeki Bergerak ialah makanan kering dan makanan basah. Makanan itu termasuklah beras, biskut, telur, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Inisiatif murni ini juga mendapat kerjasama daripada agensi kerajaan, iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat. Agensi swasta turut menyumbang. Program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya kerana kesepakatan yang kukuh oleh semua pihak.

Maklumat Tersurat

Program ini dapat meringankan bebanan golongan miskin, orang kurang upaya, penghuni rumah anak yatim dan penghuni rumah orang tua.

Respons

Kita mestilah sentiasa membantu golongan miskin, orang kurang upaya, anak yatim dan orang tua bagi meringankan kesusahan mereka.



Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat tersurat untuk memberikan respons.

Nota Guru 2.1.1


Bimbing murid membaca dan menyatakan maklumat tersurat untuk memberikan respons.
Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
EMK: Nilai Murni – Saling Membantu
KBAT: Menganalisis – Mengenal pasti



KPM

Menulis

Projek Alam Hijau



Affi dan ayahnya sedang berjoging di taman. Mereka mendapati banyak pokok yang telah kering dan mati di situ. Encik Nazri mengambil foto pokok-pokok tersebut lalu memuat naiknya dalam aplikasi WhatsApp Rakan Taman Seri Damai. Penduduk terus memberikan respons terhadap hantaran itu.

Setelah berbincang, penduduk Taman Seri Damai bersepakat untuk mengadakan Projek Alam Hijau. Projek Alam Hijau ialah aktiviti tanam semula pokok bagi menggantikan pokok yang telah mati. Setiap ahli komuniti membawa anak pokok dan baja. Mereka juga mendapat kerjasama daripada majlis perbandaran dari segi sumbangan peralatan tanam.



Aktiviti penanaman semula pokok telah selesai dengan sempurna. Pokok-pokok di taman kembali menghijau. Suasana di Taman Seri Damai semakin ceria. Semua penduduk bangga atas kejayaan usaha mereka berganding bahu dalam Projek Alam Hijau.

Aktiviti

Menulis ayat dalam perenggan secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai.



Nota Guru
3.1.1

- Bimbing murid menulis ayat dalam perenggan menggunakan tulisan berangkai dalam buku latihan.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
- EMK: Nilai Murni – Semangat Bermasyarakat
- KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan

Seni Bahasa

Susah Senang Kita Bersama

Pada suatu hari, Afifi ditegur oleh ayahnya kerana kelihatan gelisah. Afifi memohon maaf. Afifi menjelaskan bahawa dia bersimpati dengan rakannya, Danish.



Encik Nazri mendekati Afifi.

"Kamu usah susah hati. Rakan Taman Seri Damai telah bulat kata untuk membelikan Encik Azmi sebuah katil khas. Kita juga akan membiayai sebahagian kos rawatan beliau. Segala kebajikan keluarga Encik Azmi yang bagai layang-layang terputus talinya akan disempurnakan oleh komuniti taman ini," jelas Encik Nazri.

"Terima kasih, ayah. Barulah lapang dada saya apabila mendengar kata-kata ayah. Saya dan kawan-kawan juga akan memberikan sokongan moral kepada Danish," kata Afifi.

Dua minggu kemudian ...

Encik Azmi: Terima kasih, semua. Penduduk Taman Seri Damai mempunyai hati emas. Bantuan yang saya terima ini pantas macam kilat.

Encik Teong: Sama-sama. Kita hidup bermasyarakat, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Rezeki yang kita ada, kita sumbangkan sedikit untuk golongan yang memerlukan, hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.

Encik Ravin: Bertuah sungguh kita mempunyai pengerusi taman seperti Encik Nazri. Beliau seorang yang cepat kaki, ringan tangan.



Aktiviti

Bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa dan bahasa yang santun.

Nota Guru
4.1.1

- Bimbing murid bercerita dengan menggunakan peribahasa dalam lakonan.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Prihatin
- Peta Pemikiran: Peta Alir
- KBAT: Mengaplikasi – Melakunkan
- PAK-21: Main Peranan



Menulis

Projek Alam Hijau



Affi dan ayahnya sedang berjoging di taman. Mereka mendapati banyak pokok yang telah kering dan mati di situ. Encik Nazri mengambil foto pokok-pokok tersebut lalu memuat naiknya dalam aplikasi WhatsApp Rakan Taman Seri Damai. Penduduk terus memberikan respons terhadap hantaran itu.

Setelah berbincang, penduduk Taman Seri Damai bersepatat untuk mengadakan Projek Alam Hijau. Projek Alam Hijau ialah aktiviti tanam semula pokok bagi menggantikan pokok yang telah mati. Setiap ahli komuniti membawa anak pokok dan baja. Mereka juga mendapat kerjasama daripada majlis perbandaran dari segi sumbangan peralatan tanaman.



Aktiviti penanaman semula pokok telah selesai dengan sempurna. Pokok-pokok di taman kembali menghijau. Suasana di Taman Seri Damai semakin ceria. Semua penduduk bangga atas kejayaan usaha mereka berganding bahu dalam Projek Alam Hijau.

Aktiviti

Menulis ayat dalam perenggan secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai.

Seni Bahasa

Susah Senang Kita Bersama

Pada suatu hari, Afifi ditegur oleh ayahnya kerana kelihatan gelisah. Afifi memohon maaf. Afifi menjelaskan bahawa dia bersimpati dengan rakannya, Danish.



Encik Nazri mendekati Afifi.

"Kamu susah susah hati. Rakan Taman Seri Damai telah bulat kata untuk membelikan Encik Azmi sebuah katil khas. Kita juga akan membiayai sebahagian kos rawatan beliau. Segala kebajikan keluarga Encik Azmi yang bagai layang-layang terputus talinya akan disempurnakan oleh komuniti taman ini," jelas Encik Nazri.


"Terima kasih, ayah. Barulah lapang dada saya apabila mendengar kata-kata ayah. Saya dan kawan-kawan juga akan memberikan sokongan moral kepada Danish," kata Afifi.

Dua minggu kemudian ...

Encik Azmi: Terima kasih, semua. Penduduk Taman Seri Damai mempunyai hati emas. Bantuan yang saya terima ini pantas macam kilat.

Encik Teong: Sama-sama. Kita hidup bermasyarakat, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Rezeki yang kita ada, kita sumbangkan sedikit untuk golongan yang memerlukan, hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.

Encik Ravin: Bertuah sungguh kita mempunyai pengerusi taman seperti Encik Nazri. Beliau seorang yang cepat kaki, ringan tangan.



Aktiviti

Bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa dan bahasa yang santun.

Tatabahasa

Pusat Transit

Jawatankuasa Taman Seri Damai telah membuka operasi pusat transit untuk anak-anak penghuni taman.

PUSAT TRANSIT ANAKKU SAYANG

TAMAN SERI DAMAI

- Pusat jagaan sementara bagi kanak-kanak berumur enam tahun hingga 12 tahun.
- Penyediaan perkhidmatan pengangkutan untuk mengambil murid dari sekolah, pusat transit dan menghantar murid ke sekolah semula bagi aktiviti kokurikulum.
- Program komuniti prihatin ini membantu ibu bapa yang bekerja untuk mengurus anak selepas sesi persekolahan.

1 Sofea menaiki van sekolah ke pusat transit.

2 Sofea dan rakan-rakan tiba di pusat transit. Mereka disambut oleh penjaga pusat transit.

3 Setelah mandi dan menukar pakaian, Sofea dan rakan-rakan makan tengah hari.

4 Pemandu van sekolah menghantar Sofea dan rakan-rakan ke sekolah untuk aktiviti kokurikulum.

Aktiviti

Menyenaraikan kata nama am berdasarkan teks dan gambar dengan menggunakan peta pokok.

Munsyi Cilik

Kata nama am ialah kata yang merujuk manusia, haiwan dan benda secara umum. Contoh: orang, kucing, kereta, pondok dan kipas.



Nota Guru 5.1.1 (i)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata nama am berdasarkan bahan.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Prihatin
- KBAT: Mengaplikasi – Mengelaskan
- Peta Pemikiran: Peta Pokok

UNIT 2 Kerjasama Eratkan Hubungan

Mendengar dan Bertutur

Kami Sepakat

Encik Nazri sedang memberikan penerangan tentang pemakaian baju seragam untuk semua penduduk Taman Seri Damai. Sesi penerangan itu berlangsung dalam Mesyuarat Jawatankuasa Taman Seri Damai.

Slaid 1

Bahagian hadapan:

- Nama di bahagian kiri.
- Logo Taman Seri Damai di bahagian kanan.

Bahagian belakang:

Slogan "Muafakat Merealisasikan Hasrat"

Slaid 2

Baju ini identiti kesepakatan penduduk Taman Seri Damai. Baju ini akan dipakai ketika majlis rasmi dan aktiviti kemasyarakatan.

Slogan "Muafakat Merealisasikan Hasrat" bermaksud sesuatu perkara perlu dipersetujui ramai untuk dilaksanakan bagi mencapai hasrat.

Wah, cantiknya baju itu! Logonya menarik dan ada slogan pula. Tentu bangga penduduk Taman Seri Damai ketika memakainya.

Mengapakah penduduk perlu memakai baju itu, Tinesh?

Apakah maksud slogan "Muafakat Merealisasikan Hasrat", Afifi?

Aktiviti

Mendengar, memahami dan memberikan respons.

Nota Guru 1.1.2

- Bimbing murid mendengar dan memberikan respons terhadap maklumat yang diujarkan.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Semangat Bermasyarakat
- KBAT: Menilai – Membuat Justifikasi



Membaca

Kita Boleh

Affi, Kai Jun dan Tinesh menyertai perlumbaan basikal antara komuniti kejiranan taman mereka. Sebelum perlumbaan, mereka diberi taklimat.

<p>Sebelum perlumbaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peserta perlu mempunyai kesihatan yang baik. • Peserta perlu memakai pakaian yang sesuai dan selamat semasa menunggang basikal. • Basikal hendaklah dalam keadaan baik dan sesuai dengan berat badan. 	<p>Ketika perlumbaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peserta perlu melihat dan mematuhi papan tanda: <ul style="list-style-type: none"> – arah laluan perlumbaan – tempat berbahaya • Peserta perlu mengamalkan semangat kesukanan. • Peserta perlu saling menghormati.
--	---

Kai Jun telah memenangi pertandingan ini. Affi pula hanya menduduki tempat keempat.

"Tahniah, Kai Jun," ucap Affi.

"Terima kasih, Affi. Mengapakah kamu lambat, Affi?" tanya Kai Jun.

"Peserta di hadapan saya tidak perasan akan arahan papan tanda. Akhirnya, dia terjatuh kerana terlalu laju ketika menuruni bukit. Saya tidak sampai hati hendak meninggalkannya begitu sahaja," jelas Affi.

"Apakah tindakan kamu, Affi?" soal Tinesh.

"Saya telah membantunya agar bangkit semula. Saya juga memberikan kata-kata semangat kepadanya untuk meneruskan perlumbaan ini," jelas Affi.

"Wah, kami sangat bangga akan semangat setia kawan kamu, Affi!" ucap Kai Jun dan Tinesh.

"Rim tayar basikal kamu kelihatan bengkok.

Bahaya untuk kamu tunggang," kata Kai Jun.

"Betul, Kai Jun. Kalau begitu, saya akan meminta bantuan ayah saya untuk membawa basikal Affi pulang dengan kenderaan pacuan empat roda," kata Tinesh.

"Terima kasih, Kai Jun, Tinesh," balas Affi.



Maklumat Tersirat	Respons
Peserta mesti menjaga kesihatan sebelum perlumbaan agar dapat mengekalkan tumpuan yang baik semasa perlumbaan.	Peserta dapat mengelakkan kemalangan daripada berlaku.

Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat tersirat untuk memberikan respons.



Nota Guru 2.1.1

- Bimbing murid mengenal pasti maklumat tersirat daripada maklumat tersurat.
- Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
- EMK: Nilai Murni – Berhemah Tinggi
- KBAT: Menilai – Membuat justifikasi

Menulis

Sepakat Jaga Kebersihan

Penduduk Taman Seri Damai akan menjalankan aktiviti Kempen Jalan dan Kutip. Sambil menjalankan aktiviti, masyarakat dapat beramah mesra dan bekerjasama.

Program Kemasyarakatan Taman Seri Damai

KEMPEN JALAN DAN KUTIP

Tarikh: 24 Mac 20□□ (Ahad)

Masa: 8:00 hingga 11:00 pagi

Matlamat:

- Menanamkan sikap bekerjasama
- Mengeratkan hubungan kejiranan

Kawasan Sasar:	Atur Cara:	
<ul style="list-style-type: none"> • Taman permainan • Gelanggang futsal • Bangunan kedai • Kawasan perumahan 	<p>8:00 pagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Taklimat • Pembahagian kumpulan • Pelantikan ketua kumpulan <p>8:15 pagi:</p> <p>11:00 pagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti dijalankan • Bersurai 	

Affi: Tinesh, Kai Jun, lihat poster ini. Esok, komuniti Taman Seri Damai akan menjalankan Kempen Jalan dan Kutip.

Tinesh: Kalau kita rujuk poster ini, mengapakah kawasan sasaran termasuk bangunan kedai?

Affi: _____

Kai Jun: Bagaimanakah aktiviti sebegini dapat mengeratkan hubungan kejiranan?

Tinesh: _____

Affi: Pada pendapat kamu, sesuaikah aktiviti ini diadakan pada hari Ahad?

Kai Jun: _____

Tinesh: Apakah tujuan pelantikan ketua kumpulan bagi setiap kumpulan?

Affi: _____

Kai Jun: Yang manakah lebih sesuai, aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan atau individu? Nyatakan pendapat kamu.

Tinesh: _____

Aktiviti

Membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat berdasarkan bahan.



- Bimbing murid membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat berdasarkan bahan multimedia.
- Strategi PdP: Pembelajaran Koperatif
- EMK: Nilai Murni – Kerjasama
- KBAT: Menilai – Memberikan pendapat
- PAK-21: Fikir-pasang-kongsi



Seni Bahasa

Pasukan Kompok

Penduduk Taman Seri Damai telah menubuhkan pasukan kelompok. Mereka telah mendendangkan syair perkenalan kumpulan.

Seri Mahsuri

Seri Mahsuri nama diberi,
Pasukan kelompok sedia berperi,
Lelaki wanita segak berdiri,
Pakaian indah cantik berseri.

Petanglah minggu terdengar tautan,
Ilmu dicari si anak watan,
Seragamkan bunyi lenggok sebutan,
Cepat belajar berkat kesepakatan.

Terus berkembang Seri Mahsuri,
Irama baharu sentiasa dicari,
Terima undangan berselang hari,
Tiada rungutan ikhlaskan diri.

Hebatnya kelompok tiada tandingan,
Kini bukan lagi anganlah-angan,
Paluan kelompok kekuatan tangan,
Kesatuan hati jadi gabungan.



Aktiviti

Melafazkan dan melagukan syair serta menyatakan idea keseluruhan syair.




Nota Guru 4.2.1

Bimbing murid melafazkan syair serta menyatakan idea keseluruhan syair.
Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik KBAT: Menganalisis – Menerangkan
EMK: Nilai Murni – Semangat Bermasyarakat

Tatabahasa

Ilham Kami

Afifi dan Encik Nazri melayari Blog Kreatif dan Inovasi. Mereka terbaca maklumat tentang ciptaan kerusi daripada tayar lama. Encik Nazri bercadang untuk mencantikkan Taman Rekreasi Taman Seri Damai dengan kerusi tersebut.



Pak Cik Nazri, selesa sungguh kerusi ini. Lihat Si Tompok bermain di atasnya.

Ya, Kai Jun. Kerusi ini cantik dan selesa. Terima kasih, Encik Faris, kerana sudi mengajar kami membuat kerusi ini.

Sama-sama. Kerusi ini hasil kerjasama semua penduduk Taman Seri Damai dan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Jika kita berganding bahu, kerja yang susah menjadi mudah.

Munsyi Cilik

Kata nama khas ialah kata yang merujuk manusia, haiwan, benda dan seumpamanya secara khusus. Contoh: Afifi, Si Tompok, Proton dan Melaka.

Aktiviti

Memahami dan membina ayat menggunakan kata nama khas berdasarkan bahan.

Nota Guru 5.1.1 (ii)

Bimbing murid mengenal pasti kata nama khas berdasarkan bahan.
Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan
EMK: Nilai Murni – Kerajinan



Tatabahasa

Usaha Kita Bersama

Sempena Minggu Kebudayaan SK Seri Damai, pasukan teater sekolah tersebut akan mengadakan persembahan bagi membuat kutipan amal.

Tinesh, kita diberi watak sebagai panglima. Yang menjadi penduduk kampung pula, siapa?



Sofea dan Danish menjadi penduduk kampung. Ketika pementasan, mereka akan berdiri di sana.

Boleh, mari kita duduk di sini. Ayat manakah yang susah itu? Beritahulah saya.

Affi, bolehkah kamu ajar saya intonasi untuk dialog ini?

Seikat bagai Sirih, Serumpun bagai Serai

Watak: temenggung, penghulu, sultan, orang kampung (suami isteri)

Babak 1: Di istana, orang kampung dan penghulu datang menghadap sultan.

Temenggung: Ampun tuanku. Sembah patik harap diampun. Penghulu Kampung Merbau datang menghadap tuanku untuk membuat aduan.

Sultan: Beta berkenan untuk mendengarnya. Silakan penghulu.

Penghulu: Ampun tuanku. Semalam, kampung patik telah dilanda ribut yang kuat menyebabkan rumah Pak Mail dan Mak Embun serta beberapa buah rumah yang ada di situ rosak. Oleh itu, memohon bantuan daripada untuk memperbaiki rumah-rumah

Sultan: Baiklah, penghulu. akan membantu apa-apa yang perlu.

Penghulu: Terima kasih, tuanku.

Babak 2: Baginda telah menitahkan semua hulubalang dan rakyat jelata bersama-sama memperbaiki rumah mangsa ribut. Penduduk kampung gembira kerana rumah mereka telah kembali seperti sediakala. Mereka juga berganding bahu menaikkan semangat penduduk kampung itu semula.

Munshi Cilik

Kata ganti nama ialah kata yang digunakan untuk menggantikan nama diri, tanya dan tunjuk.

Contoh:

Kata ganti nama diri: saya, kami, kita, mereka, beta dan baginda.

Kata ganti nama tanya: apa, mana dan siapa.

Kata ganti nama tunjuk: sana, sini, situ, itu dan ini.

Aktiviti

Memahami dan melengkapkan dialog berdasarkan bahan dalam lakonan.



Nota Guru 5.1.1 (iii)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata ganti nama berdasarkan bahan. Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Mengaplikasi – Melengkapkan EMK: Nilai Murni – Kerjasama

UNIT 3 Masyarakat Celik Ilmu

Mendengar dan Bertutur

Buku Teman Setia

Affi, Kai Jun dan Tinesh ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur. Mereka terpancan iklan tentang pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020.

Ibu Kota Buku Dunia ialah pengiktirafan oleh UNESCO kepada bandar raya yang aktif dalam aktiviti perbukuan.

Slogan

"KL Baca: Menyantuni Masyarakat melalui Pembacaan"

Aktiviti yang akan dijalankan:

- Dekad Membaca Kebangsaan (2021–2030).
- Kempen membaca kepada pengguna tren.
- Pembinaan pusat membaca di setiap pusat perumahan rakyat.
- Capaian digital untuk golongan kurang upaya.
- Lorong buku.
- Perpustakaan terapung di pinggir Sungai Gombak.

(Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan Malaysia)

Wah, hebatnya! Sempena pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020, banyak program yang akan dijalankan.

Kai Jun, apakah kebaikan capaian digital untuk golongan kurang upaya?

Ya, Tinesh. Antara aktiviti yang akan dijalankan termasuklah

Affi, bolehkah kamu jelaskan adakah aktiviti yang diranca dapat meningkatkan pembacaan oleh masyarakat dalam tempoh tersebut?

Aktiviti

Mendengar, mentafsir dan memberikan respons.

Nota Guru 1.1.3

- Bimbing murid mendengar, mentafsir dan memberikan respons terhadap soalan secara kritis dan kreatif. Strategi PdP: Kajian Masa Depan KBAT: Menilai – Mentafsir EMK: Nilai Murni – Semangat Bermasyarakat PAK-21: Meja Bulat Serentak



Membaca

Keluarga Berjaya

Affi, Kai Jun dan Sofea telah menyertai lawatan sambil belajar anjuran Kelab Pembimbing Rakan Sebaya, SK Seri Damai. Mereka ke perkampungan orang asli di Selangor.

Lawatan itu untuk beramah mesra dan menyelami kehidupan masyarakat orang asli di sana.

Mereka telah diperkenalkan oleh tok batin dengan keluarga Encik Anjang. Affi tertarik akan sikap Encik Anjang dan keluarganya yang mempamerkan raut wajah yang tenang. Tutur kata mereka pula sopan dan penuh beradab. Kehadiran rombongan itu ke rumahnya disambut dengan tangan terbuka.

Menurut tok batin, keluarga Encik Anjang contoh keluarga yang berjaya di kampung itu. Walaupun Encik Anjang tidak mahir menulis dan membaca, beliau amat mementingkan disiplin dan pendidikan kepada anak-anaknya. Oleh sebab itu, beliau memberikan pendidikan yang sempurna kepada keempat-empat orang anaknya sehingga berjaya.



Emaliana
Guru



Rozi
Doktor





Nasri
Inspektor
Polis



Zumika
Jurutera

Selain itu, keluarga Encik Anjang amat disayangi oleh penduduk kampung. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak mereka sanggup berbakti kepada masyarakat sekitar kampung, walaupun telah mempunyai kerjaya masing-masing.



Encik Anjang dan isterinya orang yang kreatif. Dengan kemahiran yang ada, mereka menghasilkan pelbagai kraf tangan dengan menggunakan sumber alam. Hasil seni mereka cukup berkualiti dan kemas. Produk mereka banyak dipasarkan di pusat kraf tangan. Selain itu, produk mereka juga diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Kejayaan keluarga Encik Anjang menjadi contoh kepada penduduk kampung. Sikap berfikir terbuka dan semangat kemasyarakatan yang diamalkan menjadi kunci kejayaan kepada keluarganya.

Aktiviti

Membaca dan menyatakan maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons.

Menulis

Karya Kami

Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan pertandingan penghasilan video pendek bertemakan kemasyarakatan. Hadiah yang ditawarkan bagi johan pertandingan ialah RM1000.00.

Affi, Tinesh dan Kai Jun merebut peluang untuk menyertainya. Tinesh dan Kai Jun melantik Affi sebagai ketua. Affi membuat jadual kerja dan pembahagian tugas. Mereka telah sepakat untuk menghasilkan video pendek bertajuk "Kami Sehati Sejiwa". Video tersebut akan memaparkan aktiviti kemasyarakatan Rakan Taman Seri Damai.

Affi dan Tinesh ke Perpustakaan Negeri Johor untuk mencari maklumat tentang panduan menghasilkan video pendek. Kai Jun pula mengumpulkan maklumat dan koleksi gambar aktiviti Rakan Taman Seri Damai. Mereka juga menemui bual ahli jawatankuasa Taman Seri Damai.

Setelah semua maklumat diperolehi, mereka mula menghasilkan video pendek. Mereka dibantu oleh Azrul, abang Affi. Azrul bijak dalam penggunaan perisian menghasilkan video. Affi memuat naik video tersebut dalam laman Facebook. Video yang mendapat "tanda suka" yang paling banyak daripada penonton dalam masa seminggu dianggap sebagai pemenang.

Tempoh yang diberikan telah tamat. Video Affi dan rakan-rakannya telah mendapat "tanda suka" yang paling banyak. Mereka begitu gembira kerana berkat kerjasama dan toleransi telah menghasilkan kejayaan.

1. Senaraikan nilai yang diamalkan oleh mereka semasa menjalankan tugas.
2. Apakah keistimewaan Affi sehingga dilantik sebagai ketua?
3. Adakah tajuk "Kami Sehati Sejiwa" menepati tema kemasyarakatan? Jelaskan.
4. Pada pendapat kamu, mengapakah video mereka mendapat "tanda suka" yang paling banyak?

Aktiviti

Menghasilkan jawapan dengan alasan secara kritis dan kreatif.



Seni Bahasa

Seni Pertahanan Diri

Langkah demi langkah tingkah-bertingkah hebatnya seni pertahanan diri terpikat hati untuk diketahui buku dibuka ilmu dicari laman sesawang dilayari.

Maksud

Banyak maklumat tentang kehebatan seni pertahanan diri yang perlu kita ketahui.

Seni pertahanan diri tidak jemu untuk diketahui begitu banyak untuk dipelajari bermula sejarah hingga gerak-geri.

Seni pertahanan diri bukan hanya pandai berlawan juga untuk semangat setia kawan menyatukan hati kekal sekawan.

Dahulu hanya melihat dahulu hanya membaca kini aku ahli seni pertahanan diri terasa kukuh keyakinan diri tidak rugi ilmu dicari untuk maslahat diri dan masyarakat.

Nukilan: Nur Ammara

Aktiviti

Mendeklamasikan dan menyatakan maksud sajak.



IMBAS SAYA



Tatabahasa

E-Sukan

Danish amat meminati sukan bola sepak. Namun begitu, dia kurang berbakat. Pada suatu hari, SK Seri Damai membuat pemilihan pemain untuk permainan e-sukan. Danish bercadang untuk menyertai sesi pemilihan itu. Dia ke perpustakaan untuk melayari Internet tentang e-sukan. Selain itu, dia juga meminta penerangan daripada guru tentang e-sukan. Afifi dan Tinesh turut membantu Danish.



Info
E-sukan ialah sukan elektronik atau permainan video.

Munsji Cilik
Penjodoh bilangan ialah kata nama yang menjadi pasangan kepada kata bilangan.
Contoh: Kata "pasukan" dalam frasa dua pasukan murid ialah penjodoh bilangan.

Aktiviti

Memahami dan membina ayat menggunakan penjodoh bilangan.

Pemulihan



Baca dan fahami petikan teks. Kemudian, nyatakan respons daripada maklumat tersurat.

Sukan Regata

Afifi tertarik akan rencana tentang sukan regata dalam majalah *Dewan Budaya* yang dibacanya. Afifi ingin mengetahui sukan ini dengan lebih lanjutnya. Oleh itu, dia terus ke rumah Jimi.

Keluarga Jimi berasal dari Sarawak. Setahun sekali, mereka akan pulang ke Sarawak. Jimi selalu bercerita tentang kemeriahan sukan regata yang berlangsung di kampungnya.

Encik Rebai, ayah Jimi, menunjukkan gambar sukan regata. Menurut Encik Rebai, sukan regata ialah perlumbaan sukan perahu. Sukan ini memerlukan semangat kerjasama dan persefahaman yang kuat. Tanpa kerjasama yang erat, tentunya sukar bagi sesebuah pasukan untuk menang.

Banyak kategori dalam sukan regata, berdasarkan bilangan pengayuh. Antaranya termasuklah 10 orang pengayuh, 15 orang pengayuh dan 30 orang pengayuh. Kayuhan mestilah mempunyai kekuatan yang sama dan mengikut arahan ketua jurumudi.



Ketua jurumudi yang dilantik mestilah seorang yang bijak. Beliau mestilah mengetahui cara untuk memberikan arahan mengikut keadaan semasa perlumbaan.

Maklumat Tersurat	Respons
Afifi ingin mengetahui sukan ini dengan lebih lanjutnya.	<input type="text"/>
Jimi selalu bercerita tentang kemeriahan sukan regata yang berlangsung di kampungnya.	<input type="text"/>
Sukan ini memerlukan semangat kerjasama dan persefahaman yang kuat.	<input type="text"/>
Kayuhan mestilah mempunyai kekuatan yang sama dan mengikut arahan ketua jurumudi.	<input type="text"/>
Ketua jurumudi yang dilantik mestilah seorang yang bijak.	<input type="text"/>



Pengayaan

Baca petikan di bawah dan jawab soalan yang berikutnya.

Kenali Budaya

Pihak SK Seri Damai mendapat undangan daripada pihak Universiti Malaya. Mereka dikehendaki membuat persembahan kebudayaan dalam Program Malam Budaya. Program ini ialah program silang budaya dengan negara Indonesia dan Thailand.

Afifi dan rakan-rakan yang mewakili SK Seri Damai memakai kostum persembahan. Mereka saling membantu dan bekerjasama. Sementara menunggu giliran, mereka berbual-bual dengan murid dari Indonesia dan Thailand. Mereka berkongsi cerita tentang kebudayaan negara masing-masing. Pasukan dari Indonesia akan mempersembahkan tarian barong, manakala pasukan dari Thailand pula mempersembahkan tarian ramwong.

Ketika pasukan dari Indonesia dan Thailand membuat persembahan, Afifi dan rakan-rakan memberikan perhatian. Mereka begitu terpegun apabila melihat lenggok tari yang sungguh lembut. Setelah selesai, mereka memberikan tepukan kepada pasukan tersebut.

Kini, giliran pasukan SK Seri Damai membuat persembahan. Mereka akan membuat persembahan tarian zapin dan inang. Afifi dan rakan-rakan berjalan dengan tertibnya untuk naik ke pentas. Setiap langkah mereka seragam dan mengikut irama lagu. Pasukan tarian SK Seri Damai mendapat pujian daripada penonton.



1. Apakah tujuan Program Malam Budaya?
2. Jelaskan perasaan Afifi dan rakan-rakan ketika berkongsi cerita tentang budaya negara masing-masing.
3. Mengapakah Afifi dan rakan-rakan memberikan perhatian ketika persembahan daripada pasukan negara jiran?
4. Rumuskan sikap Afifi dan rakan-rakan ketika mereka membuat persembahan.
5. Berikan pendapat kamu tentang kebaikan program silang budaya.



Pengukuhan

Sertai Kursus Sukarelawan

Situasi

Kamu telah menyertai kursus sukarelawan. Kursus ini untuk meningkatkan ilmu dan hubungan erat dalam kalangan peserta.

Panduan Permainan

- Bina dan labelkan empat buah stesen.
- Berdasarkan gambar, pemain dikehendaki membina ayat dengan menggunakan penjodoh bilangan di halaman 18 setibanya di setiap stesen.
- Penjodoh bilangan yang digunakan hendaklah berbeza di setiap stesen.
- Kumpulan yang mengumpulkan jumlah ayat yang terbanyak dan betul dipilih sebagai pemenang.

Stesen 1




Stesen 2



Stesen 3



Stesen 4






Penilaian

Sirih Pulang ke Gagang

Affi, Kai Jun dan Tinesh menonton cereka bertajuk "Sirih Pulang ke Gagang" iaitu kisah kepulangan Imran, seorang jurutera, ke kampung halamannya.



- 10 tahun - Australia
- pulang - berbakti



- disambut
- gembira



- melawat sekitar kampung
- kurang aktiviti berfaedah



- berbincang
- bersetuju



- pusat latihan
- untuk anak muda



- bangga
- berjaya

- (A) Secara berkumpulan, kamu dikehendaki membaca soalan dan rakan-rakan memberikan respons terhadap soalan tersebut.
- (i) Apakah perasaan ibu bapa Imran setelah Imran pulang ke tanah air semula? Jelaskan.
 - (ii) Berikan pendapat kamu tentang sebab Imran pulang ke kampung.
 - (iii) Mengapakah Imran membuka pusat latihan di kampung? Nyatakan pendapat kamu.
 - (iv) Bagaimanakah sambutan penduduk kampung terhadap usaha Imran?
- (B) Bina ayat dalam perenggan dengan menggunakan kata nama am, kata nama khas dan kata ganti nama berdasarkan bahan rangsangan.



Tema 2

KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Hargai Dirimu





Rakan awasi sekelilingmu di sana sini virus membiak menanti mencari mangsa bergerak secara senyap terasa sakit di badan terasa sakit di tekak.

Rakan jagalah kesihatanmu amalkan kebersihan patuhi peringatan patuhi arahan.

Rakan lihatlah kehijauan pepohonan di hutan rehatkan mindamu lupakan kekusutan lupakan kerisauan hargailah dirimu.

Nukilan: Nur Ammara

Aktiviti
Menyatakan maksud sajak.



IMBAS SAYA

UNIT 4 Bahaya dalam Senyap

Mendengar dan Bertutur

Imunisasi

Farisha dan Farhana menemani ibu mereka membuat pemeriksaan kesihatan percuma. Pemeriksaan ini diadakan di pasar raya. Farisha dan Farhana mengambil kesempatan menonton dokumentari tentang imunisasi.

Tahukah kamu maksud imunisasi? Imunisasi ialah satu proses pembentukan imuniti. Proses ini dilakukan menerusi pemberian vaksin bagi pembentukan antibodi. Cara ini bagi meningkatkan daya ketahanan badan terhadap penyakit.



Cara Mendapatkan Imunisasi:

Imunisasi boleh didapati secara percuma di klinik dan di hospital kerajaan menerusi Program Imunisasi Kebangsaan. Di klinik dan di hospital swasta, bayaran dikenakan mengikut jenis imunisasi.



Cara Imunisasi:



secara oral



secara suntikan

Kepentingan:

- Imunisasi melindungi diri, keluarga dan komuniti daripada jangkitan penyakit yang berbahaya seperti polio, hepatitis B dan batuk kering.
- Kos vaksin lebih murah daripada merawat jangkitan. Amalan mencegah lebih baik daripada merawat.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



Salam sejahtera, kawan-kawan. Semalam, saya menemani ibu membuat pemeriksaan kesihatan. Ketika di sana, saya menonton tayangan dokumentari tentang imunisasi.

Maaf, Farisha. Bolehkah kamu jelaskan maksud imunisasi?

Imunisasi ialah ...

Mengapakah imunisasi penting kepada semua golongan, Farisha? Bersetujukah kamu dengan pengambilan imunisasi?

Saya akan ...

Farisha, bolehkah kamu jelaskan yang manakah pilihan kamu, sama ada kamu akan mengambil imunisasi di hospital swasta atau kerajaan?

Aktiviti

Bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan berdasarkan bahan.

Nota Guru
1.2.1

• Bimbing murid membuat pertimbangan dan keputusan tentang sesuatu maklumat.
Strategi Pdp: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Menilai - Membuat keputusan
EMK: Nilai Murni - Rasional

Membaca

Ibarat Musuh dalam Selimut

Farisha sedang membaca poster tentang penyakit berbahaya dalam Internet. Kakaknya membantu dia mencari makna perkataan yang sukar berkaitan dengan penyakit-penyakit tersebut.

Penyakit Berbahaya

Influenza

- Jangkitan pada salur pernafasan.
- Penyakit ini disebabkan oleh virus influenza.

COVID-19

- Keluarga virus seperti Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS).
- Jangkitan pada salur pernafasan.

Demam Campak

- Jangkitan akut terhadap kanak-kanak disebabkan oleh virus measles.
- Pesakit mengalami gejala jangkitan pernafasan dan ruam pada kulit.

Polio

- Penyakit ini disebabkan oleh virus polio.
- Virus ini menyerang sistem saraf dan menyebabkan kelumpuhan kekal.
- Penyakit ini membawa maut jika berlaku kegagalan pernafasan.

Tanda-tanda Awal

- Selesema
- Demam
- Sukar bernafas
- Muntah
- Cirit-birit
- Batuk
- Sakit tekak
- Sakit kepala

Pencegahan Awal

- Kerap basuh tangan dengan cara yang betul.
- Tutup mulut dengan tisu atau tangan ketika batuk atau bersin.
- Gunakan pelitup muka.
- Jaga kebersihan persekitaran di rumah dan di tempat awam.
- Elakkan diri daripada individu yang bergejala.
- Jumpa doktor jika mempunyai tanda-tanda awal gejala.
- Ambil suntikan vaksin yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kakak, ada perkataan yang saya tidak faham maknanya.



Kalau begitu, mari kita cari makna perkataan itu dalam kamus.

Aktiviti

Membaca dan merujuk kamus dan media elektronik untuk mencari makna perkataan yang tepat.

Menulis

Awasi Si Comel

Rubini tidak hadir ke sekolah. Farisha bertanya khabar tentang Rubini melalui aplikasi Telegram.



Rubini dalam talian

Salam sejahtera, Rubini, mengapakah kamu tidak hadir ke sekolah?

Salam sejahtera, Farisha. Saya rasa mual dan tiba-tiba muntah. Saya juga demam dan menggigil serta sukar untuk bernafas. Setelah pemeriksaan doktor, saya disyaki dijangkiti penyakit toksoplasmosis. Ini risalah yang diberikan oleh doktor. Kamu lihat dan bacalah.

Toksoplasmosis

- Penyakit bawaan kucing. Sejenis parasit atau bakteria yang boleh menjangkiti pembela kucing atau orang sekitar.
- Bakteria ini ada pada kuku, air liur dan najis kucing. Kucing membersihkan badannya dengan menjilat dirinya. Maka, bakteria toksoplasmosis akan ada pada bulu kucing.

Saya sangat suka akan kucing. Apakah yang perlu saya lakukan?

Nasihat doktor, elakkan memberi kucing daging mentah. Basuh tangan selepas memegang kucing. Sediakan tempat khas untuk kucing di luar rumah. Selain itu, bawa kucing berjumpa dengan doktor haiwan untuk pemeriksaan berkala.

Saya ada terdengar tentang cara potongan singa untuk bulu kucing. Adakah itu satu cara menjaga kebersihan kucing?

Ya, Farisha. Cara potongan singa boleh mengurangkan keguguran bulu kucing. Selain itu, mudah untuk kucing dibersihkan.

Aktiviti

Mencatat maklumat berdasarkan bahan dengan menggunakan peta pokok.

Toksoplasmosis

- Punca penyakit
- Tanda-tanda jangkitan
- Cara pencegahan

Seni Bahasa

Sayangi Mata Kita

Matamu cantik bersinar terang
Pandangan jelas tiada berbalam
Memikat hati apabila memandang
Apabila dipuji meleret senyuman.



Semua orang ada telinga
Dengar bunyi dengar suara
Tiada peluang orang mengata
Dengar sahaja tiada selindungnya.

Kini mendapat gajet di tangan

Girangnya hati tidak terkira
Tidak peduli orang keliling
Tidak peduli apa-apa dikata.

– fon kepala



Satu per satu permainan dicuba

Hebatnya diri konon terasa
Terlupa diri buat seketika
Tiada terlepas pandangan mata.

– lagu
– pendengaran telinga



Dahulu jelas kini kabur

Hilang seri tiada bercahaya
Menyesal kini tiada gunanya
Mata yang rosak tiada gantinya.

– pekak
– ceria terasa sepi
– telinga



Ingatlah sebelum terjadi

Jagalah kesihatan mata
Lihat kehijauan alam
Jaga pemakanan kita.



Aktiviti

Mengubah suai rangkap seloka.

28 KPM

Nota Guru
4.3.1

Bimbing murid mengubah suai seloka dan mempersembahkannya secara kreatif.
Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan
EMK: Nilai Murni – Kesihatan



IMBAS SAYA

Tatabahasa

Cuaca Panas

Farisha dan Shu Fen sedang menunggu bas sekolah. Keadaan cuaca panas pada waktu itu. Farisha teringat akan panduan kekal sihat pada musim panas yang diamalkan oleh keluarganya.

 Banyakkan minum air kosong.	 Lebihkan masa berada di dalam rumah dan hadkan aktiviti luar.	 Kurangkan minum minuman berkafein dan bergula.	 Gunakan payung atau topi untuk melindungi diri daripada pancaran haba terus ke badan.
 Gunakan kipas atau penyaman udara untuk menyejukkan badan.	 Pakai pakaian yang nipis, berwarna terang dan longgar.	 Tidak berada di dalam kenderaan yang bertutup tanpa penyaman udara.	

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

Setibanya di rumah, Shu Fen menulis panduan tersebut.

Kita perlu mengambil langkah-langkah pencegahan diri daripada strok haba. Antaranya termasuklah minum air yang banyak pada setiap hari, iaitu sekurang-kurangnya lapan gelas sehari. Kita juga perlu mengurangkan pengambilan minuman yang mengandungi kafein dan kadar gula yang tinggi.

Selain itu, ketika berada di luar, kita haruslah diri daripada panas dengan menggunakan payung atau topi. Kita juga perlu aktiviti luar seperti bersukan atau melancong.

Kita juga harus mengelakkan diri daripada pakaian yang tebal. Pakaian yang kita pakai mestilah nipis, berwarna terang dan longgar. Kita disyorkan juga kipas atau penyaman udara untuk badan.

Akhir sekali, kita tidak digalakkan berada di dalam kenderaan yang bertutup tanpa sistem pengudaraan yang baik dan selamat.

Munsji Cilik

Kata kerja aktif transitif ialah kata kerja yang menerima objek sebagai penyambut.

Contoh: Kita perlu **menjaga** kesihatan.

Aktiviti

Memahami dan melengkapkan tempat kosong dengan kata kerja aktif transitif yang sesuai.

Nota Guru
5.1.2

Bimbing murid memahami dan menggunakan kata kerja aktif transitif mengikut konteks.
Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual KBAT: Mengaplikasi – Melengkapkan
EMK: Nilai Murni – Kesihatan

29 KPM

Tatabahasa

Terowong Karpal

Farisha menghantar e-mel kepada abangnya, Faris, yang berada di asrama sekolah untuk memberitahukan keadaan datuk mereka.



E-mel

Daripada: farisha@ymel.com

Kepada: faris@ymel.com

Perkara: Kesihatan Datuk

Ke hadapan abang Faris, semoga berada dalam keadaan sihat sejahtera. Tujuan adik menulis e-mel ini adalah untuk bercerita tentang kesihatan datuk. Semalam, datuk berasa kebas dan sakit di bahagian tapak tangan. Kesakitan datuk akhirnya menular ke bahagian pergelangan tangan.

Ayah telah membawa datuk berjumpa dengan doktor. Setelah pemeriksaan, datuk disyaki mengalami sindrom terowong karpal. Sindrom ini berpunca daripada perbuatan yang banyak menggunakan pergerakan di pergelangan tangan seperti menaip, memasak, menjahit dan memegang telefon. Seperti yang kita tahu, datuk seorang penulis. Tentunya, datuk mudah terdedah kepada sindrom ini ketika menaip penulisan dalam komputer.

Doktor menasihati datuk supaya berehat daripada menulis. Pada setiap hari, datuk mesti merendam tangan di dalam air suam. Ketika tidur pula, datuk akan memastikan tangan beliau tidak terhimpit. Sekarang, datuk dalam keadaan stabil. Walaupun sakit, datuk masih boleh ketawa.

Akhir kata, doakan datuk semoga cepat sembuh dan kembali menulis. Sekian, terima kasih.

Munsyi Cilik

Kata kerja aktif tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan objek sebagai penyambut.

Contoh:

- (a) Kata kerja aktif tak transitif tanpa berpelengkap: Keadaannya semakin sembuh.
- (b) Kata kerja aktif tak transitif berpelengkap: Mereka berada di hospital.

Aktiviti

Mengcam kata kerja aktif tak transitif dalam teks. Kemudian, membina ayat dengan menggunakan kata kerja aktif tak transitif.

30 KPM

Nota Guru 5.1.2

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata kerja aktif tak transitif mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Kasih Sayang
- KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan

UNIT 5 Kebersihan Diri dan Persekitaran

Mendengar dan Bertutur

Kuku Bersih dan Sihat

Cikgu Julia menayangkan slaid tentang penjagaan kuku.



Penjagaan Kuku

Kebersihan Kuku	Membersihkan Kuku	Memotong Kuku	Rawatan Kuku
<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan kuku sentiasa pendek. • Kuku yang panjang ada kotoran dan bakteria. 	<ul style="list-style-type: none"> • Gunakan sabun dan cuci kuku dengan bersihnya. • Lap kuku hingga kering. • Gunakan pelembap. 	<ul style="list-style-type: none"> • Gunakan pengetip kuku. Jangan gigit kuku. • Potong kuku dengan cara yang betul. • Jangan kongsi pengetip kuku. 	<ul style="list-style-type: none"> • Cakna akan penyakit kuku. • Berjumpa dengan doktor. • Jaga pemakanan untuk kuku yang sihat dan kuat.

Rubini, bolehkah kamu jelaskan cara penjagaan kuku?

Penjagaan kuku ada beberapa cara.

Kita tidak boleh berkongsi pengetip kuku kerana.

BILIK TAYANGAN

Farisha, mengapakah kita mesti menjaga kuku kita?

Cikgu, mengapakah kita tidak boleh berkongsi pengetip kuku?

Cuba kamu fikirkan, penyakit yang berpunca daripada kuku yang kotor.

Aktiviti

Bertutur dan menghuraikan maklumat tersurat dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif.

Nota Guru 1.2.2

- Bimbing murid menghuraikan maklumat tersurat.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme
- KBAT: Menilai – Membincangkan
- EMK: Nilai Murni – Kebersihan Fizikal dan Mental

31 KPM

Membaca

Pilihan yang Betul


Farisha dan Rubini ingin membeli pelitup muka yang selamat di farmasi untuk mengelakkan penyakit berjangkit. Mereka diberi penerangan oleh pegawai farmasi.

CIRI-CIRI	PELITUP MUKA PEMBEDAHAN	PELITUP MUKA N95
Kegunaan	melindungi diri daripada dimasuki titisan pernafasan yang besar atau cecair berbahaya	melindungi diri daripada partikel halus yang berada di dalam udara
Kekemasan	longgar	ketat
Penapisan	Kurang perlindungan terhadap partikel udara yang lebih kecil.	Perlindungan terhadap sekurang-kurangnya 95 peratus partikel udara yang kecil dan besar.
Had Penggunaan	Hanya sekali penggunaan. Maksimum penggunaan ialah lapan jam.	Paling ideal hanya sekali penggunaan. Pelitup muka ini juga dibuang sekiranya rosak atau tidak berfungsi dengan baikny.
Pengguna	<ul style="list-style-type: none"> Golongan yang bekerja di klinik dan di hospital. Individu yang mengalami masalah batuk dan selesema. 	<ul style="list-style-type: none"> Golongan yang bekerja di klinik dan di hospital. Individu yang terdedah kepada penyakit berjangkit seperti influenza.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

Farisha, bolehkah kamu jelaskan ciri-ciri pelitup muka untuk mengelakkan penyakit berjangkit?

Setelah kita meneliti pertimbangan itu, pelitup muka manakah yang menjadi pilihan kita?



Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat untuk membuat pertimbangan dan keputusan.

Menulis

Hilangkan Nafas Berbau

Doktor gigi telah membuat lawatan ke SK Seri Makmur. Murid-murid diberi penerangan tentang cara penjagaan kebersihan mulut bagi menghilangkan nafas berbau.

1 Membersihkan Gigi pada Setiap Hari

Pastikan kamu memberus gigi selama dua hingga tiga minit. Gunakan flos dengan betulnya untuk membuang sisa makanan di celah-celah gigi. Cara ini dapat menghindarkan kawasan gigi daripada bakteria dan plak.



2 Membersihkan Lidah pada Setiap Hari

Ada banyak bakteria bersembunyi di rekahan lidah dan di bahagian belakang lidah. Bakteria dapat menghasilkan sulfur yang menyebabkan mulut berbau. Oleh itu, bersihkan lidah kamu dengan alat pembersih lidah.



3 Berjumpa dengan Doktor Gigi

Doktor gigi boleh mengesan punca dan bertindak awal sekiranya kamu mempunyai masalah gigi. Kamu disarankan untuk berjumpa dengan doktor gigi sekurang-kurangnya dua kali setahun.



4 Minum Air

Minum air sekurang-kurangnya dua liter sehari dapat merangsang pengeluaran air liur, membilas sisa makanan pada gigi dan melembapkan kawasan mulut.



Kini, Farisha dan rakan-rakannya telah memahami penjagaan kebersihan mulut dengan cara yang betul. Gigi dan mulut yang bersih dapat menghilangkan nafas berbau.

Aktiviti

Menulis teks prosa yang diimlakkan.

Seni Bahasa

Sang Kutu

Farisha sedang membaca buku cerita tentang kutu.

Pada suatu hari, Syukri menggaru-garu kepalanya. Ibunya menyuruh Syukri mencuci rambut apabila mandi. Setelah mencucinya, kepala Syukri masih gatal dan dia berasa tidak selesa. Pada malam itu, ...

Wahai Sang Kutu sekalian, bagaimanakah kamu boleh tiba di sini?

Maaf. Kami dari kepala kawan Syukri. Semasa di sekolah, Syukri menggunakan sikat rambut kawannya. Aku pun ikut sebab tempat tinggal asal aku terlalu ramai.

Ayuh, lari sahabat! Syukri telah menyapu rambutnya dengan ubat kutu. Matilah kita. Telur-telur kita pun habis musnah.

Tiba-tiba,

Wah, semakin ramai anggota kita! Mari kita jelajah ke kawasan yang luas bak lautan ini!

Aduh, aku tidak boleh bernafas! Cecair ini terlalu panas.

<p>Sang Pijat – dari semak</p>	<p>hisap darah</p>	<p>mudah membiak</p>	<p>Sang Pijat mati</p>
---------------------------------------	---------------------------	-----------------------------	-------------------------------

Aktiviti
Mengubah suai cerita dengan menggunakan bahasa yang indah dan santun.

34 KPM
Nota Guru 4.3.2
• Bimbing murid mengubah suai cerita secara kreatif berdasarkan bahan.
Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Mengaplikasi – Mengguna pakai
EMK: Nilai Murni – Kebersihan

Tatabahasa

Panduan Melawat Pesakit di Hospital

<p>Masa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lawatan mengikut waktu yang ditetapkan. • Pesakit perlu berehat. • Petugas hospital dapat bertugas tanpa gangguan. 	<p>Pakaian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelawat hendaklah memakai pakaian yang sopan.
<p>Sebelum dan Selepas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelawat mesti mencuci tangan sebelum dan selepas melawat pesakit. 	<p>Kanak-kanak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kanak-kanak usia 12 tahun ke bawah tidak digalakkan masuk. • Ketahanan diri rendah dan berisiko untuk mendapat penyakit.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada portal MyHealth)

Farisha dan keluarganya melawat datuk di hospital. Menurut Encik Farid, pelawat perlulah mengamalkan panduan melawat pesakit. Pertama, pelawat mestilah mematuhi waktu melawat pesakit. Situasi ini memberi pesakit ruang untuk berehat. Sebaliknya pula, petugas kesihatan dapat melakukan tugas merawat pesakit dengan sempurna.

- Encik Farid berpesan – memakai –
- Pada mulanya, Farisha tidak dibenarkan masuk – memohon kebenaran
- Farisha ternampak – tersenyum riang
- Farisha sekeluarga mencuci –
- Encik Osman – berbual rancak –
- Waktu lawatan telah tamat – bersalaman –
- Farisha gembira dapat berjumpa –
- Selepas keluar dari wad, Farisha sekeluarga mencuci tangan.

Aktiviti

Membina perenggan dengan menggunakan kata kerja aktif transitif dan kata kerja aktif tak transitif berdasarkan bahan.




35 KPM
Nota Guru 5.1.2
• Bimbing murid mengenal pasti dan menggunakan kata kerja aktif transitif dan kata kerja aktif tak transitif berdasarkan bahan.
Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

Tatabahasa

Tindakan semasa Jerebu

Keluarga Farisha mengamalkan langkah-langkah menghadapi jerebu berpandukan maklumat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tindakan semasa Jerebu



Munsyi Cilik

Kata adjektif sifat atau keadaan ialah jenis kata yang membawa pengertian sifat atau keadaan sebagai keterangan. Contoh: rajin, sihat, pandai dan baik.

Kata adjektif warna ialah jenis kata yang membawa pengertian warna sebagai keterangan. Contoh: merah, biru, hitam dan putih.

Kata adjektif ukuran ialah jenis kata yang membawa pengertian ukuran sebagai keterangan. Contoh: panjang, kecil, pendek, nipis dan tebal.

Aktiviti

Membina ayat dengan menggunakan kata adjektif berdasarkan bahan.

UNIT 6 Minda Sihat

Mendengar dan Bertutur

Terapi Ketawa

Pegawai kesihatan telah memberikan taklimat tentang Terapi Ketawa kepada penduduk Taman Setia Jaya.

Ketawa boleh meningkatkan tahap kesihatan kita menjadi semakin baik. Hal ini dikatakan demikian kerana kita dapat menarik nafas ke dalam paru-paru ketika ketawa. Udara keluar dari paru-paru hingga menjadi kosong. Ketawa yang berulang menjadikan kita lebih bertenaga kerana oksigen yang baharu akan masuk. Oleh itu, ketawa dapat:



(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada portal MyHealth)

Shu Fen, mengapakah ketawa dapat melindungi jantung dan mengurangkan sikap agresif kita?



Aktiviti

Bertutur dan menghuraikan maklumat tersirat secara kritis dan kreatif.

Membaca

Cerialah Sahabatku

Dayang murid dari Sarawak. Dia mengikuti keluarganya berpindah ke Melaka. Dayang bersekolah di SK Seri Makmur. Dayang di kelas yang sama dengan Farisha, Shu Fen dan Rubini.

Semenjak berpindah ke Melaka, Dayang tidak banyak bercakap. Dia lebih suka menyendiri, walaupun sudah dua bulan dia di sekolah baharu. Pada suatu hari, Farisha melihat Dayang termenung di bawah sebatang



pokok di sekolahnya. Dia bersendirian. "Selamat pagi, Dayang. Bolehkah saya duduk di sebelah kamu?" tanya Farisha. Dayang mengangguk.

"Mengapakah kamu termenung, Dayang?" tanya Farisha.

Pada mulanya, Dayang enggan bercerita tentang masalahnya tetapi Farisha memujuknya. Dayang memberitahu bahawa dia tidak dapat menyesuaikan dirinya dengan persekitaran dan rakan-rakan yang baharu. Dia berasa

terasing sebab budaya di sini sangat berbeza. Ayahnya pula telah dipanggil ke sekolah kerana prestasi pelajaran Dayang telah merosot lantaran tumpuannya di dalam kelas hilang.

Farisha cuba menenangkan Dayang setelah melihatnya muram. Dia membawa Dayang berjumpa dengan Cikgu Julia. Menurut Cikgu Julia, Dayang kesunyian. Jika dibiarkan, kesihatan Dayang akan terjejas dan dia mungkin mengalami kemurungan. Farisha ingin membantu Dayang ceria kembali. Dia mencari maklumat tentang kemurungan kanak-kanak.

i Kemurungan

Kemurungan ialah gangguan perasaan atau emosi.

Tanda-tanda kemurungan:

- tidak cergas
- sedih yang berterusan
- menyendiri
- tiada keyakinan

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada portal MyHealth)

38
KPM



Farisha juga berjumpa dengan guru bimbingan dan kaunseling sekolah, Cikgu Nora, untuk mendapatkan nasihat dan bimbingan. Cikgu Nora mengajarkan cara-cara untuk mengelakkan kemurungan.

Cara Mengelakkan Kemurungan

- Bertenang dan bersikap positif.
- Lakukan aktiviti yang boleh membuat kamu ketawa.
- Amalkan gaya hidup sihat.

Keluarga dan rakan-rakan mesti memberikan sokongan moral untuk memulihkannya.



Farisha, Shu Fen dan Rubini memberi Dayang sokongan moral. Mereka selalu belajar dan menyiapkan kerja sekolah bersama-sama. Pada waktu petang, jika tiada aktiviti di sekolah, Dayang akan ke rumah Farisha untuk beramah mesra dan berkongsi cerita. Kadangkala, Shu Fen dan Rubini turut serta. Mereka juga bersukan sambil bergurau dan bergelak ketawa bersama-sama.

Kini, Dayang telah berubah dan kembali ceria. Prestasi pelajaran Dayang telah meningkat semula. Dayang dan keluarganya mengucapkan terima kasih kepada Farisha dan rakan-rakannya.

Dayang baru berpindah dari Sarawak.



Rumusan 

Aktiviti

Membaca dan melengkapkan maklumat pada peta alir untuk membuat rumusan.

Nota Guru
2.3.1

- Bimbing murid meneliti maklumat dalam teks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Menganalisis – Membuat rumusan
- EMK: Nilai Murni – Kasih Sayang

39
KPM

Menulis

Kesihatan Mental

Farisha ingin menyampaikan pidato sempena Minggu Kesihatan SK Seri Makmur. Inilah draf pidato Farisha.

Pendahuluan	Pengyataan	Draf
kata alu-aluan		
Isi 1 maksud kesihatan mental	<ul style="list-style-type: none"> mampu menyesuaikan diri persekitaran berfikir positif 	kesihatan mental kemampuan menyesuaikan diri dengan persekitaran. Sentiasa berfikir positif.
Isi 2 kepentingan menjaga kesihatan mental	<ul style="list-style-type: none"> kesihatan mental yang baik - hidup harmoni - menyumbangkan tenaga - menyertai aktiviti masyarakat 	
Isi 3 sebab-sebab gangguan kesihatan mental	<ul style="list-style-type: none"> masalah keluarga tekanan hidup masalah kewangan 	
Isi 4 langkah-langkah menjaga kesihatan mental	<ul style="list-style-type: none"> pemakanan seimbang dan sihat bersenam menerima cabaran dengan minda terbuka 	
Penutup kesimpulan	<ul style="list-style-type: none"> kesihatan mental yang baik - hidup cergas - minda sihat 	

Yang saya hormati tuan guru besar, guru-guru dan rakan-rakan. Tajuk pidato saya pada pagi ini ialah "Jaga Kesihatan Mental, Sihatkan Minda Kita".

Pendahuluan
kata alu-aluan

Hadirin yang saya hormati, **kata penghadapan**

Kesihatan mental ialah kemampuan seseorang untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran. Selain itu, kesihatan mental sering kali dikaitkan dengan individu yang sentiasa berfikir positif.

Isi 1
maksud

Kesihatan mental amat perlu dijaga. Kesihatan mental yang baik akan menghasilkan kualiti hidup yang baik. Seseorang itu mampu mengekalkan kehidupan yang .

Isi 2
kepentingan

Hadirin yang saya kasihi, **kata penghadapan**

Gangguan kesihatan mental boleh terjadi disebabkan beberapa faktor. Antaranya .

Isi 3
sebab-sebab

Namun demikian, gangguan mental boleh diatasi dengan cara .

Isi 4
langkah-langkah

Kesimpulannya, kesihatan mental yang baik akan menghasilkan gaya hidup yang cergas dan minda yang sihat.

Penutup
kesimpulan

Sekian, terima kasih. **ucapan terima kasih**

Aktiviti

Mendraf dan menghasilkan karangan pidato berdasarkan bahan.

Nota Guru 3.3.1

- Bimbing murid menghasilkan draf dan menulis karangan berformat.
- Strategi Pdp: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Mengaplikasi - Menghasilkan
- EMK: Nilai Murni - Bertanggungjawab

Seni Bahasa



Udara Bersih, Hidup Sihat

Mari kawan marilah semua
Bersama-sama menjaga alam kita

Jaga alam jangan kita cemari
Supaya kita sentiasa kekal sihat

Udara bersih hidupku sihat
Hidup gembira tiada penyakit
Riang beriadah cergaskan badan
Hidupku sihat, aktif dan produktif

Mari kawan marilah semua
Bersama-sama menjaga alam kita

(Melodi Lagu "Jong-jong Inai")



IMBAS SAYA

Aktiviti

Mengubah suai seni kata lagu dan
mempersembhkannya dengan gaya yang kreatif.

Nota Guru 4.3.3
• Bimbing murid mengubah suai seni kata lagu dengan menggunakan diksi yang sesuai.
Strategi PdP: KP – Muzik
EMK: Nilai Murni – Kesihatan

Amalkan Hidup Sihat



Rangkap 1

- amalkan hidup sihat



Rangkap 2

- jaga diri sentiasalah bersenam
- minda dan badan kita



Rangkap 3

- makanan seimbang
- bebas sengsara
- khasiat makanan

Rangkap 4



KBAT: Mencipta – Mengubah

Tatabahasa

Tidur Sejenak

Encik Farid dalam perjalanan membawa keluarganya bercuti ke Perlis.



- gembira
- bertolak – awal pagi
- jauh



Munsyi Cilik

Kata adjektif perasaan ialah jenis kata yang membawa maksud konsep perasaan. Contoh: gembira, kasih, bimbang dan risau.
Kata adjektif jarak ialah jenis kata yang membawa maksud ruang antara dua keadaan. Contoh: jauh, dekat, hampir dan rapat.
Kata adjektif waktu ialah jenis kata yang membawa maksud konsep masa sebagai keterangan. Contoh: lama, awal, cepat dan lambat.

Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat menggunakan kata adjektif berdasarkan bahan.

Nota Guru 5.1.3
• Bimbing murid menyatakan kata adjektif perasaan, jarak dan waktu berdasarkan gambar.
Strategi PdP: Kecerdasan Pelbagai
EMK: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan


Pemulihan

Tuturkan dan nyatakan pertimbangan dan keputusan berdasarkan bahan.

Kempen Kebersihan Pasar


Majlis Perbandaran Jasin, Melaka, telah melancarkan kempen kebersihan pasar pagi dan pasar malam. Kempen ini untuk memupuk sikap bertanggungjawab terhadap penjagaan kebersihan. Pegawai penguat kuasa akan membuat rondaan. Melalui kempen ini, pengunjung dan peniaga diberi dua pilihan.

Pilihan 1



Tong sampah akan disediakan.

Pilihan 2



Pengunjung membawa plastik sampah sendiri.

Farisha, bersetujukah kamu dengan kaedah yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Jasin tersebut? Mengapa?

Bolehkah kamu jelaskan cara manakah yang lebih berkesan dilakukan?

Pengayaan

Tulis ayat yang diimlakkan.

Splin

Splin ialah sejenis alat yang digunakan untuk menyokong anggota badan yang patah atau cedera. Selain itu, splin juga digunakan untuk melindungi otot yang cedera dan menguatkan pergerakan otot supaya lebih stabil.

Penggunaan splin dapat menggalakkan proses penyembuhan dan peredaran darah. Splin juga dapat mengurangkan bengkak dan mengelakkan kecacatan.

Di hospital, splin termoplastik bahan yang paling sesuai untuk menyokong dan membantu usaha memulihkan anggota badan yang patah, terseliah atau

Pengukuhan

Baca dan teliti maklumat dalam teks untuk membuat rumusan.

Senaman Ringan

Faris, abang Farisha, menyiapkan tugasannya di dalam bilik bacaan. Hampir seharian dia di situ. Ketika Farisha ke bilik Faris untuk menghantar novel yang dipinjamnya, dia mendapati Faris sedang membuat senaman sambil duduk.

"Mengapakah abang bersenam sambil duduk?" tanya Farisha.


Faris menjelaskan bahawa senaman yang dilakukannya ialah senaman ringan. Senaman ringan ini sering dilakukan oleh pekerja di pejabat, guru, penulis dan murid.

"Tujuan senaman ringan adalah untuk mengelakkan kekejangan otot, risiko penyakit jantung, diabetes dan hipertensi. Penyakit ini mudah dihidapi apabila duduk secara berterusan melebihi dua jam. Senaman ini menjadikan diri lebih segar dan cergas," jelas Faris.

Faris menunjukkan risalah cara-cara senaman ringan tersebut.

 <p>leher</p> <p>Rapatkan dua belah tapak tangan dan tolak dagu ke atas.</p>	 <p>tengkuk</p> <p>Tolak kepala ke bawah dengan kedua-dua tangan.</p>	 <p>sisi leher</p> <p>Letak tapak tangan di sisi kepala dan tolak ke kanan dan ke kiri.</p>	 <p>lengan</p> <p>Tegakkan badan. Tangan kanan tarik siku kiri ke bawah. Ulang gerakan bagi siku kanan.</p>
 <p>bahu</p> <p>Tolak siku kiri ke dalam dengan tangan kanan. Ulang gerakan bagi siku kanan.</p>	 <p>sisi pinggang</p> <p>Luruskan kedua-dua tangan dan tolak ke atas.</p>	 <p>pinggang</p> <p>Kedua-dua tangan di lutut. Pusing badan ke kanan dan ke kiri.</p>	 <p>paha</p> <p>Pegang lutut kiri dan angkat ke atas. Ulang gerakan bagi lutut kanan.</p>

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)





Penilaian

Makanan Sihat Minda Cerdas

KUMPULAN 1

Nasi, mi, roti, bijirin dan ubi-ubian.



KUMPULAN 3

Ikan, ayam, daging dan kekacang. Susu dan produk tenusu.



KUMPULAN 2

Buah-buahan dan sayur-sayuran.



KUMPULAN 4

Lemak, minyak, gula dan garam.



Tugasan Kerja Projek

1. Bahagikan murid kepada empat kumpulan.
2. Sediakan fail untuk menyimpan hasil kerja setiap kumpulan.
3. Beri setiap kumpulan peranan dan tugas masing-masing, iaitu:
 - Cari dan catatkan maklumat tentang fungsi, kebaikan dan jumlah pengambilan makanan dalam kumpulan makanan yang diberikan daripada pelbagai sumber. Kemudian, bincangkannya.
 - Rujuk kamus untuk mencari makna perkataan yang sukar.
4. Bentangkan hasil perbincangan secara main peranan mengikut kreativiti kumpulan dengan menggunakan kata adjektif sifatian atau keadaan, warna dan ukuran.

Contoh:

Nama saya nasi. Badan saya berwarna putih. Saiz saya kecil.

Nama saya .



Saya dalam kumpulan .

Fungsi saya .

5. Tulis sebuah pidato bertajuk "Makanan Sihat Minda Cerdas" berdasarkan maklumat yang dicatat.

Tema 3

KESELAMATAN



Aktiviti

Berbincang tentang gambar.

UNIT 7 Bijak Bertindak

Mendengar dan Bertutur

Cakna akan Warga Emas

Afifi sekeluarga membuat persiapan untuk menjaga keselamatan datuk ketika tinggal di rumah mereka.



Afifi, apakah yang akan berlaku sekiranya kita tidak cakna akan keselamatan warga emas ketika di rumah?



Aktiviti

Bertutur dan menghuraikan maklumat tersurat dan tersirat.

48
KPM

Nota Guru
1.2.2

- Bimbing murid menghuraikan maklumat tersurat dan tersirat secara kritis dan kreatif.
- Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
EMK: Nilai Murni – Berhati-hati
KBAT: Menilai – Mentafsir

Membaca

Keselamatan Makanan ketika Banjir


Afifi dan Kai Jun membaca notis keselamatan makanan ketika banjir. Kemudian, mereka berbincang untuk membuat rumusan.

NOTIS PERINGATAN Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Bencana banjir mampu mencetuskan penularan penyakit berjangkit. Pada musim banjir, sumber makanan lebih mudah tercemar. Maka, orang ramai diingatkan agar menjaga keselamatan makanan ketika banjir.

- Elakkan pengambilan makanan yang telah tercampur dengan air banjir. Makanan tersebut mungkin telah tercemar oleh pelbagai agen pencemar seperti najis sisa kumbahan.
- Elakkan pengambilan makanan yang tidak disimpan di dalam bekas yang bertutup rapat. Makanan tersebut dikhuatiri telah dicemari oleh haiwan pembawa bakteria atau virus seperti lalat, tikus dan lipas.
- Pastikan makanan di dalam tin tidak rosak. Tin yang sudah kemik, bocor, berlubang, berkarat atau menggelembung antara petunjuk bahawa keadaan makanan di dalamnya telah berubah.
- Basuh tempat penyediaan makanan dan peralatan makan sebelum menggunakannya. Basuhnya dengan sabun dan air bersih atau dengan siraman air panas. Anda juga boleh merendamnya sekurang-kurangnya 15 minit di dalam air panas.
- Minum air bersih yang telah dimasak atau air yang telah dibotolkan. Jangan sesekali minum air mentah.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada notis Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia)



Aktiviti

Membaca maklumat untuk membuat rumusan.

Nota Guru
2.3.1

- Bimbing murid meneliti kandungan teks bukan sastera untuk membuat rumusan.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
EMK: Nilai Murni – Rasional
KBAT: Menganalisis – Membuat rumusan

49
KPM

Siap Siaga sebelum Tidur

Penyataan

Draf



- Encik Nazri kursus di Kuala Lumpur
- berpesan
- langkah-langkah keselamatan sebelum tidur
- telah diajar

Encik Nazri yang bersiap untuk ke kursus di Kuala Lumpur berpesan kepada anak-anaknya memastikan langkah-langkah keselamatan sebelum tidur seperti yang telah diajarnya.



- kunci pintu pagar, tingkap dan jeriji boleh laras



- tidak kongsi maklumat ketiadaan bapa dalam media sosial



- cabut palam pengecas telefon



- puji tindakan bijak

Siap Siaga sebelum Tidur

Pendahuluan

Encik Nazri bersiap untuk berkursus di Kuala Lumpur. Sebelum bertolak, Encik Nazri berpesan kepada anak-anaknya agar memastikan langkah-langkah keselamatan diambil sebelum tidur. Langkah-langkah itu seperti yang telah diajarkan oleh beliau selama ini.

Isi 1

Jam menunjukkan 8:00 malam. Ibu kunci pintu pagar. Manakala Azrul dan Affi pula memeriksa dan mengunci semua tingkap dan jeriji boleh laras. Mereka pastikan semua telah berkunci untuk elakkan dimasuki penceroboh.

Isi 2

– masuk bilik – layari media sosial – ingat pesanan ayah – larang kongsi maklumat ketiadaan bapa – larang kongsi status lokasi – undang penceroboh

Isi 3

– Affi terpedang telefon – tidak tidur bersama telefon yang dicas – cabut palam pengecas telefon – cas berlebihan – meletup dan terbakar

Penutup

– memuji – tindakan yang bijak – patuh arahan keselamatan – tidur dengan tenang

Aktiviti

Mendraf dan menghasilkan karangan keperihalan.

- Bimbing murid mendraf dan menghasilkan karangan tidak berformat berdasarkan bahan.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- KBAT: Mengaplikasi – Menghasilkan
- EMK: Keselamatan

Seni Bahasa

Mudah tetapi Bahaya

Cikgu Mariam mengajarkan seni tulisan Jawi. Beliau menulis perumpamaan dalam pantun tentang keselamatan penggunaan plastik untuk membungkus makanan.

Bercabang dahan si bunga raya,
Pokok berangan bunga berputik;
Digunakan bahan kimia berbahaya,
Menjadi kandungan membuat plastik.

Buah nanas ditebuk tikus,
Buah rotan jatuh merata;
Makanan panas jangan dibungkus,
Membahayakan kesihatan diri kita.

Ayam serama di tepi hutan,
Daun nyiur menutup belimbing;
Bersama-sama jaga keselamatan,
Bagai aur dengan tebing.

ب ا ن ي ا ي ا ا و ر

ra wau hamzah alif ya alif ga alif ba

← aur ← bagai

ت ب ي غ د غ ن

nga ya ba ta nun nga dal

← tebing ← dengan

Aktiviti

Mengenal, mengecam dan menyebut huruf tunggal dalam tulisan Jawi. Kemudian, mempersembhkannya.

52 KPM

Nota Guru 4.4.1

- Bimbing murid mengenal, mengecam dan menyebut huruf tunggal yang ditulis mengikut tulisan Jawi dalam perumpamaan dan mempersembhkannya.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
- EMK: Bahasa
- KBAT: Mengaplikasi - Menunjukkan

Tatabahasa

Peka Persekitaran

SK Seri Damai telah mengadakan aktiviti jelajah di Hutan Lipur Gunung Pulai, Johor. Afifi turut serta dan menulis catatan aktiviti tersebut.

Sabtu, 12 September 20□□
7:00 pagi


Semua peserta berkumpul. Encik Faisal, pegawai perhutanan yang tampan, memberikan taklimat. Beliau, dengan suara lantang dan **jelas**, mengingatkan peserta agar mematuhi peraturan keselamatan. Semua peserta dalam barisan yang lurus mendengar dengan telitinya. Setelah taklimat, mereka menikmati sarapan nasi lemak yang enak dan semerbak baunya.

8:00 pagi


Aktiviti jelajah hutan bermula. Suasana di dalam hutan sungguh nyaman. Peserta diingatkan supaya tidak bising dan tidak **gopoh** kerana denainya bengkang-bengkak dan tidak rata. Menurut Encik Faisal, peserta juga mestilah berwaspada akan tumbuhan mati yang mempunyai batang yang keras dan berduri tajam. Kami mendapati tumbuhan yang mati kebanyakannya memiliki daun yang bujur dan leper.

9:00 pagi

Semua peserta berhenti rehat. Kedengaran nyaring bunyi unggas. Encik Faisal mengingatkan peserta supaya memilih tempat yang bersih, selesa dan tiada kesan lekuk. Beliau juga berpesan agar peserta tidak duduk hampir dengan rumpun buluh. Tempat itu sering menjadi sarang ular. Ketika berehat, Encik Faisal memberikan panduan jika sesat di hutan.



- tidak bising
- menarik perhatian binatang liar
- pegang ranting keras



- dengar secara **jelas**
- ikut aliran sungai
- berhati-hati dengan tanah yang tidak rata



- kesan lekuk tapak kaki manusia
- ikut perlahan-lahan
- usah **gopoh**

Munsyi Cilik

Kata adjektif bentuk ialah kata yang membawa makna rupa bentuk.

Kata adjektif cara ialah kata yang membawa makna keadaan kelakuan atau ragam.

Kata adjektif pancaindera ialah kata yang membawa makna konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh dan gabungan pancaindera.

Aktiviti

Mengecam dan membina ayat menggunakan kata adjektif berdasarkan gambar dan frasa.

53 KPM

Nota Guru 5.1.3

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata adjektif bentuk, cara dan pancaindera mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme
- KBAT: Mengaplikasi - Menggunakan
- EMK: Keselamatan



Tatabahasa

Keluar dengan Tenangnya

Keluarga Encik Nazri mengamalkan panduan keselamatan sebelum bercuti.



Encik Nazri memberitahu Encik Teong dan Encik Ravin bahawa beliau sekeluarga akan bercuti. Mereka ialah jiran Encik Nazri. Tindakan Encik Nazri tersebut adalah sebagai makluman supaya mereka dapat mengawasi rumah ketika ketiadaan beliau sekeluarga. Tindakan bijak ini adalah penting demi keselamatan harta benda.

Si Kelabu dan Si Putih amab peliharaan Afifi. Dia menghantar haiwan peliharaannya ke Pusat Jagaan Haiwan. Pusat ini menawarkan penjagaan eksklusif bagi haiwan peliharaan melalui konsep hotel. Perkhidmatan ini mudah bagi orang yang mementingkan keselamatan haiwan peliharaan semasa bercuti.



Encik Nazri memasang suis pemasa automatik. Pemasa automatik alat untuk mengawal dan menetapkan tempoh lampu menyala. Pemasa automatik penting sebagai alat keselamatan ketika penghuni tiada di rumah pada waktu malam.

Encik Nazri juga melaporkan ketiadaan beliau sekeluarga di rumah kepada Encik Azlan. Encik Azlan anggota polis. Encik Nazri memberikan alamat rumah kepada beliau. Maklumat ini untuk memudahkan pihak polis membuat rondaan bagi mengekang pencerobohan.



Munsyi Cilik

Kata pemerit ialah hadir di hadapan frasa nama, manakala adalah hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.


Aktiviti

Mengecam dan melengkapkan ayat dengan menggunakan kata pemerit.



Nota Guru 5.1.4 (i)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata pemerit mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Masteri
- EMK: Keselamatan
- KBAT: Mengaplikasi - Menggunakan



UNIT 8 Awasi Langkahmu



Mendengar dan Bertutur

Peka Sentiasa

Kelab Keselamatan Jalan Raya SK Seri Damai mengadakan Kempen Penunggang Selamat. Afifi tertarik akan pameran poster penyenggaraan basikal.

Sayangi Basikal, Sayangi Dirimu



Pastikan brek berfungsi dengan baikny.



Periksa bunga tayar agar dalam keadaan baik.



Letakkan minyak pelinci pada rantai basikal.



Pastikan tekanan angin pada tayar sesuai.



Pastikan rantai basikal dalam ketegangan yang sesuai.

(Sumber: Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia)

Afifi, bagaimanakah kita dapat memastikan basikal dalam keadaan baik?

Mengapakah kita perlu meletakkan minyak pelincir pada rantai basikal?

Basikal perlulah kita senggara selalu.

Cara tersebut dapat

Tinesh, apakah yang akan terjadi jika semua komponen itu tidak disenggara secara baik?

Aktiviti

Bersoal jawab untuk menjanakan idea.

Nota Guru 1.2.3

- Bimbing murid bersoal jawab untuk menjanakan idea.
- Strategi PdP: KP - Verbal-linguistik
- EMK: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya
- KBAT: Menilai - Menjanakan



Membaca

Waspada Gerakmu

Inspektor Shahrul telah diundang sebagai penceramah oleh Kelab Pencegahan Jenayah SK Seri Damai. Beliau telah menayangkan beberapa slaid ceramah tentang jenayah ragut.

Di manakah jenayah ragut kerap berlaku?

- lorong yang gelap
- kawasan yang sunyi
- bahagian tepi jalan – akses mudah kepada penjenayah motosikal
- kawasan berhampiran dengan Mesin Teler Automatik (ATM)

Bagaimanakah jenayah ragut boleh berlaku?

- membawa beg tangan dan beg duit secara sambil lewa
- memakai barangan kemas yang menonjol
- leka menggunakan telefon

Panduan pencegahan kes ragut

- Sentiasa peka akan situasi sekeliling.
- Pastikan perjalanan kamu mudah akses ke bahagian yang lebih selamat.
- Sentiasa membawa wang secara minimum.
- Jangan dedahkan barangan kemas dan barangan berharga kepada pandangan umum.



Selepas ceramah, Kelab Drama SK Seri Damai membuat persembahan drama tentang kejadian kes ragut.



Watak: Pencerita, Polis, Puan Leela (mangsa ragut), Encik Zaki dan Puan Zila (suami isteri)
Tempat: Di tepi jalan

Seorang anggota polis sedang membuat rondaan. Beliau melihat seorang wanita sedang menenangkan wanita yang menagis.

Polis: Apakah yang telah berlaku, puan?
Puan Zila: Beliau nyaris menjadi mangsa ragut.
Polis: Bolehkah puan beritahukan nama dan ceritakan kejadian yang berlaku?
Puan Leela: Nama saya Leela a/p Ravi. Saya berjalan kaki ke kedai. Ketika saya keluar dari persimpangan jalan, tiba-tiba seorang penunggang motosikal cuba meragut beg tangan saya. Saya bernasib baik kerana semasa pergelutan, pemandu kereta telah berhenti dan membantu saya.
Encik Zaki: Ya, tuan. Saya ternampak seorang penunggang motosikal yang mencurigakan sedang menuju ke arah Puan Leela. Situasi itu saya nampak jelas kerana Puan Leela berjalan dari arah yang bertentangan. Saya membunyikan hon. Kami juga menjerit supaya peragut itu lari.

Puan Zila mengeyakan keterangan suaminya.

Polis: Terima kasih. Tindakan Encik Zaki memang bagus. Begitu juga Puan Leela, berjalan dari arah yang bertentangan. Kita perlu sentiasa peka akan persekitaran. Jika berjalan sendirian, elakkan laluan yang sunyi dan gelap. Jika tiada pilihan, kamu mestilah ditemani orang lain.

Puan Leela: Baiklah, tuan. Pesanan tuan akan saya ingat.



Aktiviti

Membaca dan meneliti kandungan teks untuk membuat rumusan.

Nota Guru
2.3.1

- Bimbing murid membaca dan meneliti kandungan teks karya sastrawan dan karya bukan sastrawan untuk membuat rumusan.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Menganalisis – Membuat rumusan
EMK: Nilai Murni – Berhati-hati PAK-21: Main Peranan

Menulis

Utamakan Keselamatan

Kumpulan Kai Jun ditugaskan untuk menulis karangan berita, manakala kumpulan Afifi menulis karangan imaginatif. Topiknya tentang keselamatan di eskalator.

Keselamatan di Eskalator

JOHOR BAHRU: 15 Ogos - Pasar Raya Hemat telah melancarkan Kempen Keselamatan di Eskalator pada pagi tadi. Kempen ini adalah untuk memberikan kesedaran tentang pentingnya penggunaan eskalator secara selamat. Kempen ini dirasmikan oleh Encik Abdul Karim bin Ishak, Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Johor Bahru.

Beliau menasihati pengguna supaya sentiasa berhati-hati. Menurut beliau, eskalator

- merupakan tangga bergerak
- dibuat daripada besi
- mempunyai motor dan rantai
- kemudahan awam
- keselesaan pergerakan

Pengguna mestilah

- patuhi panduan penggunaan
- patuhi garisan sempadan tangga
- guna dengan betulnya
- tidak merosakkannya

Beliau juga mengingatkan bahawa menjadi tanggungjawab pemilik eskalator agar

- disenggara ikut jadual
- jurutera yang bertauliah
- tiada anak tangga rosak
- suis kecemasan berfungsi dengan baikny.

Akhir sekali,

- harapan
- harga kemudahan
- guna secara berhemah

Pendahuluan

a Tajuk
b Nama tempat
c Tanda koma
d Tarikh
e Tanda pisah
f Isu berita

Isi 1
Isi 2
Isi 3
Penutup

Aku Sebuah Eskalator

Aku ialah sebuah eskalator. Aku

1

- dibuat daripada besi
- bermotor dan berantai
- bergerak dari aras ke aras
- memudahkan pengguna

2

- dilengkapi alat keselamatan
- suis kecemasan
- pengesan automatik
- maklumat keselamatan

3

- tanggungjawab pengguna
- patuhi panduan penggunaan
- guna dengan berhemahnya
- tidak merosakkannya

4

- tanggungjawab pemilik
- penyenggaraan berkala
- tiada komponen rosak
- suis kecemasan berfungsi

5

- gembira berbakti
- terus berkhidmat
- harga kemudahan

Aktiviti
 Mendraf dan menghasilkan karangan berita dan karangan imaginatif.

Nota Guru 3.3.1

• Bimbing murid mendraf dan menghasilkan karangan berformat dan tidak berformat.
 Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual KBAT: Mengaplikasi - Menghasilkan
 EMK: Nilai Murni - Berhati-hati!

Seni Bahasa

Awasi Gerak-gerimu

Encik Nazri dan Puan Nazimah sangat mengutamakan keselamatan Afifi dan Asmina semasa di pesta buku. Afifi dan Asmina tidak lepas daripada pandangan mereka, terutamanya di sekitar reruai buku.



باڤاڤاي اءور دغن تبببببب

باڤاڤاي اءور دغن تبببببب

Aktiviti

Mempersembahkan tulisan Jawi menerusi perumpamaan.



Nota Guru
4.4.2

- Bimbing murid mempersembahkan seni tulisan Jawi melalui perumpamaan.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
- EMK: Bahasa
- KBAT: Mengaplikasi – Menunjukkan



Tatabahasa

Waspada Memandu



Hujan makin lebat menyebabkan jalan sangat licin. Encik Nazri memandu kereta dengan agak perlahan bagi mengelakkan tayar keretanya meluncur laju sangat. Pandangannya kurang jelas kerana hujan terlalu lebat.

Encik Nazri memandu di lorong kiri. Semua pemandu cermat sekali. Di dalam kereta, Afifi terasa sejuk betul dan sunyi benar. Masing-masing sungguh risau kerana hujan masih lebat sungguh.



Encik Nazri memandu tidak rapat dengan kenderaan di hadapan. Beliau bimbang jika pemandu tersebut membrek secara mengejut, beliau tidak sempat untuk membrek kerana jalan licin. Afifi risau. Cuaca pula gelap. Pelihatan Encik Nazri jelas kerana kabus tebal. Afifi meminta ayahnya memasang lampu kecemasan. Ayahnya memberitahu bahawa lampu tersebut hanya digunakan semasa kecemasan. Encik Nazri berhenti di hentian rehat dan rawat bagi mengelakkan kemalangan. Beliau letih. Beliau memakai baju sejuk kerana suasana sejuk.

Munsji Cilik

Kata penguat ialah kata yang menguatkan maksud kata adjektif atau frasa adjektif.
Kata penguat hadapan ialah kata yang letaknya di hadapan frasa adjektif. Contoh: terlalu, paling, agak, cukup dan kurang.
Kata penguat belakang ialah kata yang letaknya di belakang frasa adjektif. Contoh: sekali, benar, nian dan betul.
Kata penguat bebas ialah kata yang letaknya di hadapan atau di belakang frasa adjektif. Contoh: amat, sangat dan sungguh.

Aktiviti

Mengecam dan melengkapkan teks dengan kata penguat yang betul.

Nota Guru
5.1.4
(ii)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata penguat.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya
- KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan



Tatabahasa

Waspada Arus Karau

Ketika di Terengganu, Encik Nazri telah membawa Afifi dan Azrul bersiar-siar di tepi pantai.


- Afifi: Wah, jernihnya air laut ini! Seronok jika dapat mandi-manda.
 Ayah: Jika mandi di laut, kamu harus berhati-hati dengan arus karau. Kamu juga patut tahu berenang kerana jika berlaku sesuatu, kamu dapat menyelamatkan diri.
 Afifi: Apakah arus karau, ayah?
 Ayah: Arus karau ialah arus kuat yang boleh menarik seseorang dari pantai dengan tiba-tiba. Biasanya, yang pandai berenang pun mungkin tewas dan panik apabila diserang arus karau. Itulah punca berlakunya lemas.
 Azrul: Baru-baru ini, saya ada terbaca berita tentang seorang anggota keluarga telah menjadai mangsa arus karau. Bagi langkah keselamatan, pantai-pantai yang terdedah kepada arus karau mula dikenal pasti. Kini, tempat-tempat tersebut masih ditutup untuk aktiviti air.
 Afifi: Kalau begitu, saya akan belajar berenang sebagai langkah keselamatan.
 Ayah: Ya, Afifi, Azrul. Kamu bukan sahaja perlu tahu berenang, kamu juga



harus – taklimat keselamatan
 dapat – belajar teknik
 sudah – cekap



mesti – dipantau
 mungkin – kejadian
 boleh – membantu



patut – peka situasi
 pernah – arus karau
 masih – bahaya

Munsyi Cilik

Kata bantu ialah kata yang memberikan makna tambahan dari segi waktu dan ragam pada predikat. Dibahagikan kepada kata bantu aspek dan kata bantu ragam.
 Kata bantu aspek menimbulkan suasana perbezaan masa. Contoh: telah, akan, baru dan masih.
 Kata bantu ragam menerangkan ragam perasaan. Contoh: mungkin, boleh, dapat dan harus.

Aktiviti

Menyatakan dan membina ayat menggunakan kata bantu.

UNIT 9 Beringat sebelum Terkena

Mendengar dan Bertutur

Usah Panik

Afifi mengikuti Encik Nazri ke Wisma Kencana. Encik Nazri ingin berjumpa dengan rakannya di aras 14. Mereka



- memasuki lif
- menekan butang lif
- pintu tidak boleh dibuka
- teringat larangan



Terima kasih kerana bijak bertindak.



- hubungi bilik kawalan
- tidak panik
- duduk dan bertenang
- berjaya dibuka
- selamat
- memuji dan bangga

Aktiviti

Ber cerita dengan sebutan dan intonasi yang betul dan sesuai.

Membaca

Jangan Pandang Ringan

Affi dan Kai Jun membaca cerpen dan gurindam dalam majalah Dewan Pelajar.

Cerpen

Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Encik Khairul mendapatkan perkhidmatan teksis untuk membawa keluarga beliau ke hotel. Encik Khairul membantu pemandu teksis memasukkan bagasi ke dalam tempat simpanan barang. Beliau terpancang sebuah kit kecemasan kenderaan di dalamnya. Terdetik dalam fikiran beliau untuk bertanya nanti.

Di dalam teksis, mereka mula berbual-bual. Pemandu teksis memperkenalkan dirinya sebagai Encik Razali.

"Encik Razali, tadi saya terpancang sebuah kit kecemasan kenderaan di dalam tempat simpanan barang. Selalunya, kit kecemasan kenderaan kecil sahaja," kata Encik Khairul.

"Kit kecemasan itu memang sentiasa ada di dalam kereta saya. Di dalamnya, lengkap peralatan untuk kecemasan ketika dalam perjalanan. Tambahan pula, saya pemandu teksis. Selain peralatan kecemasan untuk kenderaan, di dalamnya juga ada peti pertolongan cemas. Saya juga sering terserempak dengan pemandu kereta yang tayarnya pancit, kehabisan minyak dan kemalangan kecil. Kadangkala, pemandu tiada kit kecemasan yang lengkap. Apabila berlaku kecemasan, tiada alatan yang diperlukan," jelas Encik Razali.

"Pernah pada waktu senja, ada kemalangan motosikal dan kereta. Motosikalnya tersepit di bawah kereta. Mujurlah ada jek di dalam kit kecemasan saya. Sementara menunggu bantuan, saya dan pemandu lain menggunakan jek untuk mengeluarkan motosikal tersebut dari bawah kereta. Kami juga memakai jaket pantulan cahaya dan meletakkan segi tiga keselamatan di bahagian belakang kereta," cerita Encik Razali.

"Pengalaman Encik Razali ini satu pengajaran bagi saya. Saya akan memastikan kit kecemasan kenderaan yang lengkap sentiasa ada semasa pemanduan," kata Encik Khairul.

"Betul, Encik Khairul. Malang tidak berbau," balas Encik Razali.

Tidak lama kemudian, mereka tiba di destinasi. Sepanjang perjalanan, Encik Razali sangat mengutamakan keselamatan di jalan raya. Encik Khairul amat bangga akan sikap Encik Razali yang bertanggungjawab itu.



Gurindam Kit Kecemasan Kenderaan

Jika bergerak roda,
Kit kecemasan perlu ada.

Jika tayar pancit di perjalanan,
Perlu ada tayar simpanan.

Jika berhenti pada waktu malam,
Jaket pantulan menyinari kelam.

Jika hujan tanpa diduga,
Adanya payung terasa lega.

Jika jauh perjalanan,
Pengecas telefon dalam simpanan.

Jika sakit tiba-tiba melanda,
Ubat-ubatan perlu tersedia.

Jika air lupa dibawa,
Enjin panas mencengkam jiwa.

Jika ada kabel pelompat,
Bateri lemah dipulih cepat.

Jika ada lampu suluh,
Melihat enjin tiada berkeluh.

Jika semuanya lengkap,
Itulah tanda pemandu yang cekap.



IMBAS SAYA

KIT KECEMASAN KENDERAAN

12 BARANG PENTING YANG PERLU ADA DI DALAM KENDERAAN ANDA

(Sumber: Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia)

Aktiviti

Membaca dan mempersembahkan karya sastera.

Nota Guru
2.3.2

- Bimbing murid membaca dan mempersembahkan karya sastera dengan pelbagai bentuk penyampaian. KBAT: Mengaplikasi – Menunjukkan

Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
EMK: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

Menulis

Keselamatan Siber dalam Percutian

Afi dan ayahnya membaca artikel keselamatan siber dalam e-majalah.



Kini, pencarian maklumat destinasi percutian lebih mudah dengan adanya kemudahan peranti yang semakin canggih dan berteknologi tinggi. Dalam keterujaan melayari alam siber, pengguna digalakkan untuk mengambil langkah keselamatan. Tindakan ini memastikan pengguna dapat berihat dan menikmati percutian dengan selamatnya.



Ketika membuat tempahan percutian, Pengguna diingatkan agar bijak memilih laman sesawang yang selamat. Pastikan penempahan anda dalam laman sesawang yang sah. Selain itu, kemas kini telefon anda agar mempunyai ciri-ciri perisian terbaharu. Yang paling utama, kukuhkan mod keselamatan!



Seterusnya, berhati-hati dengan Wi-fi percuma. Elakan daripada mendedahkan maklumat peribadi dan perbankkan anda dengan Wi-fi percuma. Pastikan anda menggunakan Wi-fi yang sah. Anda juga diingatkan agar kurang dikongsi gambar dalam laman sesawang atau menandai lokasi dalam geolokasi. Hal ini supaya orang lain tidak tahu akan keberadaan anda.



Akhir sekali, pastikan telefon anda sudah ditetapkan dengan perisian anti kecurian. Hal ini memudahkan maklumat anda dipadamkan dari jaoh sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian telefon. Jika semua telah dilaksanakan, Bercutilah dengan gembiranya.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada risalah Bahagian Staf Perisikan Pertahanan, Kementerian Pertahanan Malaysia

Aktiviti

Mengedit dan memurnikan perenggan.



Nota Guru 3.3.2

- Bimbing murid mengedit dan memurnikan perenggan dari aspek ejaan, tanda baca dan imbuhan.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
EMK: Keselamatan

KBAT: Menganalisis – Mengesan

Tatabahasa

Buli Siber

Tinesh menonton wawancara tentang buli siber dalam televisyen.

Apakah kata mereka?



“Buli siber ialah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti mesej, e-mel, laman sosial, telefon bimbit atau permainan Internet.”

Encik Azman bin Abu,
Pegawai Komunikasi dan Multimedia

“Buli siber terbahagi kepada beberapa jenis seperti:

- menghantar mesej, foto, video yang mengganggu seseorang;
- menyalahgunakan kata laluan dan menyamar sebagai orang lain; dan
- memulaukan individu daripada kumpulan Internet dengan sengaja.”

Inspektor Karim bin Zaki,
Pegawai Polis



“Cara mencegah buli siber termasuklah:

- amalkan keselamatan dan etika melayari Internet;
- jangan kongsi kan butiran peribadi dalam Internet; dan
- awasi nada dan makna mesej yang ditulis. Mungkin maknanya boleh disalah tafsir.”

Encik Yunus bin Ali,
Aktivis Sosial



“Buli siber boleh menyebabkan mangsa resah, murung serta mendapat penyakit yang berkaitan dengan tekanan. Dalam kes tertentu, buli siber boleh menyebabkan mangsa melakukan perkara negatif.”

Puan Suraya binti Saiful,
Guru Bimbingan dan Kaunseling



Munsji Cilik

Kata berimbuhan awalan ialah kata yang menerima imbuhan pada awal kata dasar seperti mengancam dan terbahagi. Kata berimbuhan akhiran ialah kata yang menerima imbuhan pada akhir kata dasar seperti amalkan dan awasi.

Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat dengan menggunakan kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran.

Nota Guru 5.2.1 (i,ii)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
EMK: Keselamatan

KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan



KPM

Pemulihan

Tulis draf dan bina karangan.
Pandangan Ayah Kabur

Kai Jun menceritakan panduan keselamatan pemanduan ayahnya ketika musim jerebu kepada Afifi dan Tinesh.



Cuaca jerebu sedang melanda Negeri Melaka, semua pemandu dinasihati berhati-hati ketika memandu dan patuhi peraturan jalan raya.

Pendahuluan

Isi 1

- ke tempat kerja
- pandangan kabur
- memasang lampu
- melihat dengan jelas



- menaikkan semua tingkap
- memasang penyaman udara
- mengekalkan fokus pemanduan

Isi 2

Isi 3

- menjarakkan kereta
- memandu secara perlahan
- mengelakkan perlanggaran



Akhirnya, Encik Teong selamat tiba di tempat kerja. Amalan pemanduan berhemah semasa musim jerebu dapat mengelakkan beliau daripada kemalangan.

Penutup

Cuaca jerebu sedang melanda negeri Melaka. Semua pemandu dinasihati agar berhati-hati ketika memandu. Pemandu mestilah mematuhi peraturan jalan raya.

Pengayaan

Berdasarkan pengalaman kamu, ceritakan situasi di bawah dengan intonasi dan sebutan yang sesuai. Kemudian, bersoal jawab untuk menjanakan idea.

Simpan dengan Selamatnya

Puan Maznah ingin melakukan penyimpanan selamat bagi bahan-bahan makanan kering yang baru dibeli. Safura dan Sofea membantu beliau.



Situasi 1

Situasi 2



Mengapakah bahan-bahan makanan kering tidak boleh diletakkan di atas lantai dan disimpan secara bercampur dengan bahan kimia?

Selain itu, ruang penyimpanan hendaklah mempunyai pengudaraan yang baik, pencahayaan yang mencukupi dan permukaan yang kering.

Ya, Sofea. Jika tidak disimpan secara baik, bahan makanan ini akan mudah rosak.

Pengukuhan


Baca dan rumuskan.

Keselamatan Semua


Kecanggihan perkhidmatan pengangkutan awam e-panggilan memberi pengguna pelbagai manfaat. Namun begitu, kita tidak menafikan bahawa akan wujudnya perkara negatif kepada pemandu atau penumpang perkhidmatan e-panggilan. Mereka hendaklah sentiasa berhati-hati dan peka akan situasi.

Pemandu perkhidmatan e-panggilan

Syarikat perkhidmatan e-panggilan mestilah sentiasa mengemaskinikan dan memastikan sistem teknologi keselamatan pemandu berfungsi dengan baikny.



Penumpang perkhidmatan e-panggilan



Penilaian

- (A) Lengkapi teks dengan kata pemer, kata bantu serta kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran yang betul.

Jangan Ambil Ringan

Dalam perjalanan ke Pulau Pinang, Tinesh sekeluarga berhenti di henti rehat dan rawat. Tinesh mendapati bahawa agak ramai orang di situ. Ada yang mahu/pernah makan dan rehat di pondok-pondok rehat.



"Ramai benar orang berhenti rehat di sini, ayah," kata Tinesh.
 "Ya, Tinesh. Mereka mungkin/telah dalam perjalanan pulang. Ada yang telah/belum melalui perjalanan yang sangat jauh dan mereka terlalu penat," jelas Encik Ravin.
 "Oh, patutlah ramai sekali yang berhenti rehat!" kata Tinesh.
 "Ramai pemandu sadar akan larang tidur di dalam kereta dengan enjin yang masih/akan hidup. Perbuatan ini amat risiko kerana undang bahaya yang tidak dijangka. Tindak mereka adalah/ialah bijak kerana berhenti rehat di pondok rehat sambil ambil udara segar di sini," jelas Encik Ravin.
 "Mengapakah perbuatan tidur di dalam kereta bahaya, ayah?" tanya Tinesh.
 "Jika berlaku kebocoran gas daripada ekzos, kita tidak akan/telah sadar. Hal ini disebabkan gas karbon monoksida tiada bau dan warna. Gas ini tidak dapat/harus kita amat. Gas karbon monoksida adalah/ialah gas beracun yang boleh/perlu menyebabkan kerosakan organ dan boleh bunuh. Oleh itu, elak perbuatan tersebut. Amat langkah keselamatan dan jangan ambil ringan," jelas Encik Ravin.

- (B) Senaraikan kata penguat daripada teks di atas. Kemudian, bina ayat.

Kata Penguat



- (C) Baca petikan dan persembahkannya mengikut kreativiti kumpulan. Setiap kumpulan perlu membuat penilaian.


Perkara	Kelancaran	Intonasi	Sebutan	Gaya
Komen dan Markah				

Panduan Markah

5 - sederhana 10 - baik 15 - sangat baik

Etika Penggunaan Internet dan Media Sosial


Penggunaan Internet dan media sosial membolehkan maklumat tersebar dengan pantas. Dalam keterujaan menikmati kemudahan ini, kita alpa akan isu keselamatan penggunaannya. Oleh itu, kita mestilah sentiasa mengutamakan etika penggunaan Internet dan media sosial.



- 1 Pastikan alamat e-mel dan kata laluan rasmi tidak digunakan dalam akaun media sosial.
- 2 Daftar keluar daripada akaun media sosial apabila tidak digunakan lagi.
- 3 Elakkan daripada berkongsi maklumat peribadi.
- 4 Elakkan daripada memuat turun aplikasi yang rendah tahap keselamatannya.
- 5 Elakkan daripada menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi semasa bekerja atau belajar di sekolah.
- 6 Waspada menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi supaya tidak mendedahkan maklumat rasmi.
- 7 Elakkan daripada membuat komen tentang isu yang melibatkan organisasi atau serangan peribadi.
- 8 Pastikan perkongsian dan penggunaan maklumat yang berkaitan dengan hak cipta mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak terbabit.
- 9 Elakkan daripada menggunakan Wi-fi umum yang rendah tahap keselamatannya.
- 10 Kenal pasti rakan media sosial anda.

(Sumber: Agensi Keselamatan Siber Negara)

Tema 4 PERPADUAN



Aktiviti
Berbual-bual tentang gambar.

UNIT 10 Memupuk Perpaduan

Mendengar dan Bertutur

Detik Perpaduan

Cikgu Julia dan murid-muridnya di dalam bilik tayangan. Di situ, mereka menonton video dan berbincang tentang video tersebut.



1 Detik perpaduan berlaku apabila masyarakat berbilang kaum bersama-sama meraikan perayaan sesuatu kaum, contohnya di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri.



3 - aktiviti kemasyarakatan - rakyat pelbagai kaum - bergotong-royong
- kawalan keselamatan - kawasan perumahan



5 - pemain berbilang kaum - bertanding dalam acara sukan - kerjasama
- sokongan padu - martabat Malaysia



7 Di sekolah,

Farisha, ceritakan kisah Detik Perpaduan di Malaysia yang kamu tonton kepada kawan-kawan.

Mengapakah kita perlu memupuk perpaduan dalam kalangan murid?

Apakah aktiviti perpaduan yang berlaku di sekeliling kamu selain yang kamu tonton dalam video?



Kisah Detik Perpaduan

Kita perlu memupuk perpaduan kerana

Selain aktiviti perpaduan dalam video,

Aktiviti

Menceritakan maklumat yang didengar, ditonton dan dibaca.

Nota Guru 1.3.2
• Bimbing murid bercerita tentang sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dan dibaca dengan sebutan yang betul dan intonasi serta gaya yang sesuai.
Strategi PdP: Kecerdasan Pelbagai KBAT: Mengaplikasi - Menggambarkan
EMK: Nilai Murni - Semangat Bermasyarakat

Membaca

Semarak Perpaduan

Farisha sedang membaca rencana tentang aktiviti yang dapat menyemarakkan perpaduan antara kaum.

Rencana

Semarakkan Detik Perpaduan

Persefahaman rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama amat penting untuk mengekalkan perpaduan. Oleh itu, terdapat beberapa langkah bagi menyemarakkan perpaduan sekali gus mewujudkan keharmonian.

Hubungan kekeluargaan yang erat asas pemupukan perpaduan dalam masyarakat. Peranan ibu bapa mencorakkan keperibadian anak-anak dengan amalan menghormati kaum lain dapat melahirkan keharmonian. Semangat persaudaraan dalam pergaulan harian perlu dididik sejak kecil, melentur buluh biarlah waktu rebunginya.

Seterusnya, institusi pendidikan juga berperanan untuk menyemarakkan perpaduan. Murid-murid perlu didedahkan dengan sistem pendidikan yang dapat menjamin hubungan yang utuh. Mereka perlu dididik dengan sifat toleransi dan saling bekerjasama dalam pelbagai aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Pergaulan mesra antara murid berbilang kaum ini asas kehidupan bermasyarakat yang harmoni.

Di samping itu, anak-anak perlu digalakkan berkomunikasi dengan jiran yang berlainan kaum. Situasi itu dapat diamalkan apabila mereka saling mengunjungi majlis sambutan perayaan. Dalam kelompok masyarakat pula, mereka dapat berkomunikasi dalam aktiviti gotong-royong dan aktiviti sosial penduduk yang menjamin kerjasama antara kaum.


Kesimpulannya, semua pihak haruslah berganding bahu dalam pemupukan nilai perpaduan dalam kehidupan. Dengan semangat kekitaan, perpaduan akan terus subur.



Farisha juga dicadangkan oleh ayahnya, Encik Farid, agar membaca imbasan sejarah tentang semarak perpaduan.

Hargai Perjuangan Pemimpin Terdahulu


Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V.T. Sambanthan antara tokoh yang dijulung sebagai arkitek yang membina jambatan perpaduan yang diwariskan kepada kita. Kejayaan mereka menyatupadukan pelbagai kaum di Tanah Melayu memenuhi syarat penting bagi memperoleh kemerdekaan.



Wawasan Seorang Negarawan

"Saya ingin melihat rakyat Malaysia berasa megah atas kejayaan yang dicapai oleh negara ini, serta yakin berapa banyak lagi kejayaan akan dicapai hasil semangat hidup persaudaraan antara satu sama lain." – Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
Ucapan sempena ulang tahun kesepuluh kemerdekaan negara pada 12 Ogos 1967.

Langkah Menyemarakkan Perpaduan



Aktiviti

Membaca teks dengan gaya penyampaian yang sesuai.

Nota Guru 2.3.2

• Bimbing murid membaca karya bukan sastera dengan gaya penyampaian yang sesuai.
Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Mengaplikasi – Menunjuk cara
EMK: Nilai Murni – Patriotisme

Menulis

Kem Perkhemahan Muhibah

Farisha berkongsi cerita tentang Kem Perkhemahan Muhibah yang telah berlangsung di sekolah kepada anggota keluarganya.

Majlis telah dimulakan dengan acara sambutan ketibaan tetangga kehormat. Majlis ini adalah untuk menjalin pautan perpaduan antara murid di sekolah pelbagai aliran. Selain itu, persefahaman dalam kalangan murid dan ibu bapa dipupuk sejak dapat lagi di sekolah.

Acara perasmian dimulakan dengan paluan kompang, tabla, dholak dan gendang Cina daripada Kelab Alunan Serumpun. Kemudian, tetamu dan murid-murid kaku menyanyikan lagu patriotik dan beberapa kuntum lagu muhibah seperti lagu "Setia". Selepas itu, tetamu dan ibu bapa untuk beramah mesra dengan peserta melawat ke tapak perkhemahan. Mereka teruja apabila melihat murid-murid pelbagai kaum bekerjasama ketika menghias khemah.

Penyampaian hadiah kepada badan beruniform sekolah ialah penutup acara majlis itu. Sebelum bersurai, semua murid dan tetamu ke kantin untuk menjamah selera. Mereka makan sambil dihiburkan dengan laungan lagu. Sikap mesra dalam mengukuhkan perpaduan kalangan murid dan ibu bapa mereka.

Penggunaan kata	
salah	betul
tetangga	tetamu
pautan	

Penggunaan struktur ayat	
salah	betul
Selain itu, persefahaman dalam kalangan murid dan ibu bapa dipupuk sejak dapat lagi di sekolah.	Selain itu, persefahaman dalam kalangan murid dan ibu bapa dapat dipupuk sejak di sekolah lagi.

Aktiviti

Mengedit dan memumikan teks dari aspek penggunaan kata dan struktur ayat.



Nota Guru 3.3.2

Bimbing murid mengenal pasti kesalahan penggunaan kata dan struktur ayat dalam teks.
Strategi PdP: Pembelajaran Koperatif
EMK: Nilai Murni - Kerjasama
KBAT: Menganalisis - Mengenal pasti

Seni Bahasa

Indahnya Kemesraan

Keluarga Farisha ke majlis kenduri perkahwinan. Shu Fen dan Rubini turut serta.

Sebelum pulang ...

- Encik Khalid: Terima kasih kerana sudi menghadiri majlis kami.
- Encik Farid: Sama-sama. Terima kasih juga atas keenakan juadah yang membuka selera. Langkah kanan kami hari ini. Para pelayan juga manis mulut melayan kami. Persembahan selingan menjadi halwa mata untuk kami.
- Shu Fen: Pasangan pengantin pula sepadan, bagaikan pinang dibelah dua.
- Encik Khalid: Saya bersyukur kerana ramai yang datang bergotong-royong. Mereka rajin macam semut. Muafakat membawa berkat. Majlis pula berjalan lancar seperti air.
- Farisha: Betul, tuan. Saya melihat pelbagai kaum datang memeriahkan majlis. Suasannya sungguh harmoni, bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat. Kami semua ceria bergurau senda.
- Encik Khalid: Betul, Farisha. Kami berbesar hati menerima kedatangan semua.
- Rubini: Undangan ini sekali gus menyemarakkan perpaduan antara kita, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Kami minta diri dulu.
- Encik Khalid: Baiklah. Ambillah bunga telur ini sebagai tanda mata buat semua.

Setibanya di rumah ...

- Farisha: Saya bangga akan Encik Khalid kerana menerima kita dengan hati terbuka.
- Rubini: Encik Khalid juga peramah mengikut resmi padi, makin berisi makin menunduk.



Saudara-mara bergotong-royong agar majlis berjalan lancar.

Aktiviti

Bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa dan bahasa yang santun.

Nota Guru 4.1.1

Bimbing murid bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa dan bahasa yang santun.
Strategi PdP: KP - Verbal-linguistik
EMK: Nilai Murni - Berhemah Tinggi
KBAT: Mengaplikasi - Melaksana
PAK-21: Main Peranan



Tatabahasa

Kita Tetap Bersahabat

Farisha mengirim e-mel kepada rakannya untuk menceritakan aktiviti memujuk perpaduan kaum di sekolahnya.

E-mel

Daripada: farisha@ymel.com
Kepada: sindalikan@ymel.com
Perkara: Aktiviti Perpaduan

Tujuan saya mengirim e-mel ini adalah untuk bercerita tentang aktiviti memujuk perpaduan di sekolah saya. Antara programnya termasuklah pertandingan drama muhibah, larian sehatiji sejiwa, malam kebudayaan dan sukaneka perpaduan. Program itu untuk melahirkan peserta yang dapat menjivai erti perpaduan.

Setiap aktiviti dan penyertaan dalam sesebuah pasukan perlu melibatkan murid berbilang kaum. Pihak sekolah juga mengundang sebuah kumpulan kebudayaan dari Sarawak dan Sabah. Mereka beraksi untuk meriah malam kebudayaan. Seperti kata pemimpin, rakyat mestilah bertoleransi dan mengelakkan perpecahan. Pada hari itu, peserta saling salam dan bernaafan.

Semangat kita jelas kelihatan melalui program itu. Program itu dapat memujuk semangat perpaduan dan kembang bakat kerana budaya yang waris bangsa perlu rai agar sentiasa subur.

Akhir kata, saya berharap agar saudara juga sudi menceritakan aktiviti perpaduan di sana. Kita patut syukur nikmat muhibah di negara kita. Saya berharap semoga tali saudara kita terus terjalin. Walaupun jauh di mata, dekat di hati. Kita tetap bersahabat.

Sekian, terima kasih.

Munshi Cilik

Kata berimbuhan apitan ialah kata yang menerima imbuhan di hadapan dan di belakang kata dasar.
Contoh: kekitaan, persaudaraan dan bersalam-an.

imbuhan	ke-...-an	imbuhan
ke-	kata dasar	-an
	kita	

Aktiviti

Memahami dan menggunakan kata berimbuhan apitan.



Nota Guru 5.2.1 (iii)

- Bimbing murid memahami, melengkapkan kata berimbuhan apitan dan membina ayat mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme
- EMK: Nilai Murni – Kerjasama
- KBAT: Menganalisis – Menggunakan

UNIT 11 Meraikan Penyatuan

Mendengar dan Bertutur

Situasi 1 Kalah Menang, Adat Bertanding

Farisha dan Rubini, pemain bola jaring SK Seri Makmur, sedang mengikuti telesidang rasmi daripada Puan Suria, jurulatih bola jaring negeri.

Sebagai pemain yang hebat, kita patut bermain dengan semangat kesukanan yang tinggi. Jangan bersengketa semasa bermain dan usah sesekali memandang rendah terhadap lawan kita. Raikan kepelbagaian kaum dalam pasukan dengan bersatu padu.

Sebelum dan selepas pertandingan, bersalamlah dengan pasukan lawan dan pengadil. Ucapkan sesuatu dengan wajah yang ceria dan manis.



Situasi 2

Sebagai ketua pasukan, Farisha mengadakan pertemuan rasmi dengan semua ahli pasukan bola jaring.

Salam sejahtera, tadi kami telah mengadakan telesidang dengan Puan Suria, jurulatih bola jaring negeri. Banyak amanat yang disampaikan beliau. Rubini, minta sebutkan amanat itu semula.



Aktiviti

Mendengar, mengecam dan menyebut maklumat semula.

Nota Guru 1.1.1

- Bimbing murid mendengar, mengecam sebutan, dan menyebut semula ujaran yang terdapat dalam situasi formal.
- Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
- EMK: Nilai Murni – Berhormat Tinggi

KBAT: Mengapikasi – Menggunakan



Membaca

Farisha membacakan Rubini dan Shu Fen petikan cerpen ilham kakaknya.

Bubur Lambuk Perpaduan

Amin terus mengayuh basikalnya ke balai raya. Suraj dan Ah Meng mengekorinya.

"Atuk, bubur lambuk dah habis!" laung Amin sejeurus dia menyandarkan basikal di pagar.

"Kami perlukan banyak lagi, tuk! Ada beberapa buah rumah lagi yang belum dapat," sambung Suraj pula dengan termengah-mengah akibat kepenatan.

Pak Osman tersenyum. Cucu dan rakan-rakan memang rajin membantu. Mereka mengagihkan bubur lambuk perpaduan itu dengan lancarnya. Zaman kanak-kanak memang menyeronokkan. Amin, Suraj dan Ah Meng tidak pernah menolak jika diminta untuk membantu Pak Osman di balai raya.

Jam menunjukkan pukul enam petang. Masih sempat lagi bubur lambuk itu sampai ke muka pintu rumah penduduk kampung sebelum waktu berbuka puasa. Penduduk beragama Islam bolehlah menjadikan bubur itu sebagai juadah berbuka puasa, manakala yang bukan Islam boleh menikmatinya sebagai juadah iringan makan malam nanti. Rezeki sesuap sama dirasa. Saban tahun, penduduk kampung menantikan bubur lambuk perpaduan masakan Pak Osman.



Sejak pagi lagi, penduduk Kampung Seri Cempaka sudah memenuhi balai raya itu. Mereka bergotong-royong untuk menyediakan bahan masakan, memasak dan membungkus bubur lambuk. Yang lebih membanggakan apabila penduduk kampung, tidak kira agama, bangsa dan kaum tidak putus-putus memberikan sumbangan ikhlas dalam bentuk barangan atau wang. Sepakat membawa berkat, mungkin inilah sebabnya bubur lambuk perpaduan enak dan sedap.

"Terima kasih saya ucapkan kepada semua. Kita bersurai dahulu. Jangan lupa ambil bungkusan bubur lambuk masing-masing," ucap Pak Osman selepas siap berkemas.

Amin, rakan-rakan dan penduduk kampung melangkah pulang dengan gembiranya, walaupun penat seharian bekerja. Kemesraan terjalin indah dan perpaduan akan terus utuh di Kampung Seri Cempaka.



Kemudiannya, Farisha, Rubini dan Shu Fen membuat catatan mereka sendiri tentang cerpen *Bubur Lambuk Perpaduan* itu.

Catatan

Khamis, 26 Mei 20□□

9:00 pagi

Penduduk Kampung Seri Cempaka mula berkumpul di balai raya. Mak Cik Aminah, Puan Ang dan Puan Vasanti pun ada. Mereka sedang menyiapkan ramuan untuk memasak. Pak Osman, Encik Yeo dan Encik Vijay pula menyiapkan tempat memasak. Mereka bertoleransi semasa membuat pekerjaan.

10:00 pagi

Peserta gotong-royong berehat. Mereka mengambil peluang itu untuk bertanya khabar dan bertukar-tukar fikiran tentang isu-isu semasa. Pak Osman masih tekun merancang aktiviti seterusnya.

2:00 petang

Beberapa orang penduduk lelaki memulakan kerja memasak. Pak Osman, ketua cef, memantau sambil mengusik mereka dengan aksi jenaka. Penduduk tidak kering gusi dengan celoteh beliau. Deraian gelak tawa mewarnai suasana di situ. Suasana mesra dan harmoni.

5:00 petang

Kerja membungkus dan memasukkan bubur lambuk ke dalam bekas bermula. Walaupun panas dengan bahang api, mereka tetap sabar dan tenang.

5:30 petang

Amin, Ah Meng dan Suraj mengagihkan bubur lambuk kepada semua penduduk kampung. Rezeki sama dirasa akan mengeratkan perpaduan antara kaum.

Borang Penilaian

Perkara Dinilai	Skor			Komen Rakan
	1	2	3	
Kelancaran bacaan.	✓	✓	✓	
Bacaan dengan intonasi yang sesuai.	✓	✓	✓	✓
Bacaan dengan sebutan jelas dan betul.	✓	✓	✓	

Petunjuk Skor

1 – perlu bimbingan 2 – sederhana 3 – baik

Aktiviti

Membaca cerpen dan catatan dengan gaya penyampaian yang sesuai.

Nota Guru
2.3.2

• Bimbing murid membaca dan mempersembahkan karya sastera dan karya bukan sastera dengan pelbagai bentuk penyampaian.
Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
EMK: Nilai Murni – Semangat Bermasyarakat

KBAT: Menilai – Menentukan



Menulis

Mengait Bersama-sama

Puan Faezah, ibu Farisha, mempromosikan aktiviti dalam hantaran Facebook. Beliau ingin mencurahkan ilmu kepada kaum ibu di Taman Setia Jaya sebagai pengisian masa lapang.



Puan Faezah
Sabtu, 20 Mac 2022

PROGRAM KEJIRANAN WANITA

Aktiviti Mengait Barangan

Berlangsung pada hari Sabtu, 2 April 2022. Bermula pada pukul 2:00 hingga 6:00 petang. Aktiviti dijalankan di Dewan Perpaduan, Taman Setia Jaya, Melaka. Tenaga pengajar ialah Puan Jamayah binti Dawi.



Penyertaan Percuma

Marilah kita, penuhi masa lapang dengan aktiviti mengait barangan sambil mengeratkan perpaduan dalam kalangan kita. Di samping itu, kita dapat menjimatkan perbelanjaan dengan menghasilkan barangan hiasan dan barangan rumah berasaskan barangan kaitan secara sendiri.

Disukai oleh 42 orang >

15 komen



Puan Sarmila

Aktiviti mengait set alas sofa memang memerlukan kesabaran yang tinggi kerana mengambil masa yang agak lama untuk menyiapkannya. Oleh itu, semua peserta mestilah saling membantu dan bekerjasama.



Puan Lim

Saya seronok jika dapat berkongsi minat yang sama dengan orang ramai. Terima kasih kepada mereka yang sudi memberikan sokongan terhadap aktiviti perpaduan ini. Yang lebih utama, kita dapat memupuk semangat bersatu padu.

Aktiviti

Menulis ayat dalam perenggan dalam bentuk tulisan berangkai.

84
KPM

Nota Guru
3.1.1

- Bimbing murid menulis ayat dalam perenggan secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
- EMK: Nilai Murni – Kerajinan

KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan



Seni Bahasa

Meriahnya Perayaan

Farisha berpeluang untuk melagukan syair dalam pertandingan kebudayaan di sekolahnya. Rakannya, Rubini dan Shu Fen, memberikan sokongan moral.



IMBAS SAYA



Negara Malaysia namamu terserlah,
Perpaduan utuh musuh pasti kalah,
Harmoni di rumah juga di sekolah,
Raikan persamaan usah berbalah.

Rumah terbuka juadah berselera,
Makan bersama jalinan mesra,
Rakan taulan seperti saudara,
Susah dibantu tanpa berkira.

Pelbagai bangsa aneka budaya,
Semangat berpadu mewarnai raya,
Saling menghormati saling percaya,
Jaga kesopanan dalam media maya.

Pelbagai kaum warisan persembahan,
Suasana ceria jelas kemeriahan,
Berganding bahu warisan dipertahan,
Seni dan budaya penuh keindahan.

Syair tadi menceritakan ...

Penyair menyarankan ...

Selain itu, penyair berharap ...



Rumusan keseluruhan isi syair ialah ...

Aktiviti

Melagukan syair serta menyatakan idea keseluruhan.

Nota Guru
4.2.1

- Bimbing murid melafazkan dan melagukan syair serta menyatakan idea keseluruhan syair.
- Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
- EMK: Nilai Murni – Berhemah Tinggi


KBAT: Menganalisis – Menerangkan

85
KPM

Tatabahasa

Kelab Rukun Negara

Farisha, Rubini dan Shu Fen daripada kumpulan Gemilang sedang menyiapkan mural Rukun Negara di dinding bangunan sekolah.




Kita akan memastikan telapak tangan bersih semula selepas mewarna dan tiada kesan celoreng pada pakaian kita.

Betul, Farisha. Pastikan alatan tidak selarak.

Jangan gementar semasa mewarnakannya. Nanti, hasilnya tidak kemas. Lukisan jangan terlalu padat nanti nampak serabut pula.

Mural Rukun Negara siap dengan cemerlangnya. Ada apa-apa idea untuk kita hiaskannya?



Saya bercadang untuk menulis kata-kata hikmat pada kelopak bunga raya itu.

Di kiri mural, kita letakkan pasu bunga raya dan bunga mawar agar kelihatan bersempadan dan semerbak harum. Kita boleh memasang lampu kerlip agar mural ini nampak menarik.

Bagus semua. Kerja kamu ini ialah sinambung pembelajaran kamu di dalam kelas. Kamu telah bersatu hati menjapkannya.

Munsyi Cilik

Kata berimbuhan sisipan ialah imbuhan yang menyisip di bahagian tengah kata. Empat bentuk sisipan ialah -el-, -er-, -em- dan -in-.

- Contoh:
- el- tapak - telapak
 - er- gigi - gerigi
 - em- kuning - kemuning
 - in- sambung - sinambung

Aktiviti

Mengecam dan memahami kata berimbuhan sisipan.

UNIT 12 Jalinan Perpaduan

Mendengar dan Bertutur

Info Perpaduan

Kumpulan Farisha ditemani ayahnya ke Jabatan Belia dan Sukan Negara untuk mendapatkan maklumat bagi projek buku skrap.

Salam sejahtera, tuan. Kami ke sini untuk mendapatkan maklumat tentang pemupukan perpaduan melalui aktiviti sukan di Malaysia.

Boleh. Sememangnya sukan dapat mewujudkan semangat perpaduan pelbagai kaum. Misalnya, penganjuran Bulan Sukan Negara adalah untuk menerapkan budaya sukan dan memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat.

Minta tuan jelaskan elemen perpaduan dalam Bulan Sukan Negara lagi.



Penyertaannya untuk semua golongan masyarakat pelbagai kaum di pelbagai lokasi. Aktivitinya bersifat santai dan mesra. Warna biru pada logo Bulan Sukan Negara itu bermaksud perpaduan rakyat dalam sukan.

Farisha, bolehkah kamu maklumkan maklumat perpaduan daripada aktiviti Bulan Sukan Negara yang telah kamu dapat semasa lawatan?

Bagaimanakah perpaduan kaum dapat dipupuk melalui aktiviti Bulan Sukan Negara?



Baiklah, cikgu. Aktiviti Bulan Sukan Negara

Perpaduan wujud apabila

Aktiviti

Mendengar, memahami dan memberikan respons.

Membaca

Raikan Budaya Kita

Farisha dan ayahnya sedang meneliti poster acara yang akan berlangsung di tempat mereka. Mereka bertukar-tukar fikiran tentang poster itu.

KARNIVAL KESENIAN DAN KEBUDAYAAN 2022

Masuk Percuma

TEMA: KESENIAN MENGILHAMKAN PERPADUAN

Tarikh: 5 Mac 2022
 Hari: Sabtu
 Sesi Petang: 3:00 hingga 6:00 petang
 Sesi Malam: 8:00 hingga 11:00 malam
 Lokasi: Dewan Perpaduan, Melaka

Anjuran
 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Objektif Karnival

- Melahirkan masyarakat yang muhibah, harmoni dan saling memahami melalui aktiviti kesenian dan kebudayaan
- Melestarikan seni dan budaya bangsa Malaysia agar sama-sama dihayati dan diraikan dengan semangat muhibah

Acara

- Tarian zapin, tarian kipas, tarian bharatanatyam, tarian sumazau, ngajat, tarian sewang dan koir perpaduan
- Pameran pelbagai agensi kerajaan dan kempen menderma darah

Acara Khas

Pemilihan Penonton Muhibah 2022

Syarat:
 Penonton mesti hadir dalam kumpulan pelbagai kaum dan berpakaian tradisional.

HADIAH MISTERI! MENANTI ANDA!

Maklumat Tersurat

Tajuk Program Karnival Kesenian dan Kebudayaan 2022

Hari, Masa dan Tempat Program

Acara-acara

Maklumat Tersirat

Pengunjung dipersembahkan dengan aneka persembahan seni dan budaya pelbagai kaum di Malaysia.

Sesuai kerana

Menarik dan menampilkan

Hari Karnival

Apakah jangkaan kamu tentang respons pengunjung karnival kelak, Farisha?

Pada pendapat kamu, apakah faedah yang kita peroleh daripada karnival itu?

Pada jangkaan saya, sambutan pengunjung

Pada pendapat saya, banyak faedah yang kita peroleh

Aktiviti

Memahami maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons.

Nota Guru 2.1.1

Bimbing murid membaca dan memahami maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons.
 Strategi PaP: Belajar Cara Belajar
 EMK: Nilai Murni - Patriotisme

KBAT: Menganalisis - Mengesan
 PAK-21: Meja Bulat

Menulis

Wira dan Wirawati Negara

Farisha mencari maklumat tentang Anugerah MyHero dalam laman sesawang Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.



LAMAN UTAMA

LATAR BELAKANG MENGENAI KAMI INFO PERKHIDMATAN HUBUNGI KAMI

Anugerah MyHero diperkenalkan pada tahun 2014 bagi mengiktiraf wira dan wirawati yang tidak didendang dalam masyarakat. Namun begitu, mereka aktif berbakti dalam pelbagai cara demi perpaduan dan keharmonian kaum di Malaysia.



Abdul Muhen Abdul Mohssin, Kedah

Seramai 10 000 orang murid mendapat manfaat daripada tuisyen bahasa Melayu beliau secara percuma. Majoriti murid daripada kaum Cina dan India. Usaha ini dapat memartabatkan penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid bukan Melayu.

Pada pendapat saya, usaha Encik Abdul Muhen terpuji kerana sanggup berkorban tenaga dan kos untuk memberikan perkhidmatan tuisyen percuma kepada murid pelbagai bangsa.

Beliau membesarkan 11 orang anak angkat pelbagai kaum dan agama daripada keluarga yang susah. Kejayaan yang dicapai oleh anak angkat memberikan kepuasan kepada beliau.

Pada pandangan saya, – sumbangan – ikhlas – kebajikan – kongsi rezeki – bantu – pelbagai kaum




Tan Bee Seng, Pahang



Angela Devi Ariyan, Negeri Sembilan

Beliau pengasas Persatuan Kebajikan Vinashini yang membantu orang kurang upaya, anak yatim dan warga emas. Beliau berbakti tanpa mengharapkan balasan dan penghargaan.

Pada pendapat saya,



Wong Siew Sin, Sabah

Beliau giat menjalankan aktiviti kebajikan masyarakat pelbagai kaum dan agama dengan sumber kewangan sendiri. Kebajikan yang dihulurkan termasuklah membantu masyarakat susah di kampung.

Saya berpandangan bahawa

Aktiviti

Membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat terhadap sumbangan tokoh.

90 PM

Nota Guru 3.2.1

- Bimbing murid membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat daripada sesuatu bahan multimedia.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme
- EMK: Nilai Murni – Prihatin

KBAT: Menilai – Memberikan ulasan
PAK-21: Meja Bulat Serentak



Seni Bahasa

Silang Budaya

Maksud rangkap 1

Bahasa kebangsaan dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa di Malaysia.

Teman berbeza budaya kelainan tutur bicara usah jadikan jurang pemisah kerana kita ada tali pengikat bahasa kebangsaan.



Maksud rangkap 3

Keseluruhan sajak bermaksud

Teman seni budaya dan jati diri niat suci berhati murni raihan budaya ketatasusilaan kita peliharalah sampai bila-bila.

Maksud rangkap 2

Teman di mana-mana pun berada di sekolah, di menara gading di medan mencari rezeki sesuap nasi carilah persamaan silang budaya kemegahan kita.



Maksud rangkap 4

Budayaku, luhur budayaku, tersohor bahasaku, unggul dengan bahasa, budaya kita bersatu.

Nukilan: Pena Alma



IMBAS SAYA

Aktiviti

Mendeklamasikan sajak dan menyatakan maksud sajak.

Nota Guru 4.2.2

- Bimbing murid mendeklamasikan sajak dan menyatakan maksud sajak.
- Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
- EMK: Nilai Murni – Patriotisme

KBAT: Menganalisis – Menerangkan


91 KPM

Tatabahasa

Panggung Perpaduan

Farisha mempengerusikan mesyuarat Kelab Drama. Mesyuarat itu membincangkan persembahan Panggung Perpaduan sempena sambutan Hari Malaysia.

- Farisha: Salam sejahtera. Guru besar mencadangkan kita mengadakan persembahan drama khas sempena Hari Malaysia. Kelab kita menyahut cabaran itu dengan sukarelanya.
- Irfan: Terima kasih kerana berani mencuba. Berkat kerjasama semua, persembahan itu akan menjadi kenyataan.
- Shu Fen: Sudah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menjayakan drama itu kerana aktiviti itu sebahagian daripada objektif penubuhan kelab kita.
- Farisha: Sila cadangkan tema dan latar tempat persembahan.
- Rubini: Saya fikir bagus juga jikalau kita tonjolkan tema sambutan hari perayaan atau kehidupan masyarakat majmuk di rumah pangsa. Semua cadangan saya catatkan dalam buku tulis saya.
- Amira: Saya sokong cadangan setiausaha. Nanti, para pelakornya mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia pelbagai kaum.
- Farisha: Menarik juga jika kita selitkan seorang watak pelakon antarabangsa.
- Shu Fen: Saya setuju! Dalam babak itu, kita dapat menunjukkan kegagaban pelancong akan keharmonian hidup pelbagai kaum di Malaysia.
- Farisha: Baiklah, kita akan menghantar borang penyertaan kepada urus setia.



Munshi Cilik

Kata majmuk bebas ialah dua kata dasar yang dirangkaikan untuk membentuk satu kata baharu yang ditulis secara terpisah.

Contoh: buku tulis, rumah pangsa, meja tulis dan guru besar.

Kata majmuk mantap ialah dua kata dasar yang ditulis secara bercantum.

Contoh: beritahu, bumiputera, kakitangan, olahraga, matahari, suruhanjaya dan pesuruhjaya.

Aktiviti

Mengenal pasti dan memahami kata majmuk bebas dan kata majmuk mantap.

Pemulihan

Baca dan fahami teks. Kemudian, kenal pasti isi tersurat dan tersirat untuk memberikan respons.

Memupuk Perpaduan Kaum di Sekolah

Perpaduan sangat penting untuk mengekalkan keharmonian rakyat dan keamanan negara. Perpaduan perlu dipupuk sejak bangku sekolah lagi.

Aktiviti di dalam kelas seperti perbincangan kumpulan dapat menyemai nilai perpaduan dalam jiwa murid yang masih mentah. Guru mesti memastikan setiap kumpulan dianggotai oleh murid berbilang kaum. Pelibatan aktif setiap murid dalam aktiviti berkumpul ini sangat dituntut.

Sebenarnya, pihak sekolah telah pun merancang aktiviti dalam program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP). RIMUP bertujuan untuk mengeratkan perpaduan antara murid pelbagai kaum. Antara aktivitinya termasuklah perkhemahan integrasi dan kejohanan sukan perpaduan.

Aktiviti kokurikulum di sekolah juga dapat memupuk semangat perpaduan. Oleh itu, pihak sekolah perlu memastikan pelibatan murid berbilang kaum dalam aktiviti kelab, persatuan dan badan beruniform. Aktiviti kokurikulum dapat melahirkan murid yang berketerampilan dalam pergaulan.

Kesimpulannya, pelbagai aktiviti boleh dilaksanakan di sekolah dalam usaha memupuk perpaduan dalam kalangan murid. Sekolah mestilah menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang cinta akan keharmonian negara.



Mewujudkan Perpaduan Kaum di Sekolah

Maklumat Tersurat	Maklumat Tersirat	Respons
Tugasan Kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> Ahli kumpulan bekerjasama untuk menyiapkan tugasan. Ahli saling memahami dan menghormati pendapat. 	<input type="text"/> <input type="text"/>
Program RIMUP	<ul style="list-style-type: none"> peluang – murid berbilang kaum – bertemu – ramah mesra – setahaman – saling menghormati 	<input type="text"/>
		<input type="text"/>

Pengayaan

Baca arahan dan jalankan aktiviti permainan bahasa.

PERMAINAN BAHASA
Padan dan Menang

Panduan Permainan

1. Bina dan labelkan tiga stesen. Pertama, Stesen Muhibah, kedua, Stesen Perpaduan (2a dan 2b) dan ketiga, Stesen Harmoni.
2. Secara rawak, setiap murid akan memegang sekeping kad. Contoh: alat, pen, merah, tanggung, setia, kerja, tulis, merah, muda, jawab, usaha, sama dan sebagainya. (kata awal dan akhir bagi kata majmuk)
3. Murid berdiri di dalam bulatan (Stesen Muhibah). Apabila wisel dibunyikan, angkat dan pamer kad kata. Secara spontan dan tertib, murid segera mencari pasangan dengan berdiri di sebelah pasangan kata yang betul untuk membentuk kata majmuk bebas atau kata majmuk mantap.
4. Apabila wisel kedua dibunyikan, pasangan akan mencari Stesen Perpaduan Bebas untuk kata majmuk bebas dan Stesen Perpaduan Mantap untuk kata majmuk mantap. Murid terus mengangkat dan mempamerkan kad kata dan guru menilainya.
5. Pasangan yang berada di stesen yang betul dianggap pemenang.
6. Murid yang tersingkir boleh bermain untuk pusingan seterusnya dengan kad-kad kata yang lain.
7. Untuk memilih juara keseluruhan, guru boleh membuat ujian membina ayat di Stesen Harmoni.



5.2.2 (f)

Pengukuhan

Kenal pasti kesalahan penggunaan kata dan struktur ayat dalam teks. Kemudian, murnikannya.

Laporan Pertandingan Badminton Perpaduan Rakan Taman Setia Jaya

Pada 10 Mei 20□□, Persatuan Rakan Taman Setia Jaya telah menganjurkan Pertandingan Badminton Perpaduan. Berlangsung selama pertandingan dua hari di Dewan Serba Guna Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

Tujuan pertandingan adalah untuk memupuk perpaduan kaum dan mewujudkan kemesraan dalam kalangan penghuni dan penyokong berbilang kaum di Taman Setia Jaya. Penyertaan terpisah kepada kategori remaja dan kategori dewasa. Setiap ahli pasukan daripada pelbagai kaum mestilah terdiri.


Pada hari perbincangan, para pemain dan penyokong berbilang kaum hadir ke dewan. Persaingan antara pasukan mendebarkan sengit dan sungguh. Pemain telah mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi. Pada jam rehat, para peserta dan penyokong beramah mesra dan minum bersama-sama di kafeteria berhampiran.

Pertandingan telah ditimbang oleh pengadil yang bertauliah. Pemain menerima keputusan dengan berlapang dada. Para pemenang akan menerima hadiah dalam Majlis Makan Malam Muhibah. Sebelum berselerak, pihak penganjur dan ahli Rakan Taman Setia Jaya bergotong-royong untuk membersihkan dewan dan menyimpan peralatan. Penganjuran mencapai objektifnya telah pertandingan.

15 MEI 20□□.

Laporan disediakan oleh,

Ahmad Kamal
(AHMAD KAMAL BIN BAHAROM)
Setiausaha,
Rakan Taman Setia Jaya,
Taman Setia Jaya.



Penggunaan kata		Struktur ayat yang salah	Struktur ayat yang betul
salah	betul	Berlangsung selama pertandingan dua hari di Dewan Serba Guna Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.	Pertandingan berlangsung selama dua hari di Dewan Serba Guna Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.
penghuni	pemain		

3.3.2

95 KPM

Penilaian

(A) Sebagai pasangan pembaca dan penilai, baca karya di bawah dengan penyampaian yang baik.

Farisha, Shu Fen dan Rubini membaca rencana dalam majalah *Dewan Pelajar*.

Rencana

Rumah Terbuka

Apabila tiba sahaja musim perayaan, murid di Malaysia akan mengambil kesempatan untuk mengunjungi rumah terbuka dan meraikannya pada peringkat sekolah. Amalan ini sekali gus dapat mengeratkan perpaduan kaum.

Amalan rumah terbuka membantu murid memahami budaya, adat resam dan pantang larang kaum lain. Mereka akan merayakan perayaan itu bersama-sama, walaupun berbeza latar belakang, budaya dan agama. Sebagai contoh, murid India, Cina, Iban dan Kadazan meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan orang Melayu tanpa prasangka.

Amalan rumah terbuka ini menyuburkan hubungan persaudaraan antara murid. Mereka berpeluang untuk mengenali rakan yang berlainan bangsa. Persefahaman kaum wujud melalui pertemuan dan perbualan serta gurau senda.

Selain itu, amalan rumah terbuka juga memberikan peluang bagi murid mengenali dan menikmati kepelbagaian masakan masyarakat Malaysia. Misalnya, masyarakat India gemar menyajikan manisan kepada tetamu. Oleh itu, sikap menghormati tradisi kaum akan kekal terjalin.

Keindahan, keunikan dan kehalusan budaya dalam amalan rumah terbuka akan melahirkan generasi yang bangga akan warisan perpaduan yang dimiliki.

Borang Penilaian Bacaan

Perkara	Kelancaran / 10	Nada, intonasi / 10	Gaya / 10
Komen			

(B) Tulis pendapat kamu berdasarkan soalan yang berikut.

1. Bagaimanakah rumah terbuka dapat memupuk perpaduan kaum?
2. Mengapakah rumah terbuka mendapat sambutan apabila setiap kali diadakan?

(C) Kenal pasti kata berimbuhan apitan dalam teks di atas. Kemudian, bina lima ayat lain dengan kata berimbuhan apitan tersebut.

96 KPM

2.3.2
3.2.1
5.2.1
(iii)

Tema 5 **JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

Pahlawan Kemerdekaan
(kepada pahlawan Pahang)

PAHLAWAN!
Jika hilangmu tanpa pusara
jika pusaramu tanpa nama
jika namamu tanpa bunga
penjajah mengatakan kau derhaka
maka kaulah pahlawan sebenarnya.

Gema seabad silam
Inggeris datang meredah Pahang
bersama peluru bersama senapang
membunuh menangkap setiap pejuang.


Sungai Semantan berubah merah
bukan sarap hilir ke Kuala
bukan rakit mudik ke Hulu
arus merahnya menjulang mayat
pahlawan bangsa pahlawan rakyat
tujuh liang dadanya tersayat.

Pahlawan!
Untukmu derita untukmu penjara
bukan bintang tersemat di dada
semangatmu api negara berdaulat
namamu terukir di jantung rakyat.

Sumber: Dipetik daripada *Puisi-puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang, 1995*, Dewan Bahasa dan Pustaka



1MBAS SAYA



Aktiviti


Mendeklamasikan sajak dengan nada dan intonasi yang sesuai.

UNIT 13 Sikap Bertanggungjawab

Mendengar dan Bertutur

Kem Jati Diri

Affi dan rakan-rakan terpilih untuk menghadiri Kem Jati Diri anjuran sekolah mereka. Dalam risalah program itu, terdapat maklumat untuk bakal peserta.



Cikgu Zakwan: Affi, apakah urutan program pilihan kamu dalam Kem Jati Diri itu? Minta jelaskan sebab pilihan itu.

Affi: Saya memilih program di stesen ketiga sebagai pilihan pertama. Saya memilihnya kerana ilmu seni dan budaya akan mengukuhkan jati diri saya terhadap kebudayaan warisan negara.

Cikgu Zakwan: Pada pendapat kamu, mengapakah program jati diri penting kepada generasi muda?

Affi: ...

Cikgu Zakwan: Apakah yang akan berlaku jika kita tidak mempunyai jati diri yang kukuh?

Kai Jun: ...

Sofea: Pada pandangan saya pula, murid-murid perlu disemaikan dengan jati diri yang kukuh sejak kecil lagi kerana ...

Tinesh: Menurut pandangan saya, program lain yang sesuai untuk membentuk jati diri ialah ...

Aktiviti
 Mendengar, mentafsir dan memberikan respons.

Nota Guru 1.1.3
 • Bimbing murid mendengar, mentafsir dan memberikan respons terhadap soalan secara kreatif dan kreatif.
 Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
 EMK: Nilai Murni – Berhemah Tinggi


98 KPM

KBAT: Menganalisis – Menilai

Membaca

Warisan Pantun

Affi membaca kiriman e-mel tentang Pantun Melayu Sarawak oleh rakannya, Jimi, yang berasal dari Sarawak.



Ke hadapan sahabatku, Affi, semoga dalam keadaan sihat sejahtera.

Tujuan saya mengirim e-mel ini adalah untuk berkongsi cerita tentang keunikan bahasa Melayu Sarawak menerusi Pantun Melayu Sarawak dalam acara bermukun. Menurut cikgu, apabila kita mengkaji dan memahami seni bahasa dan budaya tempatan, kita dapat meningkatkan jati diri dan tidak mudah lupa akan warisan bangsa.

Penerapan seni bahasa dan budaya ini dapat ditampilkan melalui persembahan bermukun antara wanita dengan lelaki. Gendang dan biola antara alat muzik tradisional yang digunakan untuk menghasilkan melodi yang indah bagi mengiringi alunan pantun.

Aktiviti bermukun ialah acara berbalas-balas pantun dalam sesuatu majlis. Warisan yang dihidupkan kembali ini menguatkan jati diri bangsa Sarawak terhadap seni budaya sendiri. Pantun itu dapat menyampaikan hasrat, mesej dan akal budi masyarakat Melayu Sarawak. Tambahan pula, pantun dituturkan dengan dialek Sarawak sekali gus meningkatkan jati diri pemantun kepada bahasa Melayu Sarawak.

Saya berharap agar budaya ini terus dipromosikan dan memenuhi aspirasi murid, iaitu berpengetahuan luas dan membawa identiti Sarawak ke peringkat global. Bahasa Melayu yang menjadi lambang jati diri juga akan semakin subur. Saya akhiri tulisan ini dengan serangkap pantun.

Bukan mukun sebarang mukun,
 Mukun kamek berisi beras;
 Bukan pantun sebarang pantun,
 Pantun kamek minta dibalas.



Aktiviti
 Membaca dan mengenal pasti perkataan yang digunakan untuk mencari makna.

Nota Guru 2.1.2
 • Bimbing murid merujuk kamus serta media elektronik untuk mencari makna perkataan dan meneliti ejaan yang tepat mengikut susunan.
 Kamus biasa: Kamus Pelajar
 Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
 EMK: Bahasa

99 KPM

Kamus elektronik: Pusat Rujukan Persuratan Melayu (DBP)
KBAT: Menganalisis – Menerangkan

Menulis

Biografi



Pengorbananku demi Tugas

Pekerjaan sebagai malim gunung memang mencabar. Malim gunung ialah jurupandu kepada pendaki gunung. Demi tugas dan jati diri yang tinggi, Mohd Ridzuan Kauhinin, malim gunung di Gunung Kinabalu nekad menyelamatkan nyawa seorang kanak-kanak yang terkandas semasa kejadian gempa bumi di Sabah.

"Saya gementar apabila dianggap sebagai wira, padahal saya hanyalah insan biasa. Sumbangan saya itu kecil berbanding dengan pengorbanan anggota keselamatan yang menjaga kedaulatan negara," kata Mohd Ridzuan kepada pemberita.

Mohd Ridzuan hanya merendah diri dan menyifatkan dirinya masih seperti malim gunung lain yang mencari rezeki dengan membawa pendaki ke puncak Gunung Kinabalu. "Saya berkorban dengan ikhlasnya tanpa mengharapkan sebarang balasan dan, bagi saya, semua malim gunung ialah wira," jelas beliau.

Berkat kerjasama semua, malim gunung dapat menyelamatkan pendaki yang terkandas. Malim gunung membuktikan bahawa mereka juga boleh berbakti untuk tanah air. Tugas murni mereka dapat meningkatkan keyakinan pendaki untuk terus meneroka keindahan puncak Gunung Kinabalu.

Mohd Ridzuan dianggap wira oleh pemimpin negara. Atas dedikasi itu, beliau dinobatkan sebagai ikon kebanggaan negara ketika sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2015. Beliau juga dianugerahi Darjah Kebesaran Bintang Setia Kinabalu.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Berita Harian, Saya Bukan Wira Tetapi Malim Gunung, 10 Disember 2015)

1. Malim gunung, Mohd Ridzuan, tidak mahu dianggap sebagai wira. Mengapa?
2. Bagaimanakah negara mengiktiraf jasa dan bakti beliau?
3. Pada pendapat kamu, apakah kesan kepada imej Malaysia di mata dunia dengan sikap sanggup berkorban beliau itu?
4. Apakah sumbangan malim gunung terhadap pembangunan negara?
5. Nyatakan pengajaran yang boleh diambil daripada kisah di atas.

Aktiviti

Menjawab soalan secara kritis dan kreatif.



Nota Guru 3.2.2

• Bimbing murid menghasilkan jawapan dengan alasan secara kritis dan kreatif.
Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Menganalisis – Menerangkan
EMK: Nilai Murni – Patriotisme

Seni Bahasa

Murid Misali

Affi dan kakaknya, Asnita, mempunyai impian untuk terpilih sebagai tokoh murid misali di sekolah. Mereka mengarang gurindam sebagai motivasi bagi mencapai cita-cita itu.

Gurindam Asnita

Apabila selalu menabur jasa,
Tentunya budi dikenang sentiasa.
Jika kita sentiasa dikenang,
Tandanya kita insan cemerlang.
Apabila peribadi disanjung orang,
Tandanya kita contoh terbilang.
Apabila tersematnya jati diri,
Bakallah selamat hidup disinari.
Murid yang menjadi pemimpin,
Ibarat lampu dan terang bak lilin.
Murid yang memberikan panduan,
Bagaikan sinar dalam kegelapan.
Apabila hidup berbuat baik,
Tanda diri berhati cantik.
Apabila rajin damping ilmu,
Kejayaan bakal datang bertamu.

Gurindam Afifi

Apabila selalu memberikan bakti,
Tentunya bakti sentiasa di hati.
Jika kita sentiasa di hati,
Tandanya kita murid dihormati.
Apabila peribadi ,
Tandanya kita .
Apabila tersematnya jati diri,
Bakallah .



amalan cemerlang
menjadi ikutan
bintang malam gemilang
denai di tengah hutan

dipuji rakan
suri teladan
hebat disiplin disuburi
membantu insani
suka menabur jasa
berjiwa murni
tiba tidak kira masa

Aktiviti

Mengubah suai gurindam dan mempersembhkannya secara kreatif.

Nota Guru 4.3.1

• Bimbing murid mengubah suai gurindam dengan bahasa yang indah secara separa berbandu dan mempersembhkannya secara kreatif.
Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik KBAT: Menganalisis – Menyesuaikan
EMK: Nilai Murni – Berhemah Tinggi!



Tatabahasa

Anak Watan Berjaya
Puan Nazimah berkongsi kisah yang boleh diteladani oleh Azrul dan Afifi.



1
Budiman anak kampung yang susah. Namun begitu, dia tidak berasa rendah diri. Dia seorang yang ringan tulang. Dia juga ada hati untuk berjaya seperti anak-anak kampung yang lain.

2
Pada suatu hari, Budiman nekad untuk beradu nasib di luar negara. Dia makan gaji sebagai tukang masak di kapal. Dia menjadikan kerjaya ini sebagai batu loncatan untuk lebih berjaya.

3
Budiman membanting tulang hingga dapat membuka restoran sendiri di luar negara. Hidangan nasi lemak dan masakan tradisi Malaysia menjadi buah mulut di sana. Biarpun berjaya, beliau tidak bersikap hidung tinggi.



4
Beliau juga mempersembahkan seni dan budaya Malaysia di restoran. Persembahan itu membuka mata pengunjung tentang keunikan budaya tanah air. Kedengaran juga lagu-lagu asli Melayu sebagai halwa telinga mereka.

5
Warga tempatan bangga dan menerima beliau dengan tangan terbuka. Sikap beliau yang mesra dan tidak lupa daratan dihormati oleh warga Malaysia di sana. Sebagai anak dagang, beliau sedar bahawa jati diri yang kukuh perlu sentiasa disemai dalam diri.

Munsyi Cilik

Kata majmuk kiasan ialah kata majmuk yang bermaksud simpulan bahasa seperti rendah diri, ringan tulang dan ada hati.

Aktiviti

Mengenal pasti kata majmuk kiasan dan membina ayat menggunakan kata majmuk kiasan mengikut konteks.



• Bimbing murid memahami dan menggunakan kata majmuk kiasan mengikut konteks.
Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan
EMK: Nilai Murni – Patriotisme

UNIT 14 Sayangi Malaysia

Mendengar dan Bertutur

Lawatan Patriotik

Encik Nazri sekeluarga ingin mengadakan lawatan patriotik. Mereka melayari Instagram untuk mengetahui lokasi tersebut.

 <p>Tugu Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi di Jalan Parlimen, Kuala Lumpur. • Siap dibina pada 8 Februari 1966. • Simbol memperingati perjuangan perajurit yang gugur ketika mempertahankan kedaulatan tanah air. 	 <p>Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi di Jalan Parameswara, Banda Hilir, Melaka. • Dibuka secara rasmi pada 31 Ogos 1985. • Sebuah memorial yang menyimpan dokumen dan artifak berkaitan dengan kemerdekaan. 	 <p>Istana Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi di Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur. • Digunakan secara rasmi pada 15 November 2011. • Simbol kedaulatan negara dan raja berperlembagaan serta prinsip kesetiaan kepada raja dan negara.
---	---	---

Encik Nazri: Selamat petang, semua. Adakah kamu telah mengenal pasti lokasi yang ada nilai sejarah dan patriotisme dalam Instagram?

Afifi: Sudah, ayah. Maklumat dan gambar yang diberikan 🙄.

Azrul: Izinkan abang memberikan pandangan. Kita tidak boleh pergi – serentak – Istana Negara – melihat – kebanggaan rakyat – kemudian – Tugu Negara – kenang – pejuang keamanan.

Asnita: Pada pendapat kakak, baik juga jika kita ke Melaka untuk 🙄.

Afifi: Pada pendapat adik pula, kita boleh 🙄.

Encik Nazri: Baiklah, anak-anak. Ayah bangga kerana kamu semua berminat ke 🙄 kerana 🙄. Walau bagaimanapun, keputusan ayah ialah 🙄.

Anak-anak: Terima kasih, ayah!

Aktiviti

Bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan membuat keputusan.



• Bimbing murid bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan tentang bahan multimedia secara bertatasusila.
Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik KBAT: Menilai – Membuat keputusan
EMK: Nilai Murni – Patriotisme



Membaca

Pertandingan Video Patriotik

Afifi, Kai Jun dan Tinesh ingin menyertai Pertandingan Video Patriotik. Mereka merujuk poster pertandingan dalam laman sesawang rasmi penganjur.

PERTANDINGAN VIDEO PATRIOTIK

Syarat-syarat Pertandingan

(A) Kategori A – murid berkumpulan di bawah usia 18 tahun.
 Kategori B – murid berkumpulan di bawah usia 14 tahun.

(B) Pilih satu tajuk video. Karya mestilah asli dan mempunyai unsur kreatif.

(C) Hasil karya tidak boleh menyentuh isu sensitif seperti isu perkauman, agama dan bangsa.

Tema Video: Patriotik dan Kenegaraan

Had Masa Video: Tidak melebihi 5 minit

Tajuk

Jalur Gemilang <ul style="list-style-type: none"> • Cara menghormati Jalur Gemilang • Martabatkan penggunaan Jalur Gemilang 	Tokoh di Hatiku <ul style="list-style-type: none"> • Tokoh sukan • Tokoh budaya 	Demi Negara Tercinta <ul style="list-style-type: none"> • Tanggungjawab sebagai murid • Tanggungjawab sebagai pekerja 	Sayangi Malaysiaku <ul style="list-style-type: none"> • Kebersihan • Perpaduan
--	--	--	---

Tamrah tutup pertandingan pada 31 Ogos 2019. Keputusan juri muktamad.

Setelah membaca maklumat pertandingan pada poster ini, apakah pilihan tajuk yang sesuai untuk video kumpulan kita nanti?

Ada beberapa pilihan tajuk dan perinciannya.

Oleh itu, kita sepatutnya memilih tajuk.



Benar, Kai Jun. Saya berpendapat bahawa tajuk sesuai kerana.

Aktiviti

Membaca dan memahami teks untuk membuat pertimbangan dan keputusan.



Nota Guru 2.2.1

Bimbing murid membaca teks daripada bahan multimedia untuk membuat pertimbangan dan keputusan. Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual EMK: Nilai Murni – Rasional KBAT: Menilai – Membuat keputusan

Menulis

Kempen Melawat Malaysia

Afifi telah menghubungi Jimi di Sarawak dan Jason di Sabah dengan menggunakan panggilan video. Dia ingin berkongsi maklumat tentang Tahun Melawat Malaysia.

Fokus

Ekopelancongan, seni dan budaya selaras dengan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Sasaran 30 juta pelancong dari dalam dan luar negara dan sasaran RM100 bilion hasil pelancongan.

Peruntukan RM90 juta kepada Tourism Malaysia untuk program yang berkaitan dengan promosi dan kesedaran bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

Factor kepelbagaian budaya dan kaum menggamit pelancong dari dalam dan luar negara terhadap pelancongan patriotik.

Laporan Indeks Keamanan Global (GPI) 2019 menunjukkan Malaysia dalam kedudukan kelima di Asia Pasifik dan ke-16 di dunia bagi negara aman.

Apakah faktor yang menarik perhatian anda untuk melancong dalam negara sendiri?

13% 89 undian Pengangkutan yang mudah	35% 239 undian Belanja yang murah
17% 112 undian Pengalaman pelbagai budaya	35% 233 undian Lokasi yang cantik dan menarik

(Sumber: Tourism Malaysia)

Aktiviti

Mencatat maklumat yang terdapat dalam bahan dengan menggunakan peta grafik.

Nota Guru 3.2.3

Bimbing murid mencatat maklumat berdasarkan bahan yang dibaca, dilihat, dan didengar. Strategi PdP: Belajar Cara Belajar EMK: Nilai Murni – Patriotisme KBAT: Menganalisis – Mengesan



Seni Bahasa

Wira Cilik

Affi membacakan rakan-rakannya kisah fiksi seorang wira cilik yang bersemangat patriotik.

Awang seorang yang cerdas dan kreatif. Walaupun baru berusia 11 tahun, dia suka meneroka pelbagai jenis ilmu. Sikapnya itu menarik minat Profesor Azlan. Beliau telah menguji bahan kajiannya terhadap Awang. Hasilnya sungguh menakjubkan. Awang kini mempunyai kuasa luar biasa. Dia berkuasa pintar dengan kebolehan membaca peta dan kod rahsia.



- bidang sains penyiasatan
- kuasa pendengaran dan kecekapan minda



- pengkhianat ekonomi negara
- kes penyeludupan

Pada suatu hari, Profesor Azlan meminta Awang menyelesaikan misi khas bagi negaranya. Awang akur demi menjaga keselamatan negara daripada penjenayah alam sekitar. Walaupun dia tidak mengangkat senjata seperti perajurit di perbatasan, dia ingin menggunakan kelebihan diri membanteras musuh negara. Misi Awang membantu pihak berkuasa menghalang kes pembuangan sisa kimia dan toksik secara haram. Jika tidak dibanteras, ekonomi negara akan lumpuh.

Awang dan Profesor Azlan menuju ke empangan. Di sana, mereka menyamar sebagai penduduk tempatan. Dengan kuasa yang ada, Awang dapat memintas perbuatan penjenayah dengan lebih pantas. Dia juga dapat mengakses maklumat penting tentang lokasi perbuatan jenayah alam sekitar tersebut.



Awang menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa. Dia sedar akan bahaya yang dihadapinya. Demi negara, dia sanggup berkorban. Kes tersebut akhirnya berjaya diatasi. Profesor Azlan dan Awang menghilangkan diri dan meneruskan misi mereka yang lain.

Aktiviti

Ber cerita dengan mengubah suai perkataan yang berwarna ungu.



Nota Guru 4.3.2

- Bimbing murid mengubah suai cerita secara separa berpandu dan mempersembahkannya secara kreatif.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme
- EMK: Kreativiti dan Inovasi
- KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan

Tatabahasa

Uniknya Muzium Mini

Semasa di kampung, Affi dibawa oleh datuknya ke muzium mini yang diusahakan oleh penduduk kampung.

gambar-gambar
cantik-cantik

tokoh-tokoh
lagu-lagu



Affi: Wah, sungguh kreatif penduduk di kampung ini!

Datuk: Betul, Affi. Pembinaan muzium mini ini hasil usaha mereka secara sukarela. Rumah ini ialah sumbangan penduduk. Bendera-bendera di sekeliling sudut pameran sumbangan daripada pelbagai pihak. Para pelajar institusi pengajian tinggi pula gigih menghias muzium ini.

Affi: Barang-barang di sini juga menarik dan tersusun.

Datuk: Ya, Affi. Barang-barang lama seperti hiasan rumah, pinggan mangkuk, kraf tangan, duit dan setem lama serta perabot antik diletakkan di situ.

Affi: Di sana pula, Affi melihat alat kegunaan harian dan senjata lama dipamerkan. Tentu alat-alat itu mempunyai nilai sejarah yang tinggi.

Datuk: Sudah tentu, Affi. Peminat barangan lama tentu terpegun apabila melihat pameran-pameran barangan yang diletakkan di dalam rak berkaca itu.

Affi: Wah, itu potret yang berjasa kepada negara! dan berseni sungguh potret itu. monumen itu pula ada nilai kreatifnya. Tentu jurufotonya seorang yang hebat. Datuk, mengapakah muzium mini ini ditubuhkan?

Datuk: Muzium ini akan menceritakan cara dan resam hidup orang dahulu kepada generasi baharu seperti Affi, sekali gus menanamkan sikap patriotik.

Affi: Oh, begitu! Seronoknya, ada juga patriotik berkumandang sebagai halwa telinga kita.

Munsji Cilik

Kata ganda penuh ialah proses menggandakan keseluruhan kata dasar dan diletakkan tanda sempang (-).

Aktiviti

Mengenal pasti dan melengkapkan teks dengan kata ganda penuh yang sesuai.

Nota Guru 5.2.3 (i)

- Bimbing murid memahami dan menulis ayat lain dengan menggunakan kata ganda penuh.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Patriotisme
- KBAT: Mengaplikasi – Melengkapkan




Tatabahasa

Mari Kita Ceriakan

Cikgu Zakwan memberi murid-murid penerangan tentang cara hiasan persekitaran sekolah sempena Bulan Kemerdekaan.




Murid boleh menghias **pepondok** bacaan dan tempat rehat murid dengan menggantung bendera dan bunga raya dengan bebanang. Barang-barangan itu akan disumbangkan oleh pelbagai pihak.



Lebih kreatif lagi jika murid menghias dedawai pagar sekolah dengan membentuk kata-kata patriotik daripada botol minuman. Bantu-membantulah antara kamu supaya kerja ini lebih mudah.



Di dalam kelas, wujudkan sudut patriotik yang dihiasi dengan maklumat sejarah. Murid boleh merujuk cikgu sejarah untuk mencari-cari maklumat patriotik. Murid boleh mengambil gambar sebagai kenang-kenangan. Selalulah kunjung-mengunjung sudut itu nanti.



Di langit kelas, boleh dihiasi dengan gegantong Jalur Gemilang. Gantungkannya setinggi-tingginya supaya tidak meleret ke lantai. Warna kemerah-merahan, kekuning-kuningan dan kebiru-biruan pada bendera menyerikan suasana kelas.

Munsyi Cilik

Kata ganda separa ialah kata yang menggandakan sebahagian kata sahaja. Kata dasar terdiri daripada kata tunggal atau kata berimbuhan.
Kata ganda separa tunggal: pepondok
 Kata ganda separa berimbuhan awalan: bantu-membantu
 Kata ganda separa berimbuhan akhiran: barang-barangan
 Kata ganda separa berimbuhan apitan: kemerah-merahan

Aktiviti

Mengkategorikan dan membina ayat menggunakan kata ganda separa.

UNIT 15 Keranamu Malaysia

Mendengar dan Bertutur

Bahasa Asas Kewarganegaraan

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Bahasa Ilmu digunakan untuk menyampaikan pelbagai ilmu pengetahuan

Bahasa Pentadbiran wajib digunakan dalam semua urusan rasmi pentadbiran kerajaan

Bahasa Perhubungan digunakan dalam perhubungan antara masyarakat yang berlainan bangsa

Enam Peranan Bahasa Kebangsaan

Bahasa Pengantar digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara

Bahasa Ekonomi digunakan dalam urusan ekonomi dan perdagangan

Bahasa Perundangan digunakan dalam semua urusan perundangan

Affi, bagaimanakah kedudukan dan peranan bahasa Melayu di negara kita?

Mengapakah bahasa kebangsaan digunakan dalam sistem pendidikan kita, Kai Jun?

Tinesh, pada pendapat kamu, mengapakah penguasaan bahasa Melayu penting bagi semua warganegara Malaysia?



Bahasa kebangsaan digunakan dalam sistem pendidikan kerana - perpaduan - komunikasi - berkesan

Pada pendapat saya, - Identiti - jati diri

Aktiviti

Bertutur dan menghuraikan maklumat tersurat dan tersirat.

Membaca

Warga Emasku Terpelihara

Tinesh dan Afifi akan menyampaikan persembahan berangkai, iaitu sebuah pidato dan pantun di pentas sekolah.



Selamat pagi dan salam sejahtera, guru-guru dan rakan-rakan yang saya kasihi. Pada hari ini, saya akan menyampaikan pidato yang bertajuk "Keistimewaan Warga Emas di Malaysia".

Sidang dewan,

Warga emas ialah warganegara yang berumur 60 tahun ke atas. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran golongan ini pada tahun 2019 meliputi 10.3 peratus daripada jumlah penduduk negara. Kita bersyukur kerana golongan seperti datuk, nenek, ayah dan ibu kita mendapat pembelaan sewajarnya.

Warga hadirin yang saya hormati,

Kerajaan telah mengisytiharkan 1 Oktober pada setiap tahun sebagai Hari Warga Emas. Langkah ini sebagai satu pengiktirafan terhadap golongan tersebut dalam komuniti. Selain itu, Dasar Warga Emas Negara diwujudkan untuk menjaga kebajikan dan menyediakan perkhidmatan mesra untuk warga emas.

Antara perkhidmatan untuk warga emas termasuklah bantuan kewangan, menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas dan Unit Penyayang Warga Emas. Pemberian alat sokongan dan alat tiruan anggota badan juga disalurkan. Seterusnya, warga emas akan mendapat layanan istimewa di klinik dan di hospital kerajaan, selain potongan separuh harga bagi tambang pengangkutan awam.

Oleh itu, semaikanlah sifat penyayang kepada warga emas. Mereka berhak mendapat pembelaan dan pengiktirafan. Mereka perlu kekal aktif untuk menabur bakti ke arah pembangunan negara dan bangsa. Akhir kata, selamat menyambut Hari Warga Emas. Saya berharap semoga kita berjumpa lagi di pentas pidato ini. Sekian, terima kasih.



Sayangi Warga Emas



IMBAS SAYA

Pohon bidara di tanah rata,
Di atas guni buah kepayang;
Marilah pelihara warga emas kita,
Hidup harmoni warga penyayang.

Banyak semalu di kebun ciku,
Anak lada tumbuh mencelah;
Persilakan dahulu warga emasku,
Kita yang muda biarlah beralah.

Muara Langat nampak bebayang,
Indah muara berlabuh bahtera;
Warga emas diingat dan disayang,
Hidup terpelihara negara sejahtera.

Pucuk pegaga hijau di muara,
Dikutip saudara makan sedulang;
Kebajikan warga keutamaan negara,
Rakyat sejahtera makmur cemerlang.



Keistimewaan untuk Warga Emas



Rumusan:

Aktiviti

Membaca teks sastera dan bukan sastera untuk membuat rumusan.

- Bimbing murid membaca dan meneliti kandungan teks karya sastera dan karya bukan sastera untuk membuat rumusan.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Menganalisis - Mengenal pasti
- EMK: Nilai Murni - Berhema Tinggi



Menulis

Duta Kecil Malaysia

Affi bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Dia membaca sebuah rencana dalam majalah *Dewan Siswa*.



Rencana Siswa


Dari segi sejarah, Malaysia telah menghantar ramai pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara. Berdasarkan perangkaan pada tahun 2015, jumlah pelajar Malaysia di luar negara hanyalah seramai 86 570 orang. Jumlahnya meningkat kepada 98 379 orang pada tahun 2016. Kebanyakannya menuntut ilmu di Australia, United Kingdom, Jepun, Korea, Mesir dan Arab Saudi.

Biasanya, mereka ke sana dengan pembiayaan sendiri atau mendapat tajaan biasiswa daripada kerajaan atau pihak swasta. Bagi pelajar tajaan, mereka terikat dengan terma dan syarat biasiswa. Mereka akan berkhidmat dengan kerajaan atau penaja mereka apabila tamat tempoh pengajian kelak.

Kepelbagaian bangsa penuntut Malaysia membentuk komuniti yang bersatu dalam kelab beraspirasi Malaysia. Misalnya, penubuhan Kelab Pelajar Malaysia United Kingdom dan Pertubuhan Kebangsaan Pelajar Malaysia di Amerika Syarikat. Pelbagai program diatur agar kebajikan mereka di perantauan terjaga dan hubungan sebagai sebuah keluarga besar erat terjalin.

Kerajaan, melalui Jabatan Penuntut Luar, selalu memantau dan mengingatkan pelajar agar mempunyai jati diri yang mantap. Mereka juga dituntut untuk menjadi warganegara yang mengamalkan sikap dan nilai murni sepanjang di perantauan.

Kesimpulannya, sebagai duta kecil Malaysia di luar negara, penuntut mestilah menjaga nama baik dan imej Malaysia. Mereka juga disarankan agar menguar-uarkan keunikan dan kejayaan Malaysia di luar negara.



Aktiviti

Menulis teks prosa yang diilakkan.



Nota Guru 3.2.4

• Bimbing murid menulis teks prosa yang diilakkan.
Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan

Seni Bahasa

Warganegara Sejahtera

Affi dan rakannya menyertai pertandingan nyanyian lagu patriotik.

Sejahtera Malaysia

Puji dan syukur pada Ilahi
Anugerah-Nya tiada terhingga
Kedamaian kemakmuran
Malaysiaku bahagia

Dengan tekad untuk berjaya
Berkhakti pada nusa dan bangsa
Kami junjung cita-cita luhur
Perpaduan seluruh negeri

(korus)
Seia sekata sehati sejiwa
Menghadapi cabaran
Kami setia kami sedia
Berkorban untuk negara

Bersemarak Malaysia tercinta
Kibarkan panji kebesarannya
Kami rela menjaga namamu
Sejahtera Malaysia


Lagu dan lirik: Mohamed bin Rahmat
Andy Kurnia Budi
Setiawan

Malaysia Ibu Pertiwi

Puji dan syukur pada Ilahi
Anugerah-Nya tiada terhingga
Kedamaian kemakmuran
Malaysiaku bahagia

Dengan azam untuk cemerlang
Berkhakti pada bangsa dan negara
Kami junjung Rukun Negara
Kesetiaan kepada pertiwi

(korus)



IMBAS SAYA

Aktiviti

Mengubah suai seni kata lagu dan mempersembahkannya dengan gaya kreatif.

Nota Guru 4.3.3

• Bimbing murid mengubah suai seni kata lagu dengan menggunakan diksi yang sesuai dan mempersembahkannya dengan gaya yang kreatif.
Strategi PdP: KP – Muzik
EMK: Nilai Murni – Patriotisme

KBAT: Mencipta – Menghasilkan



Tatabahasa

Kejuaraan Warga Malaysia
Afifi, Tinesh dan Kai Jun membaca petikan berita tentang kejayaan pelumba basikal negara.



Sukan

Malaysia melahirkan seorang lagi pelumba basikal berbakat, iaitu Muhamad Nur Aiman Mohd Zariff, dalam siri Le Tour de Langkawi (LTdL). Kejayaan rakan sepasukan, Mohd Harif Salleh, sebelumnya telah memberi beliau motivasi.

Lebih membanggakan, pelumba Team Sapura Cycling (TSC) itu menamatkan keluh-kesah penantian bagi gelaran Raja Bukit (Jersi Merah) sejak edisi pertama pada tahun 1996. Pencapaian gemilang itu meletakkan beliau sebaris dengan atlet lumba basikal seperti Anuar Manan dan Adiq Hussaini Othman.

Kayuhan pantas tanpa gopoh-gapah dan peka akan tindak-tanduk lawan ialah kunci kejayaan beliau. Teknik kayuhan yang betul di jalan raya yang dikelilingi bukit bukau dan gunung-ganang akhirnya membuahkan hasil kepada beliau.

Rakan pelumba, Mohd Harif Salleh, teruja akan kejayaan beliau. Harif sudah menganggap Aiman seperti saudara-mara sendiri. Mereka juga sering berulang-alik ke Kuala Lumpur untuk bertanding dalam beberapa kejohanan.

Selok-belok pertandingan dan pengalaman telah mengajar mereka erti juara. Sememangnya, mereka layak bersaing dalam kejohanan besar. Warna-warni kejayaan itu sebagai hadiah kepada negara daripada warganegara yang gigih berjuang.



Munsyi Cilik

Kata ganda berentak ialah kata yang menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu.

Kata ganda berentak dibahagikan kepada tiga, iaitu kata ganda berentak pengulangan vokal, kata ganda berentak pengulangan konsonan dan kata ganda berentak bebas.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada BH Online, 16 Februari 2020)

Aktiviti

Menyenaraikan dan membina ayat dengan menggunakan kata ganda berentak.

Pemulihan

Tuturkan dan huraikan maklumat tersurat dan tersirat.

Semangat Patriotik

Tiga Elemen Penting Semangat Patriotik

Amalan menghayati lagu *Negaraku*, menghormati Jalur Gemilang dan mengamalkan lima prinsip Rukun Negara dapat melahirkan warganegara yang patriotik.

1 Hayati Lagu *Negaraku*

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju

Rahmat baghgia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

Rahmat baghgia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

2 Hormati Bendera Jalur Gemilang



3 Amalkan Lima Prinsip Rukun Negara

Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-undang
Kesopanan dan Kesusilaan



Sofea, bagaimanakah amalan menghormati dan menghayati lagu *Negaraku* dapat melahirkan murid yang patriotik?

Apakah pandangan kamu agar murid sentiasa menghormati lagu *Negaraku*, Jalur Gemilang dan lima prinsip Rukun Negara?

Pada pendapat saya, ...

Murid dapat menghormati tiga elemen itu dengan mengamalkan ...



Pengayaan

Baca rencana dan sajak. Kemudian, buat rumusan.

SUDUT ILHAM

Serlahkan Semangat Patriotik

Apakah itu semangat patriotik? Patriotik ialah perasaan cinta dan setia akan tanah air. Rakyat Malaysia mempunyai banyak cara untuk menyerlahkan semangat patriotik kepada negara.

Antara cara untuk menyerlahkan semangat patriotik termasuklah bekerja keras dan gigih untuk mengharumkan negara dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, bahasa, sains dan teknologi. Selain itu, kejayaan dalam acara dan pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa juga dapat menonjolkan semangat patriotik kepada semua warganegara.

Rakyat yang patriotik juga perlu menelusuri sejarah Malaysia dengan sebaik-baiknya. Antara caranya termasuklah membaca buku biografi tokoh negara, mengingati jasa pejuang-pejuang negara dan melawat ke muzium sejarah. Cara ini dapat melahirkan warganegara yang cinta akan perpaduan dan keamanan.

Serlahkan patriotisme di mana-mana jua kita berada.

Demi Negara

Patriotik bukan sekadar kata-kata sulam dan mekarkan janji kepada negara tegak semangat mengalun lagu hayati, amalkan kata terucap jalinkan perpaduan di mana-mana jua.

Patriotik lahirkan jiwa sukarela keringat dicurah demi negara hormat perajurit mengangkat senjata demi lestari keamanan mereka rela berkorban.

Patriotik biarkan mekar subur di jiwa nurani yang suci berani.

Nukilan: Pena Aima



IMBAS SAYA



Pengukuhan

Baca dialog dan jawab soalan yang berikutnya.

Bertuahnya Aku



“Wahai anak-anak muda harapan negara! Jadilah pelajar yang otak cair dan lahirkan idea yang kritis dan kreatif semasa berhujah dan berdebat. Berusaha dengan cekalnya dan sedia bermandi keringat demi bangsa dan negara. Elakkan diri daripada campur tangan dalam urusan yang tidak berkaitan di luar negara. Terimalah nasihat dengan hati terbuka dan berlapang dada dalam perbincangan. Hargailah negara yang menghargai kita bagai anak emas. Ingatlah bahawa anak kunci kepada kejayaan ialah usaha dan doa kita.”

(A) Kenal pasti dan senaraikan kata majmuk kiasan dalam dialog di atas.



“Wahai cucuku! Apabila berada di negara orang, jagalah diri dan tingkah laku. Semasa bekerja, dengarlah juga buah fikiran orang lain. Usah diturutkan darah muda. Ambillah nilai positif sebagai batu loncatan untuk kamu terus berjaya. Sentiasalah ringan tulang kerana kejayaan pasti dalam tangan. Sekiranya sudah berjaya, janganlah cepat lupa diri atau bersikap hidung tinggi. Selain itu, jagalah nama baik dan imej Malaysia di luar negara. Jadilah warganegara yang disegani dan menjadi buah mulut rakyat Malaysia.”

(B) Cari maksud kata majmuk kiasan dalam petikan dialog di atas. Kemudian, bina ayat yang lain menggunakan kata majmuk kiasan tersebut dalam buku latihan.

Penilaian

Baca dan fahami teks iklan dan jawab soalan yang berikutnya.

IKLAN 1

CONTOH JALAN CERITA DRAMA:

Kisah masyarakat di rumah pangsa yang ramah-tamah dan benci akan kacau-bilau dan keadaan porak-peranda. Mereka bersatu menempuhi warna-warni kehidupan.

Acara Drama Pendek Patriotik

1. Tema persembahan ialah jati diri dan nilai patriotik sebagai rakyat Malaysia.
2. Peserta perlu memastikan karya-karya mereka asli dan tidak menyentuh sensitiviti kaum dan agama.
3. Jawatankuasa pertandingan berhak membatalkan penyertaan jika berlaku peniruan karya secara besar-besaran.
4. Pelakon drama mestilah tidak melebihi 15 orang.
5. Juri akan meneliti aspek bantu-membantu setiap pelakon dan kepelbagaian kaum dalam persembahan. Kedua-dua elemen ini mesti dititikberatkan.
6. Alat-alat muzik, hiasan pentas dan pakaian disediakan sendiri oleh peserta.
7. Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi urus setia menerusi talian 011-2345678.

IKLAN 2

CONTOH SENI KATA BORIA:

Marilah sahabat dan teman-teman Bersatu tampikan jiwa warganegara Semangat setia kawan kita serlahkan Tunjuk kecekalan dan jiwa membara

Acara Boria Jiwa Warganegara

1. Tema persembahan ialah semangat kewarganegaraan.
2. Semasa dalam berbalas-balas kata, peserta tidak boleh membangkitkan isu-isu sensitiviti kaum dan agama.
3. Setiap ahli kumpulan mestilah tidak melebihi 20 orang.
4. Seni kata lagu mempunyai nilai-nilai murni dan amalan-amalan baik. Pergerakan-pergerakan dalam boria hendaklah sopan dan beradab.
5. Persembahan mestilah dalam dua bahagian, iaitu pengenalan (sketsa lawak jenaka) dan persembahan (nyanyian).
6. Alat muzik, hiasan pentas dan busana-busana peserta disediakan sendiri oleh peserta.
7. Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi urus setia menerusi talian 011-2345678.

1. Kamu diminta untuk membuat keputusan bagi memilih acara yang akan kamu sertai. Acara manakah yang akan kamu pilih? Berikan alasan kamu secara kritis dan kreatif.
2. Kenal pasti kata ganda penuh, kata ganda separa dan kata ganda berentak dalam teks iklan.
3. Tulis sebuah jalan cerita drama pendek dalam satu perenggan atau seni kata lagu boria berdasarkan pilihan kamu dengan mengandungi kata ganda.

118
KPM

2.2.1
3.2.2
5.2.3
(i,ii,iii)

Tema 6 SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI



Aktiviti
Bersoal jawab tentang gambar.

119

UNIT 16 Sains dan Kehidupan

Mendengar dan Bertutur

Haiwan Sekeliling Kita

Ciri dan Tingkah Laku Khas Haiwan Melindungi Diri.



kura-kura

Cangkerang keras

- melindungi badan yang lembut
- memasukkan anggota badan ke dalam cangkerang



tenggiling

Sisik keras

- melindungi badan daripada kecederaan
- badan bagi menakutkan musuh



landak

Duri tajam

- mempertahankan diri di sebalik duri

Penyamaran

- menyembunyikan diri

sumpah-sumpah

ZOO

Tahukah kamu, cara haiwan-haiwan tersebut melindungi diri?

Haiwan-haiwan itu akan menggunakan ciri dan tingkah laku khas. Misalnya, ...

Ciri dan tingkah laku khas penting bagi haiwan kerana ...

Rubini, nyatakan ciri dan tingkah laku khas haiwan-haiwan lain.

Saya tidak tahu, Farisha. Bagaimanakah situasi itu terjadi?

Mengapakah ciri dan tingkah laku khas itu penting kepada haiwan, Farisha?

Aktiviti

Bersoal jawab untuk menjanakan idea.



Nota Guru 1.2.3

- Bimbing murid bersoal jawab untuk menjanakan idea tentang sesuatu perkara. Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik EMK: Sains dan Teknologi KBAT: Menganalisis – Menyasat

Membaca

Gerhana Matahari Cincin

Farisha menyampaikan syarahan sains sempena Minggu Sains, Teknologi dan Inovasi sekolahnya.



Indah berbalam awanan petang.
Burung merbah di perdu ara;
Pemanis kalam selamat datang,
Salam sembah pembuka bicara.

Tampilnya saya dalam arena syarahan ini untuk membicarakan tajuk "Gerhana Matahari Cincin di Malaysia".

Warga SK Seri Makmur yang saya hormati,

Gerhana Matahari Cincin berlaku apabila kedudukan Bulan di antara Bumi dengan Matahari berada pada posisi jauh dari Bumi. Oleh itu, saiz Bulan yang dilihat dari Bumi sedikit kecil dan tidak dapat menutupi keseluruhan piring Matahari. Dianggarkan 94.09 peratus permukaan Matahari akan diliputi oleh Bulan ketika fasa kemuncak Gerhana Matahari Cincin.


Sesungguhnya, fenomena alam ini telah dapat kita saksikan di Malaysia, misalnya di Tanjung Piai, Johor dan di Serian serta Samarahan, Sarawak. Namun begitu, fenomena ini tidak boleh dilihat langsung dengan mata kasar kerana sinaran terus Matahari sangat terang dan berbahaya. Oleh itu, cermin mata khas diperlukan.

Gerhana Matahari Cincin telah menyebabkan fenomena air pasang besar di pantai barat dan perubahan keadaan terang pada siang hari kepada keadaan gelap seperti senja. Berdasarkan hujah dan fakta, jelaslah ilmu astronomi perlu kita pelajari agar kita lebih memahami kejadian alam ini. Saya akhiri syarahan ini dengan dua rangkap pantun.

Burung kenari di batas kali,
Cantik tatkala dipandang mata;
Gerhana Matahari muncul kembali,
Peredaran cakerawala di alam semesta.

Bawa dian mencari tekukur,
Nampak rusa tegak mendada;
Hayati kejadian dengan bersyukur,
Ilmu angkasa mantapkan di dada.

(Sumber: Planetarium Negara)



Aktiviti

Membaca dan mempersembahkan karya.

Nota Guru 2.3.2

- Bimbing murid membaca dan mempersembahkan karya sastra dan karya bukan sastra dengan pelbagai bentuk penyampaian. Strategi PdP: Belajar Cara Belajar EMK: Sains dan Teknologi KBAT: Mengaplikasi – Menunjukkan



Menulis

Meluncur Tinggi

Farisha dan rakan-rakannya pulang dari Karnival Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Mereka ingin menulis karangan fakta dan laporan tentang pertandingan yang disertai.

Pertandingan Roket Air

Tajuk

Pertandingan roket air kini diadakan pada peringkat sekolah rendah dalam Karnival Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Pertandingan ini adalah untuk mendedahkan murid tentang aktiviti bertemakan sains angkasa. Biasanya, tiga kategori dipertandingkan, iaitu pembentangan, roket air sasaran dan roket air payung terjun.

- kategori pertama
 - pembentangan selama 10 minit
 - melakukan penilaian
 - kemahiran pembentangan, bersoal jawab, kefahaman hukum sains, kreativiti dan inovasi



- kategori kedua
 - roket air sasaran
 - menyasarkan tanda jarak 80 meter dari tapak
 - paras air, tekanan udara, sudut pelancaran roket

- kategori ketiga
 - roket air payung terjun
 - telur sintetik 60 gram sebagai beban
 - catatan di udara paling lama diambil
 - paras air, tekanan udara



Pertandingan ini menjadi landasan untuk murid memanfaatkan pengetahuan sains dan teknologi di luar bilik darjah. Apatah lagi, ilmu ini berkaitan dengan pemikiran kreatif dan inovatif murid.

Laporan

Tajuk laporan

pada 22 hingga 23 Jun 20□□ yang lalu, telah berlangsung Pertandingan Roket Air Peringkat Negeri Melaka di Sekolah Kebangsaan Seri Makmur. Seramai 50 orang peserta telah mengambil bahagian dalam acara ini. Objektif acara ini adalah untuk memberikan pendedahan ilmu sains dan teknologi, khususnya bidang sains angkasa, kepada murid. Sebanyak tiga kategori dipertandingkan, iaitu pembentangan, roket air sasaran dan roket air payung terjun.

Pendahuluan

Aktiviti bagi kategori pertama ialah

- pembentangan kumpulan selama 10 minit
- penilaian juri
- kemahiran pembentangan, bersoal jawab, hukum sains

Isi 1

Seterusnya, peserta ke kawasan padang bagi kategori kedua, iaitu roket air sasaran. Dalam acara ini,

- menyasarkan tanda jarak 80 meter dari tapak
- paras air, tekanan udara, sudut pelancaran roket
- penilaian berdasarkan jarak luncuran
- penonton teruja

Isi 2

Acara terakhir ialah roket air payung terjun

Isi 3

Sebelum berakhir,

- keputusan diumumkan
- bakat kreatif terserlah
- berlangsung dengan jayanya

Tarikh laporan ditulis

27 JUN 20□□.

Laporan disediakan oleh,

Pengakuan pelapor

Shu Fen (SHU FEN)

Tandatangan dan nama pelapor

Setiausaha, Kelab Sains, Sekolah Kebangsaan Seri Makmur.

Jawatan pelapor

Aktiviti


Mendraf dan menghasilkan karangan.

Nota Guru 3.3.1

- Bimbing murid mendraf dan menghasilkan karangan fakta dan laporan. KBAT: Mengaplikasi – Menghasilkan
- Strategi PdP: Pembelajaran Berasaskan Projek
- EMK: Kreativiti dan Inovasi

Usaha Ahli Sains

Rubini dan Encik Vijay berbual tentang jasa ahli sains dalam kehidupan manusia. Nasihat beliau, Rubini mestilah rajin berusaha **bagai lebah mengumpulkan madu** jika ingin berkerjaya sebagai saintis. Dia perlulah rajin meneroka perkembangan baharu bidang sains.



ب ا ن ي ا ي

← bagai

ل ب ه

← lebah

م غ و م ق و ل ك ن
mim wau nga mim wau pa lam kaf nun

← mengumpulkan

م ا د و
mim alif dal wau

← madu

Aktiviti

Mengenal, mengecam dan menyebut huruf tunggal dalam tulisan Jawi.

Sains dan Makanan

Keluarga Farisha sedang menjamu selera. Makanan yang dihidangkan sungguh lazat. Adik kecil manja tidak suka makan ulam. Ulam itu rasanya pahit. Encik Farid menjaga kesihatan, Encik Farid makan sedikit sahaja. Oleh sebab hendak oren segar. Minuman itu rasanya sedikit masam. Jus oren baik untuk kesihatan badan kerana kaya dengan vitamin C.

Encik Farid menjelaskan bahawa makanan dan minuman harian terdiri daripada bahan-bahan berasid, beralkali dan neutral. Badan memerlukan semua unsur itu. Asid lebih bersifat masam dan menghakis. Alkali pula rasanya pahit, manakala bahan neutral pula beraneka rasa seperti masin, manis dan tawar.

Puan Faezah sungguh pandai memasak makanan. Juadah mereka beraneka rasa. Farisha sedar sifat bahan pelbagai masakan ibunya membuatkan rasa makanan sedap. Puan Faezah mengutamakan makanan seimbang. Makanan seimbang akan menyihatkan badan.



Ayat tunggal

1. Keluarga Farisha sedang menjamu selera.
2. _____
3. _____
4. _____

Peluasan subjek

1. Keluarga bahagia Farisha sedang menjamu selera.
2. _____
3. _____
4. _____

Peluasan predikat

1. Keluarga Farisha sedang menjamu selera.
2. _____
3. _____
4. _____

1. Keluarga Farisha sedang menjamu selera di ruang makan.
2. _____
3. _____
4. _____

Munsji Cilik

Ayat tunggal dengan peluasan subjek dan predikat ialah ayat yang menerima penambahan unsur pada subjek atau predikat ayat.

Contoh ayat: Nenek saya sedang menikmati sup herba.
Contoh peluasan: Nenek kesayangan saya sedang menikmati sup herba di dapur pada waktu pagi.

Aktiviti

Membina ayat tunggal dengan peluasan subjek dan predikat

Tatabahasa

Kuasa Magnet

Sejak pagi, ibu Farisha masih mencari sebatang jarum yang terjatuh di atas permaidani. Farisha membantu ibunya.



1. Puan Faezah mencari sebatang jarum yang tercir di atas permaidani.
2. Farisha mencari sebatang jarum yang tercir di atas permaidani. (dan)

Ayat majmuk peluasan subjek:
Puan Faezah dan Farisha mencari sebatang jarum yang tercir di atas permaidani.

1. Puan Faezah masih gagal menjumpai jarum itu.
2. Puan Faezah mencari jarum itu dengan kanta pembesar. (walaupun)

Ayat majmuk peluasan predikat:
Puan Faezah masih gagal menjumpai jarum itu, walaupun beliau mencarinya dengan kanta pembesar.




1. Farisha teringat akan manfaat kuasa magnet.
2. Farisha baru belajar tentang magnet. (yang)

Ayat majmuk peluasan subjek:

1. Farisha menjelaskan sesuatu.
2. Jarum itu boleh dijumpai dengan menggunakan magnet yang dilekatkan pada kereta kawalan jauh. (bahawa)

Ayat majmuk peluasan predikat:



Munshi Cilik

Ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat terdiri daripada ayat-ayat yang mengalami peluasan dengan unsur kata hubung gabungan, relatif, komplemen dan keterangan pada subjek dan predikat ayat.

Aktiviti

Membina ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat berdasarkan ayat-ayat yang diberikan.



Nota Guru 5.3.1


- Bimbing murid memahami dan membina ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Sains dan Teknologi
- KBAT: Mengaplikasi – Membina

UNIT 17 Mesra Teknologi

Mendengar dan Bertutur

Rakaman dari Udara

Cikgu Hafiz telah mengundang pegawai pertanian ke sekolah. Beliau akan mendemonstrasikan alat teknologi terkini kepada murid-murid. Mereka ..



Ini ialah dron. Dron ini dikawal dengan alat kawalan jauh untuk merakamkan gambar dari udara.



Kini, dron digunakan dalam pelbagai bidang. Namun begitu, pengendalinya harus mematuhi peraturan yang ditetapkan.



Aktiviti

Ber cerita dengan sebutan yang betul, intonasi dan gaya yang sesuai.

Nota Guru 1.3.1

- Bimbing murid bercerita tentang dron dengan merujuk pelbagai sumber maklumat.
- Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
- EMK: Sains dan Teknologi
- KBAT: Mengaplikasi – Menggambarkan



Membaca

Teknologi Imbasan Wajah

Azim, abang Amira, menerima perkongsian pautan akhbar daripada rakannya di Kedah melalui aplikasi Telegram.

Rencana

ALOR SETAR, 3 Mei – SMK Tunku Abdul Aziz telah memperkenalkan penggunaan sistem pengimbas wajah untuk merekodkan kehadiran murid, guru dan kakitangan sekolah itu.

Penggunaan mesin pengimbas wajah yang lebih mesra pengguna itu ialah alternatif bagi mengatasi kekurangan pada mesin pengimbas jari sebelumnya. Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah murid, guru dan kakitangan mempunyai masalah dalam imbasan cap jari. Kesannya, catatan rekod kedatangan tidak tepat.



Perkembangan teknologi terkini itu selaras dengan Pembelajaran Abad Ke-21 yang dapat menarik minat murid terhadap teknologi maklumat dan komunikasi. Pihak pembangun aplikasi akan memasukkan butiran peribadi murid, guru dan kakitangan sekolah terlebih dahulu. Kemudian, pengguna hanya perlu berdiri di hadapan mesin pengimbas. Sistem akan mengenal pasti 30 titik sudut mata mereka dalam proses mengimbas wajah sebelum data mereka disimpan.

Dua inisiatif tersebut membantu pihak sekolah mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan murid. Guru dapat mengenal pasti identiti mereka kerana mesin pengimbas dihubungkan dengan aplikasi Papatih MySekolah yang menyimpan segala rekod kedatangan dan masalah disiplin murid. Pihak sekolah juga berharap agar teknologi ini dapat digunakan untuk imbasan suhu warga sekolah pula pada masa hadapan.

Warga sekolah teruja akan teknologi imbasan wajah ini. Selain dapat mengurangkan masalah disiplin, penggunaan mesin ini menjimatkan masa guru. Guru tidak perlu lagi menandakan buku rekod kedatangan murid pada setiap pagi.

Info
Aplikasi Papatih MySekolah ialah aplikasi telefon pintar yang memaparkan kes disiplin dan sahsiah murid. Aplikasi ini boleh diakses oleh pentadbir dan ibu bapa.

(Sumber: SMK Tunku Abdul Aziz, Kedah)

Seterusnya, Azim menghubungi rakannya itu untuk memberikan respons atas perkongsianya.

Nadia dalam talian

Hai, Nadia! Terima kasih atas perkongsian maklumat itu. Untuk makluman kamu, sekolah saya masih menggunakan teknologi imbasan cap jari untuk taraf sistem kepada teknologi imbasan wajah. Pihak sekolah sedang berusaha untuk menaik dapat merekodkan kehadiran murid dengan pantasnyanya, walaupun masih ada masalah dari segi teknikal.



Teknologi imbasan cap jari

- imbasan melalui cap jari
- merekodkan kehadiran murid, guru dan kakitangan sekolah
- membendung masalah disiplin murid



Teknologi imbasan wajah

- imbasan melalui mata membolehkan
- merekodkan
- mengawal masalah disiplin

Apakah maklumat yang ingin abang kongsi?

Mengapakah teknologi imbasan wajah dapat menangani masalah disiplin murid?

Abang ingin berkongsi maklumat tentang kelebihan teknologi imbasan wajah.

Teknologi imbasan wajah dapat menangani masalah disiplin seperti ketidakhadiran murid kerana

Aktiviti
Membaca maklumat untuk memberikan respons.

Nota Guru 2.1.1

- Bimbing murid membaca dan memahami maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Menganalisis – Mengesan
- EMK: Kreativiti dan Inovasi

129 KPM



Menulis

Meru Kebanggaan Kita

Semasa di Terengganu, keluarga Farisha mengunjungi produk pelancongan terbaharu, iaitu Jambatan Angkat Terengganu.

Farisha tidak sabar hendak melihat keindahan Jambatan Angkat Terengganu. Di situ, dia akan menyaksikan teknologi seni bina tumpuan rakyat Malaysia dan pelancong asing. Matanya melilau-lilau untuk mencari tempat itu. Encik Farid hanya tersenyum ketika melihat gelagatnya.



"Kita sudah tiba. Kita berjalan kaki ke jambatan itu. Sementara itu, kamu boleh melihat panorama indah di sini," kata Encik Farid.

"Wah, cantiknya seni bina? Tidak saya sangka Malaysia ada binaan sehebat ini!" luah Farisha.

Encik Farid sekeluarga disambut mesra oleh pegawai penerangan di situ. Setelah membeli tiket, mereka melalui laluan keselamatan dengan teknologi imbasan kod bar untuk ke galeri di jejantas puncak. Mereka naik ke atas dengan lif?

Anak-anak Encik Farid teruja apabila bejapak pada lantai kaca lut sinar di hujung jejantas puncak itu. Namun begitu, mereka mula gementar apabila dipandang muara di bawahnya. Menurut Encik Farid, lantai kaca itu tahan pecah kerana mempunyai jumlah ketebalkan 75 sentimeter dengan susunan kaca sebanyak tiga lapis.

Mereka berkumpul di tempat khas untuk melihat operasi jambatan itu. Menurut Pegawai Penerangan, jambatan itu menggunakan teknologi hidraulik baskul yang antara tercanggih di dunia. Daun jambatan akan menaikan bagi laluan kapal dan diturunkan semula bagi kenderaan lain secara cepat dan selamat! Semasa operasi tersebut, lampu isyarat automatik untuk kenderaan dan pengguna akan dinyalakan dan diiringkan dengan siren khas.

Sebelum pulang, mereka mengabadikan kenangan berlatarbelakangkan jambatan ikonik tersebut dengan foto interaktif *Augmented Reality* (AR).



Aktiviti

Mengedit dan memurnikan teks.



IMBAS SAYA



Nota Guru 3.3.2

- Bimbing murid mengenal pasti kesalahan ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.
- Strategi PdP: Pembelajaran Masteri
- EMK: Sains dan Teknologi
- KBAT: Menganalisis – Mengesan



Seni Bahasa

Rajin Petua Kejayaan

Encik Rizal, bapa Irfan, menasihati anak-anak beliau dengan melafazkan pantun yang mengandungi perumpamaan. Menurut beliau, jika ingin berjaya dalam bidang teknologi, mereka mestilah rajin berusaha bagai lebah mengumpulkan madu.

Encik Rizal juga berpesan agar perkembangan teknologi mestilah diterokai dan ditekuni dengan sebaik-baiknya tanpa mendatangkan kemudaratannya.

Burung merbah di hujung perdu,
Di pohon sukun di tepi perigi;
Bagai lebah mengumpulkan madu,
Rajin dan tekun mencipta teknologi.

Ke Kuala Pilah mencari celagi,
Di dalam raga berisi ulam;
Selesaikan masalah dengan teknologi,
Kesejahteraan warga seluruh alam.

باڠڬاي لبه مڠومڠولكن مادو
باڠڬاي لبه مڠومڠولكن مادو

arah mula



Aktiviti

Mempersembahkan tulisan Jawi melalui perumpamaan.

Nota Guru 4.4.2

- Bimbing murid mempersembahkan keindahan seni tulisan Jawi melalui perumpamaan.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
- EMK: Nilai Murni – Kerajinan
- KBAT: Mengaplikasi – Menunjuk cara





Tatabahasa

Teknologi di Hujung Jari

Encik Karim menggalakkan Azim dan Amira menggunakan kemudahan teknologi dalam perkhidmatan.

Situasi 1

Ayah: Hari ini, ayah akan memperkenalkan teknologi belian pantas dan cekap dengan menggunakan kios layan diri di restoran makanan ini.

Amira: Apakah keistimewaan kios layan diri ini kepada pelanggan, ayah?

Ayah: Kios canggih ini menggunakan kemudahan sistem pesanan elektronik. Pekerja memberitahu ayah bahawa mesin ini menggunakan teknologi telekomunikasi dan Internet.

Azim: Apakah yang akan ayah lakukan dengan kios layan diri itu?

Ayah: Ayah akan memesan makanan yang kita mahu dengan hanya menyentuh paparan skrin pada kios ini. Kemudian, kita perlu memasukkan nombor meja untuk penghantaran oleh pekerja. Seterusnya, kita boleh membayarnya secara kad kredit, kad debit atau e-dompet. Pembayaran tanpa tunai ini menjadikan perkhidmatan ini lebih pantas dan selamat.

Amira: Wah, kemudahan ini sangat bagus kerana kita tidak perlu beratur panjang lagi!



Situasi 2

Seterusnya, mereka ke Melaka Sentral. Melaka Sentral menyediakan kemudahan jualan tiket pengangkutan awam. Melaka Sentral ialah terminal bersepadu. Encik Karim menjelaskan sesuatu. Beliau akan membeli tiket bas di kios layan diri. Teknologi ini pantas dan cekap. Kios pintar ini menggunakan kemudahan sistem belian secara elektronik.

Encik Karim ingin menempah tiket. Beliau menyentuh paparan skrin pada kios. Kemudian, Encik Karim perlu memilih destinasi, tarikh dan masa. Encik Karim juga memilih jenama syarikat pengangkutan bas. Bayaran secara tunai boleh digunakan. Bayaran secara e-dompet juga boleh digunakan. Teknologi ini sangat sistematik. Pengguna dapat mengakses tiket dengan pantas.



Aktiviti

Menyenaraikan dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat.




KPM



Nota Guru 5.3.1

- Bimbing murid memahami dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Sains dan Teknologi
- KBAT: Mengaplikasi – Membina



UNIT 18 Inovasi Bertambah Mutu




Mendengar dan Bertutur

Penghadang Jalan Raya Beroda

Farisha sedang menonton dokumentari dalam komputer.


Inovasi penghadang jalan raya beroda yang lebih cekap diperkenalkan bagi mengurangkan impak kemalangan.



Silinder beroda menggantikan tenaga impak kepada tenaga putaran.



Tiub keluli dan silinder plastik mudah lentur pada roda dapat menyerap hentaman.



Kerangka atas dan bawah beroda mengelakkan kenderaan terbabas keluar dari jalan raya.



Kesan pantulan cahaya pada silinder lebih terang, jelas kelihatan ketika gelap.

(Sumber: Jabatan Kerja Raya Malaysia)

Farisha, apakah yang sedang kamu tonton dan baca itu?

Cuba ceritakan keistimewaan inovasi penghadang jalan raya beroda.

Wah, banyak keistimewaannya! Mengapakah inovasi itu perlu diperkenalkan?

Saya menonton dan membaca ...

Oh, sangat menarik inovasinya, ayah! Antara keistimewaannya ...

Inovasi itu perlu diperkenalkan supaya ...

Aktiviti

Menceritakan maklumat yang didengar, ditonton, dan dibaca.



Nota Guru 1.3.2

- Bimbing murid menceritakan sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dan dibaca dengan sebutan yang betul dan intonasi serta gaya yang sesuai.
- Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
- EMK: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya
- KBAT: Menganalisis – Menerangkan



KPM

Membaca

Bulu Tangkis Terkini

Shu Fen telah membaca rencana inovasi bulu tangkis dalam sukan badminton. Dia ingin berkongsi maklumat tersebut dengan rakan kelab badmintonnya.

RENCANA





Perkembangan sukan perlulah seiring dengan teknologi dan inovasi. Oleh itu, Persatuan Badminton Malaysia (BAM) menyambut baik keputusan Persekutuan Badminton Dunia (BWF) yang meluluskan penggunaan bulu tangkis sintetik mulai tahun 2021.

BWF perlu melaksanakan perubahan itu dengan memastikan kualiti bulu tangkis sintetik itu sama seperti bulu tangkis yang diperbuat daripada bulu angsa. Sehubungan dengan itu, BWF mendapatkan maklum balas daripada pemain sebagai individu penting dalam inovasi ini.

Setelah ujian dilakukan, bulu tangkis sintetik didapati lebih efektif. Misalnya, dari segi kualiti permainan, pergerakan bulu tangkis sintetik lebih cepat berbanding dengan bulu tangkis sedia ada. Namun begitu, BWF yakin pemain dapat menyesuaikan teknik permainan dengan cepatnya.

Penggunaan bulu tangkis sintetik ini juga selaras dengan kempen kelestarian alam. Oleh sebab ketahanannya, pemain dapat mengurangkan kekerapan pembuangan bulu tangkis ini. Tambahan pula, bulu tangkis sintetik dapat mengelakkan **kebergantungan** pada bulu angsa.

Ujian juga mendapati penggunaan bulu tangkis dapat dijimatkan sehingga 25 peratus. Situasi ini memberikan **insentif** penting bagi ekonomi dan alam sekitar demi masa hadapan sukan badminton.

Bulu tangkis sintetik

Bulu tangkis biasa

Aktiviti

Mencari makna perkataan dan meneliti ejaan yang tepat.

Nota Guru 2.1.2

Bimbing murid membaca dan merujuk kamus serta media elektronik untuk mencari makna perkataan dan meneliti ejaan yang tepat mengikut susunan perkataan.
Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
EMK: Kreativiti dan Inovasi
KBAT: Menganalisis – Mengesan



Menulis

Mesin Pencuci Automatik

Farisha dan ibunya sedang membaca iklan barang kelengkapan rumah dalam majalah.

Dapatkan Sekarang, Barang Berinovasi di Rumah



Adakah anda mencari-cari sebuah mesin inovasi yang boleh membantu anda di dapur? Tentu ramai yang ingin memilikinya.

Oleh itu, syarikat barangan elektrik telah mengeluarkan sebuah produk elektrik berinovasi. Mereka menambah baik peranan, di samping mengutamakan faktor penjimatan dan keselamatan. Produk berinovasi mesin pencuci pinggan mangkuk ialah tersebut.

Mesin ini menggosok perkakasan dapur seperti sudu, cawan, pinggan dan mangkuk dengan lebih bijaknya. Fungsinya seperti mesin pencuci baju. Di rak antikarat, perkakasan kotor yang disusun elok dengan mesin ini.

Antara fungsi canggihnya termasuklah kitaran basuhan sehingga 360 darjah. Tujuannya untuk memberikan nilai basuhan yang cekap dari segenap sudut. Dapat memastikan tersingkir kuman sepenuhnya kuasa pancuran dengan air sejuk dan air panas.

Mesin ini juga dilengkapi dengan teknologi pengeringan wap pantas. Seperti sistem kunci automatik dan pengesan litar pintas keselamatan ciri-ciri juga tersedia. Mesin ini bertugas dengan senyapnya dan bunyi yang minimum.

Perkakasan yang siap dicuci dikeluarkan daripada mesin apabila sistem pembunyi digital berbunyi. Inilah inovasi yang dapat menahkakan tugas harian di dapur.



Mesin Pencuci Pinggan Mangkuk

Aktiviti

Mengedit dan memurnikan penggunaan kata dan struktur ayat.

Nota Guru 3.3.2

Bimbing murid mengenal pasti kesalahan penggunaan kata dan struktur ayat.
Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
EMK: Kreativiti dan Inovasi
KBAT: Menganalisis – Mengenal pasti



Tatabahasa

Katil Mesra Pengguna

Seorang wartawan telah menemu bual pengimpal besi yang menghasilkan ciptaan inovasi untuk orang kurang upaya (OKU).

Wartawan: Syabas, katil mesra OKU ciptaan tuan memenangi hadiah inovasi!
 Encik Amiruddin: Terima kasih. Eh, ciptaan saya biasa sahaja jika dibandingkan dengan ciptaan profesional lain!

Wartawan: Bagaimanakah teretusnya idea membuat katil inovasi ini, tuan?
 Encik Amiruddin: Oh, idea ini tercetus ketika melihat kepayahan isteri saya yang sakit selepas dibedah! Dengan ilmu kimpalan dan idea inovasi, saya mereka cipta katil mesra OKU ini.

Wartawan: Aduhai, simpati saya mendengarnya!
 Encik Amiruddin: Katil ini daripada sebuah katil besi bujang. Saya menciptanya seperti katil hospital. Katil ini boleh dilaraskan tahap sandarannya mengikut kesesuaian pesakit dengan menekan butang secara automatik.

Wartawan: Wah, menarik sungguh fungsinya!
 Encik Amiruddin: Ya. Katil ini juga mempunyai dwifungsi. Katil ini akan berfungsi sebagai katil bujang apabila tidak digunakan lagi. Saya memang memastikan hasil ciptaan berkualiti demi keselamatan pesakit. Nah, telitilah risalah tentang katil inovasi ciptaan saya ini!

Wartawan: Terima kasih, tuan.



Munsji Cilik

Ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan intonasi seruan untuk melahirkan perasaan. Intonasi seruan ini ditandai dengan tanda seru (!) yang terletak pada akhir ayat.

- Contoh:
- Syabas, kamu berjaya! (menunjukkan perasaan gembira, pujian dan ucapan tahniah)
 - Wah, unik rekaannya! (menunjukkan perasaan kagum)

Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat seruan berdasarkan kata dan gambar.



Nota Guru 5.3.2 (i)

- Bimbing murid memahami dan membina ayat seruan mengikut konteks. Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual KBAT: Mengaplikasi – Membina EMK: Kreativiti dan Inovasi

Tatabahasa

Mari Kita Berinovasi

Farisha dan ayahnya cuba menghasilkan satu ciptaan daripada buku *Jimat dan Mudah dengan Inovasi*, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

“Farisha, mari kita hasilkan alat inovasi perangkap nyamuk,” kata Encik Farid.

“Baiklah, ayah. Adakah alat ini memudaratkan kita? Tolong ayah beritahu keistimewaan alat ini,” ujar Farisha.

“Usah risau, Farisha. Keistimewaan alat ini tiada penggunaan bahan kimia berbahaya. Penghasilan alat ini juga mudah dan jimat,” jelas Encik Farid.

“Kalau begitu, silalah ayah beritahu bahan-bahan yang kita perlukan,” minta Farisha.

“Mula-mula, minta sediakan bahan seperti botol plastik 1.5 liter, 200 mililiter air, 50 gram gula merah, 11 gram yis dan kertas pembalut hitam. Kemudian, ...”



Munsji Cilik

Ayat perintah ialah ayat yang digunakan untuk menimbulkan sesuatu tindakan.

- Contoh: ayat suruhan, ayat larangan (kata larangan jangan dan usah), ayat silaan (kata silaan sila dan jemput) dan ayat permintaan (kata permintaan minta dan tolong).

Aktiviti

Mengenal pasti kata perintah dan melengkapkan dialog dengan membina ayat perintah.

Nota Guru 5.3.2 (ii)

- Bimbing murid memahami dan membina ayat perintah mengikut konteks. Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Mencipta – Menghasilkan EMK: Kreativiti dan Inovasi






Pemulihan

Baca dan teliti teks. Kemudian, edit dan murnikannya dari segi ejaan, tanda baca dan imbuhan. Tulis jawapan dalam buku latihan.

Dunia Sains

Taman Herba Sekolah



JASIN, 20 Jun – SK Seri Makmur telah mengadakan acara perasmian Taman Herba Sains pada minggu lepas. Taman itu telah diusahakan oleh anggota Kelab Sains.

Taman itu diwujudkan untuk memberi murid pendidikan tentang khasiat tumbuhan herba. Oleh itu, terdapat pelbagai jenes tanaman herba dan organek yang mampu mengatasi beberapa masalah kesihatan secara tradisional di situ.

Projek taman herba itu melibatkan kerjasama pelbagai pihak! Misalnya, bekalan anak pokok dan benih diperolehi daripada institut penyelidikan dan kemajuan pertanian malaysia (MARDI) dan sumbangan penduduk setempat. Pihak sekolah dan murid pula melakukan penyenggaraan taman.


'Kita berharap agar tanaman herba ini dapat dimanfaatkan oleh murid semasa proses pembelajaran Sains di sekolah, terutamanya dalam penyelidikan dan inovasi,' Pesan guru besar dalam ucapan perasmian.

Mengikut tinjauan, didapati hampir 50 jenis tanaman pokok herba, sayuran dan buah herba di taman itu. Antara pokok yang bertanam termasuklah tongkat ali, kacip fatimah, stevia, pegaga, durian belanda dan mulberi. Info sains tentang manfaat tumbuhan juga dipamerkan bagi memudahkan kefahaman murid. Aktiviti luar bilik darjah seperti itu menjadikan murid lebih dihargai khazanah alam semula jadi.



Pengayaan

(A) Baca dan fahami graf dan infografik. Kemudian, bincangkan maklumat tersurat dan tersirat.



(B) Berikan respons kamu tentang soalan-soalan yang berikut.

1. Apakah pendapat kamu tentang peratus murid yang melayari aplikasi Internet pada bulan Mac?
2. Daripada enam aplikasi yang sering dijilari murid, aplikasi yang manakah pilihan kamu? Mengapa?
3. Mengapakah Internet penting semasa aktiviti pembelajaran dan aktiviti sendiri murid di sekolah?

Pengukuhan

Bina dialog dan lakonkan.

Rekreasi Bahasa

Arahan aktiviti:

Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.

1. Pilih sekeping kad tugas dan fahami kandungan kad.
2. Berbincang dalam kumpulan untuk membina dialog.
3. Boleh merujuk Internet dan sumber rujukan lain.
4. Gunakan ayat seruan dan ayat perintah yang betul dan gramatis.
5. Lakonkan dengan penyampaian yang baik.

Kad Tugas 1

Kumpulan kamu berpeluang untuk mencuba satu alat permainan simulator penerbangan pesawat dalam pameran syarikat penerbangan.

Bina dialog yang mengandungi ayat seruan dan ayat perintah semasa mengendalikan alat itu.



Kad Tugas 2

Kumpulan kamu berpeluang untuk mencuba alat pengukur tahap kemanisan buah atau refraktometer brix di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Alat ini ialah inovasi dalam bidang pertanian dan kawalan gula oleh pengguna.

Bina dialog yang mengandungi ayat seruan dan ayat perintah semasa menggunakan alat itu.



Penilaian

- (A) Baca kisah pengembaraan Didi dan ramalkan kesudahan cerita itu berdasarkan gambar. Kemudian, cari makna perkataan yang berwarna hijau.

Didi di Angkasa

Didi tercampak jauh di kawasan lapang. Roket yang dinaikinya hancur. Mujurlah sut pakaian angkasanya masih elok. Dapattlah dia bernafas dengan tangki oksigen yang masih ada. Dia tidak pasti sama ada dia di Bulan atau di sebuah planet lain.


Tiba-tiba, Didi terkejut apabila melihat sebuah jentera meluncur laju di hadapannya. Jentera itu nampak begitu canggih dan moden. Dengan pantasnyanya, Didi menyorok di sebalik batu besar. Dia ingin memerhatikan situasi yang akan berlaku.

Jentera itu berhenti. Dua buah robot keluar dari jentera itu. Robot pertama menerbangkan dron untuk mengesan sesuatu. Robot kedua pula mengawal tempat dengan selaras senjata moden. Didi bimbang akan keselamatannya. Dia hanya mampu mengintipnya dan mendiamkan diri.







Seketika kemudian, robot-robot itu menaiki jentera kembali. Dalam beberapa saat, jentera itu terbang laju, lalu hilang daripada pandangan.

"Tentu jentera itu menggunakan kuasa roket," fikir Didi.

Didi keluar dari persembunyiannya. Tiba-tiba, dia terpijak sejenis alat mirip sebuah telefon pintar. Alat itu mungkin tercicir semasa robot itu menjalankan operasi. Dalam fikiran Didi sekarang hanyalah untuk kembali ke Bumi. Dia mungkin berpeluang dengan menggunakan alat perhubungan itu.



- (B) Bina ayat majmuk peluasan subjek dan predikat pada ayat di bawah.

1. Roket  yang dinaikinya hancur. (peluasan subjek)
2. Jentera itu berhenti . (peluasan predikat)
3. Robot pertama menerbangkan dron untuk mengesan sesuatu . (peluasan predikat)
4. Didi keluar dari persembunyiannya . (peluasan predikat)
5. Alat  itu mungkin tercicir semasa robot itu menjalankan operasi . (peluasan subjek dan predikat)



Bacaan Luas

Satelit dan Kehidupan Alam

Fungsi sebenar satelit di angkasa lepas telah wujud sejak berdekad lalu. Satelit diakui mampu membantu kehidupan kita dalam pelbagai bidang termasuklah pertanian, bantuan kemanusiaan, meteorologi dan telekomunikasi maklumat.

Dalam bidang pertanian, imej satelit digunakan untuk meningkatkan penghasilan dan mengurangkan kos. Data imej satelit digunakan oleh perancang, pembuat dasar dan petani moden bagi membuat keputusan yang berkesan. Misalnya, menjamin bekalan air yang stabil untuk makanan dan persekitaran. Melalui satelit, manusia dapat menentukan lokasi punca air di dalam lembangan sungai pada masa-masa tertentu dalam setahun.


Satelit juga penting untuk menangani isu bantuan kemanusiaan. Bantuan kemanusiaan ialah tindakan meringankan penderitaan akibat bencana seperti banjir, kebakaran hutan, ribut taufan, gempa bumi, tsunami dan kemarau, serta perpindahan populasi. Oleh itu, maklumat geografi yang tepat sangat penting untuk saluran bantuan di kawasan yang terpencil dan rumit.

Selain itu, satelit juga digunakan dalam meteorologi. Meteorologi ialah bidang ilmu sains tentang atmosfera dan fenomena, terutamanya kajian cuaca dan ramalan cuaca. Dengan satelit meteorologi, ahli meteorologi dan penyelidik tentunya boleh memerhati fenomena jangka pendek di sekeliling dunia 24 jam sehari.


Seterusnya, fungsi lain satelit juga adalah sebagai alat komunikasi. Satelit komunikasi satu daripada medium pertukaran maklumat ke seluruh dunia, khususnya melalui bidang penyiaran, telefon dan Internet. Melaluiinya, liputan yang luas di antara dua kawasan yang jauh di muka bumi dapat dihubungkan.

Sesungguhnya, komunikasi satelit merupakan teknologi yang membawa perubahan besar dalam kehidupan manusia kini. Oleh itu, murid-murid haruslah memanfaatkan kemudahan satelit untuk meneroka ilmu baharu sebagai satu proses pembelajaran yang bermakna.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.majalahsains.com/fungsi-satelit-dalam-kehidupan/>)



KELESTARIAN ALAM



Aktiviti
Berbual-bual tentang gambar.

UNIT 19 Ceriakan Buana Kita

Mendengar dan Bertutur

Pembersih Udara Semula Jadi


Cikgu Mariam telah mengadakan sesi pembelajaran luar bilik darjah di Taman Lestari.



Murid-murid, lihat dengan telitinya cara menanam pokok-pokok ini.

Untuk maklumat kamu, pokok lidah jin, pokok labah-labah dan pokok pakis Boston ini boleh membersihkan udara secara semula jadi. Misalnya, pokok lidah jin dan pokok labah-labah memiliki daya serap yang sangat tinggi terhadap gas-gas beracun yang terbebas di udara. Pokok pakis Boston pula mampu membersihkan dan melembapkan udara.

Baiklah, cikgu. Kami akan melihat dengan telitinya cara cikgu menanam pokok-pokok ini.



Tinesh, bagaimanakah pokok-pokok ini berfungsi kepada alam sekitar?

Affi, apakah keistimewaan ketiga-tiga pokok ini?


Aktiviti

Mendengar, mengecam dan menyebut maklumat semula.

Membaca

Terarium atau Pasu?

Affi dan Sofea berkongsi cerita tentang tanaman mesra alam mereka kepada rakan sekelas.



Selamat sejahtera, kawan-kawan. Hari ini, saya akan bercerita tentang terarium mesra alam milik saya. Terarium ialah bekas lut sinar yang digunakan untuk memelihara tumbuh-tumbuhan kecil. Saya menghasilkan terarium mesra alam ini di dalam bekas kaca yang pelbagai saiz dan bentuk. Bekas ini biasanya saya tutup untuk mencegah kehilangan lembapan. Tanaman ini senang untuk saya jaga. Saya tidak perlu menyiram tanaman ini selalu. Terarium ini boleh diletakkan di ruangan kecil di dalam rumah. Terarium menjadikan ruang tamu dan bilik tidur saya cantik dan ceria. Terarium mampu menjadi terapi minda bagi mengurangkan stres.

Selamat sejahtera, kawan-kawan. Hari ini, saya akan menceritakan perihal tanaman bunga di halaman rumah saya. Saya lebih suka memanfaatkan halaman rumah dengan tanaman pelbagai jenis pokok bunga. Saya menanam pokok bunga di dalam pasu yang pelbagai bentuk dan saiz. Saya hanya menyiram tanaman saya pada waktu pagi dan petang. Bunga yang sedang mekar memberi saya sekeluarga kepuasan. Kecantikan bunga pula menghadirkan panorama indah dan menyejukkan pandangan. Bagi saya, hobi ini juga antara terapi untuk menenangkan diri sambil bersantai dengan keluarga tersayang.

Danish, kaedah tanaman manakah yang kamu sukai? Mengapa?

Saya sukai kaedah penanaman kerana . Dengan itu, saya memilih .

Apakah pula pilihan kamu, Tinesh?

Aktiviti

Membaca dan memahami teks untuk membuat pertimbangan dan keputusan.



Menulis

Komuniti Samudera

Affi membaca buku cerita di perpustakaan mini rumahnya.

"Sahabatku, Sang Penyu. Mengapakah wajah kamu tidak ceria seperti biasa! Jika kamu memerlukan pertolongan, beritahulah aku. aku pasti akan menolong kamu." kata sang pari.

"Lihatlah kaki dan leher aku ini. ada jaring yang tersangkut. Susah untuk aku barenang untuk mencari makan. Pelbagai usaha sudah aku lakukan. namun begitu, semuanya tidak berhasel." kata Sang Penyu.



"Baiklah, biar aku cuba bantu kamu membuang jaring yang tersangkut itu. Kasihan pula aku terlihat kamu menanggung kesakitan." kata Sang Pari.

Sang Pari pun berusaha untuk menanggalkan jaring yang disangkut pada kaki dan leher Sang Penyu.

Walaupun Sang Pari menggunakan gigi dan ekornya yang tajam, jaring tersebut masih tersangkut pada Sang Penyu.

"Minta maafah Sang Penyu, aku tidak mampu menmotong jaring ini. Talinya terlalu kuat," kata Sang Pari.


"Aduhai, malang sungguh nasib aku kali ini!" rintih Sang Penyu.

Sang Pari kemudiannya menjemput Sang Penyu berjumpa dengan Sang Todak. Sang Pari menyatakan bahawa Sang Todak mempunyai ramuan yang cukup untuk membantu Sang Penyu itu.

Setelah berjumpa dengan Sang Todak, Sang Penyu menanyakan masalah yang dihadapinya. Tanpa membuang masa, Sang Todak terus memangkas jaring yang terlekat pada kaki dan leher Sang Penyu. Setelah berjaya, Sang Penyu mengucapkan tahniah kepada Sang Todak.



Semasa dalam perjalanan pulang, mereka melihat warga samudera di tepi pantai. Apabila menghampiri pantai, sedang mengadakan gotong-royong mereka melihat anggota masyarakat membersihkan kawasan tersebut. Di kawasan darat, aktiviti Rakan Alam Sekitar (RAS) gotong-royong disertai oleh ahli. Di dalam air pula, menolak sampah ke kawasan pantai warga samudera bersama-sama agar dipungut senang oleh ahli RAS. Kini, masyarakat di darat dan warga samudera bekerjasama untuk menjaga kebersihan alam sekitar.



"Mengapakah kamu tersenyum sendirian, Sang Penyu?" tanya Sang Pari.

"Saya bersyukur kerana anak-anak saya tidak lagi bersalah makan plastik. Mereka menonton plastik sama seperti makanan kami, iaitu ubor-ubor," soal Sang Penyu.

Kawasan pantai telah bersih dan samudera. kawasan pantai menjadi semakin menarik dan endah. Ramai pelanggan mula datang untuk berkelah dan bereadah di tepi pantai. Di samudera pula, tiada lagi pencemaran. Warga dapat berenang dengan bebasnya samudera. Warga samudera juga menikmati dengan cepatnya. Mereka hidup dalam keceriaan!

Aktiviti
Mengedit dan memurnikan teks

Nota Guru
3.3.2

- Bimbing murid mengedit dan memurnikan perenggan dari aspek ejaan, tanda baca, penggunaan imbuhan, penggunaan kata, dan struktur ayat.
- Strategi PdP: Pembelajaran Masteri
KBAT: Menganalisis – Mengesan

147
KIPM

Seni Bahasa

Wajah Ceria Taman Tasik Titiwangsa

Encik Nazri dan keluarga **ambil angin** di Taman Tasik Titiwangsa. Taman ini baru dibuka setelah kerja-kerja penambahbaikan selesai.

Wah, nyaman dan segar udara di sini! Angin pula berliup sepoi-sepoi bahasa.

hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri

ramai macam semut

Kamu harus bijak **ambil peluang** mengenali tumbuh-tumbuhan di sini. Tumbuhan itu bukan sekadar hiasan, malah ekosistem penting bagi mengekalkan kelembapan suhu sekitar.

bagai isi dengan kuku

peluk tubuh

Kos baik pulih taman ini sangat besar. Namun begitu, pihak kerajaan tetap meneruskan usaha itu demi kelestarian alam di kawasan bandar.

di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

titik peluh

Kita juga perlulah sentiasa mematuhi peraturan di taman ini.

di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

sepakat membawa berkat

Semasa berjalan di Taman Tasik Titiwangsa, mereka sangat selesa. Asmina, adik Afifi, berkata bahawa ...

Aktiviti

Bercerita dan mengujarkan dialog dengan menggunakan peribahasa.

148 KPM

Nota Guru 4.1.1

- Bimbing murid bercerita dengan menggunakan peribahasa.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Kebersihan Fizikal dan Mental
- KBAT: Mengaplikasi – Mengguna pakai

Tatabahasa


Badak Sumbu Sumatera Terakhir

Encik Nazri telah memberitahu Afifi tentang kisah Badak Sumbu Sumatera terakhir di Malaysia.

Afifi terus **melayari Internet** untuk mendapatkan maklumat. Ramai masyarakat telah berbicara tentang kematian Badak Sumbu Sumatera terakhir di Malaysia. Badak Sumbu Sumatera itu sebahagian daripada haiwan terlindung di negara ini. Badak Sumbu Sumatera itu bernama Iman.

"Iman mati semasa di Santuari Badak Borneo, Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin, di Lahad Datu, Sabah. Petugas telah memberi Iman rawatan dengan sebaik-baiknya. Walau bagaimanapun, rawatan untuk mengubati masalah ketumbuhan pada uterus Iman gagal. Berita kematian Iman menggemparkan masyarakat, terutamanya pencinta alam di negara ini. Mereka amat berdukacita dengan kejadian tersebut," kata Afifi kepada ayahnya.

"Kesedihan ini amatlah kita rasai. Namun begitu, masyarakat harus belajar daripada kejadian ini. Kini, pihak Santuari Badak Borneo berusaha untuk membiakkan badak jenis ini di habitat yang sesuai. Mereka akan bekerjasama dengan negara jiran yang masih mempunyai badak jenis ini. Kehadiran Iman dan badak sumbu yang lain telah menceriakan alam kita selama ini," kata Encik Nazri.



Kita sepatutnya bersama-sama menjaga alam sekitar supaya hidupan liar tidak terancam. Kita perlu



Munshi Cilik

Ayat aktif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal.

Contoh: Afifi (subjek) memelihara (kata kerja aktif) alam (objek)

Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat aktif.

Nota Guru 5.3.3

- Bimbing murid memahami dan membina ayat aktif.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Menghargai
- KBAT: Mengaplikasi – Membina

149 KPM

Tatabahasa

Hotel Hijau

Encik Nazri telah mencadangkan hotel hijau sebagai penginapan keluarga mereka semasa bercuti.

Ayat Pasif

Affi: Ayah, hotel itu diiktiraf oleh kerajaan sebagai hotel hijau. Apakah yang dimaksudkan dengan hotel hijau?

Ayah: Hotel hijau ialah inisiatif oleh pihak hotel yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang bersifat mesra alam.

Affi: Oh, begitu! Apakah inisiatif mesra alam itu?

Ayah: Banyak bangunan hotel menggunakan cahaya matahari untuk pencahayaan di dalam bilik. Mentol lampu cekap tenaga juga digunakan oleh pihak hotel. Oleh itu, penggunaan tenaga elektrik dapat dijimatkan.

Affi: Eh, mengapakah banyak basikal di hotel itu, ayah?

Ayah: Pihak hotel hijau itu juga menyediakan perkhidmatan sewaan basikal. Tetamu digalakkan berbasikal ke sesuatu destinasi yang berdekatan. Dengan cara ini, pencemaran udara dapat kita kurangkan.

Affi: Bagaimanakah pula dengan tempat letak kenderaan berwarna hijau itu, ayah?

Ayah: Oh, itu tempat mengecap kenderaan hibrid! Perkhidmatan itu juga ialah sokongan ke arah usaha mesra alam. Dengan itu, kedatangan pelancong hijau dapat kita tingkatkan.



Ayat Aktif

Pihak hotel hijau menyarankan pelanggannya menjimatkan penggunaan air. Pelanggan menukar tuala dan cadar apabila perlu sahaja. Selain itu, hotel juga menggunakan tadahan air hujan untuk simbah tandas. Kita mestilah menyokong usaha pelestarian alam ini.

Ayat Pasif

Munsji Cilik

Ayat pasif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal sebagai subjek baharu.

Contoh ayat pasif:

Alam (objek) disayangi (kata kerja pasif) Affi. (subjek)

Contoh ayat aktif:

Affi (subjek) menyayangi (kata kerja aktif) alam. (objek)

Aktiviti

Mengenal pasti dan memahami ayat pasif dalam teks.



- Bimbing murid memahami dan membina ayat pasif.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Mengaplikasi - Membina
- EMK: Nilai Murni - Menghargai

UNIT 20 Selamatkan Alam Kita

Mendengar dan Bertutur

Pasar Lestari

Semasa aktiviti Kelab Lestari Alam, Cikgu Zakwan menerangkan cara-cara untuk menjaga kebersihan pasar basah.

CARA-CARA UNTUK MENJAGA KEBERSIHAN PASAR BASAH



Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

Sofea, mengapakah peniaga tidak dibenarkan melakukan aktiviti penyembelihan di pasar basah?

Para peniaga tidak dibenarkan melakukan aktiviti penyembelihan di pasar basah bagi mengelakkan pencemaran sungai.

Apakah cara lain untuk menjaga kebersihan di pasar basah?

Affi, bolehkah kamu terangkan proses pengkomposan sisa makanan kepada kami semula?

Aktiviti

Mendengar, memahami dan memberikan respons.



- Bimbing murid mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap maklumat yang diujarkan dalam situasi formal.
- Strategi PdP: KP - Verbal-linguistik KBAT: Mengaplikasi - Mengguna pakai
- EMK: Nilai Murni - Kebersihan Fizikal dan Mental



Membaca

Jom Kitar, Kumpul dan Tukar

Affi dan Azrul tertarik akan berita Kempen Jom Kitar, Kumpul dan Tukar. Affi juga ingin menyertai pertandingan mendeklamasikan sajak dalam kempen itu.



Warta


Jom Kitar, Kumpul dan Tukar

PUTRAJAYA, 28 Julai – Pihak Jabatan Alam Sekitar akan dianjurkan Kempen Jom Kitar, Kumpul dan Tukar. Kempen ini akan berlangsung selama seminggu bermula hari ini. Orang ramai diundang untuk hadir bagi menyokong dan memeriahkan kempen tersebut.

Menurut pengurus kempen, Encik Marzuki Mohamad, kempen ini adalah untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan kitar semula. Seterusnya, program seperti ini diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada segenap lapisan masyarakat tentang kepentingan melestarikan alam. Program seperti ini juga mampu menjadi landasan bagi anggota keluarga untuk menjalankan aktiviti kitar semula secara santai sepanjang program berlangsung.

Program Kumpul dan Tukar Barangan Kitar Semula merupakan program pengumpulan barangan kitar semula dengan tawaran tebus barangan eksklusif. Para pengunjung boleh membawa barangan kitar semula ke kios penebusan yang disediakan.

Sehubungan dengan itu, barangan kitar semula seperti surat khabar, majalah, botol plastik, kertas, logam atau besi, kotak dan aluminium akan ditimbang. Kemudian, barangan tersebut akan dinilai untuk penebusan cenderamata eksklusif seperti kemeja-T, beg, topi dan kasut. Peserta perlu diingatkan bahawa tiada urusan tunai dijalankan. Dengan inisiatif ini, pengunjung dapat menzahirkan perasaan cinta akan alam dengan aktiviti yang berkonsepkan keseronokan.



Selepas membaca maklumat program, Affi mengarang sebuah sajak bagi pertandingan itu nanti.

Seruan Alam

Ayuh kawanku
kita saling membantu
lestarikan alam kita
agar alam kekal ceria.

Ayuh ibu
kita kitar semula
buangan dapur
kita olah menjadi kompos
untuk bajai tanaman.

Ayuh jiran tetangga
bersama kita kumpulkan
kertas, plastik juga logam
boleh dikitar semula
boleh juga digunakan semula.

Ayuh masyarakat
tunjukkan keazaman
buktikan keupayaan
mampu kita lakukan
demi alam semesta.

Nukilan: Hasdi



IMBAS SAYA



Apakah rumusan yang boleh kita buat daripada Kempen Jom Kitar, Kumpul dan Tukar ini, abang?



Aktiviti

Membaca pelbagai bahan untuk membuat rumusan.

Nota Guru 2.3.1

Bimbing murid membaca dan meneliti kandungan teks karya sastera dan karya bukan sastera untuk membuat rumusan. Strategi PdP: Belajar Cara Belajar EMK: Nilai Murni – Prihatin

KBAT: Menganalisis – Menerangkan

Menulis

Buang Sampah Dapat Wang



Tahniah, tuan guru besar! Bapa dan rakan-rakan dari Kelas 5 Ceria bangga akan tuan kerana mengambil berat tentang Program Kelestarian Alam di SK Seri Damai. Kami seronok kerana pihak sekolah telah berjaya untuk menyediakan tong buang dan tebus di sekolah ini. Kami hanya perlu membuang sampah ke dalam tong bagi mendapatkan token untuk ditebus dengan wang tunai. Kami sangat bangga kerana dapat berbakti kepada alam.

Tuan guru besar,
Ibu bapa kami juga akan berganding bahu agar program ini terus mencapai objektifnya. Sebagai ibu bapa, mereka juga akan memberi kami galakan untuk menggunakan tong buang dan tebus. Nasihat mereka, wang yang kami dapat hanyalah sebagai galakan tetapi yang lebih utama ialah ilmu tentang penjagaan alam sekitar.

Kami akan terus menyokong usaha murni ini. Kami akan berkempen agar semua warga sekolah ini dapat memanfaatkan tong tersebut. Sesungguhnya, kebersihan alam sekitar ialah tanggungjawab kita bersama.

Kami yang ikhlas.
Murid-murid Kelas 5 Ceria

Aktiviti

Menulis ayat dalam perenggan berdasarkan kad ucapan dalam bentuk tulisan berangkai.

154
KPM

Nota Guru
3.1.1

• Bimbing murid menulis ayat dalam perenggan secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai.
Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
EMK: Kreativiti dan Inovasi
KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan

Seni Bahasa

Budi Sungai

Dengarlah ini wahai saudara,
Kisah sungai yang terpelihara,
Jernih airnya hingga muara,
Menarik minat teruna dara.

Haiwan akuatik bebas bersarang,
Ikan, buaya, udang, memerang,
Bawah sinaran cahaya terang,
Mencari makanan tidak berkurang.

Kepada tumbuhan sungai berjasa,
Pepohon segar nyaman dirasa,
Indahnya alam dirakam lensa,
Tenang fikiran hidup selesa.

Demi manusia sungai dijaga,
Airnya diminum terasa lega,
Sumber pertanian ekonomi warga,
Sungai khazanah amat berharga.




Aktiviti

Melagukan syair dan menyatakan idea keseluruhan syair.

Nota Guru
4.2.1

• Bimbing murid melagukan syair dengan irama yang sesuai serta menyatakan idea keseluruhan syair.
Strategi PdP: KP – Muzik
KBAT: Menganalisis – Menerangkan



Syair ini berkisahkan...



155
KPM



Tatabahasa

E-Sisa Mudah Alih

Afifi dan rakan-rakan mendengar ceramah semasa perjumpaan mingguan Kelab Lestari Alam di sekolah.




Situasi 1

Selamat sejahtera, murid-murid. Saya akan menyampaikan ceramah tentang e-sisa mudah alih. Banyak maklumat akan saya kongsi dengan kamu.

Program ini adalah untuk memberi kita kesedaran tentang kepentingan pelupusan e-sisa mudah alih secara mesra alam. Telefon bimbit, telefon pintar, tablet dan aksesoriya perlu dikitar semula dengan cara yang betul. E-sisa mudah alih ini perlu kita serahkan kepada pengumpul. Selain itu, kita juga digalakkan untuk membaiki pulih peranti mudah alih secara selamat.

Dengan amalan ini, aktiviti perlombongan bahan baharu dapat kita kurangkan. Komponen berbahaya yang boleh menjejaskan kesihatan akan terhindar. Kita perlu berazam untuk menjaga alam sekitar bagi mengelakkan pencemaran.



Situasi 2



Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat aktif dan ayat pasif mengikut konteks.



Nota Guru 5.3.3

Bimbing murid memahami dan membina ayat aktif, dan ayat pasif mengikut konteks. Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme EMK: Kelestarian Global KBAT: Mengaplikasi - Membina

UNIT 21 Teknologi Hijau

Mendengar dan Bertutur

Pilihan Terbaik

Afifi menemani ayahnya ke pusat pameran kereta. Mereka telah berbincang dengan pegawai promosi tentang pilihan kereta yang terbaik.



Kereta Elektrik
✓ menggunakan tenaga elektrik sepenuhnya
✓ tidak menggunakan petrol
✓ tidak membebaskan gas karbon dioksida
✓ kos penyenggaraan yang rendah
✓ lebih senyap

Apakah perbezaan antara kereta hijau dengan kereta biru ini?

Kereta hijau itu berenjin petrol dan perlu disenggara secara berkala. Kereta biru ini pula ialah kereta elektrik.

Afifi, setelah mendengar penerangan tadi, kereta manakah yang sesuai untuk keluarga kita? Mengapa?

Apakah kesannya jika ramai orang membuat pilihan yang sama seperti Afifi?



Aktiviti

Mendengar, mentafsir dan memberikan respons.

Nota Guru 1.1.3

Bimbing murid mendengar, mentafsir dan memberikan respons terhadap soalan secara kritis dan kreatif. Strategi PdP: KP - Verbal-linguistik

KBAT: Menilai - Memberikan alasan





Membaca

Perkampungan Solar

Affii telah menerima sepucuk surat daripada kawannya di Sarawak.

Jimi anak Rebai,
11, Jalan Matang 1,
Taman Matang Jaya,
93050 Kuching,
Sarawak.

18 Julai 20□□

Menemui sahabatku, saudara Affii, yang kini berada di Johor Bahru. Saya berharap semoga saudara dan keluarga dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan pengalaman saya sekeluarga semasa bercuti di Long Liwok, Baram, Miri, Sarawak.

Saya sangat seronok kerana inilah kali pertama saya ke sana untuk menziarahi saudara-mara. Perjalanan ke sana mengambil masa kira-kira enam jam. Kami melalui jalan balak dengan kenderaan pacuan empat roda dari bandar Miri. Perjalanan kami mencabar, terutamanya di lereng-lereng bukit yang curam.

Setibanya di kampung tersebut, saya sangat kagum kerana rumah panjang di sana mempunyai kemudahan tenaga elektrik. Tenaga elektrik diperolehi daripada panel tenaga solar yang disediakan oleh pihak berkuasa. Buat pengetahuan saudara, tenaga solar ini tidak mencemarkan alam sekitar seperti generator yang menggunakan minyak diesel. Tenaga solar ialah tenaga semula jadi daripada cahaya matahari yang dapat menjanakan kuasa elektrik.

Kini, corak kehidupan masyarakat di situ turut berubah dengan adanya bekalan elektrik. Anak-anak tidak lagi menyiapkan kerja sekolah dengan ditemani cahaya lilin dan pelita. Kaum ibu juga sudah boleh menyimpan bekalan makanan di dalam peti sejuk. Kerja-kerja kraf tangan juga boleh dijalankan pada waktu malam. Pendek kata, tenaga solar ini mesra alam kerana sumber tenaga ini bersih dan boleh dibaharui secara berterusan.

Ketenangan persekitaran di sana membolehkan saya menyiapkan sebuah gurindam tentang masyarakat tersebut. Bersama-sama surat ini juga saya sertakan sebuah gurindam yang saya tulis dan beberapa keping gambar.

Sekian dahulu buat kali ini. Saya berharap agar kita berjumpa lagi dalam warkah yang lain.



Sahabatmu,

Jimi

158
KPM

Gurindam Perkampungan Solar

Kisah kehidupan di pedalaman,
Untuk tatapan saudara dan teman.

Hendak ke sana agaklah susah,
Tiada elektrik selalu dikisah.

Masalah penduduk bersama dibincang,
Kerajaan prihatin terus merancang.

Tenaga solar menjadi pilihan,
Penduduk bersyukur dengan kemudahan.

Menelaah buku ilmu dicari,
Walaupun selepas terbenam mentari.



Adanya lampu hasil meningkat,
Masa bekerja tidak lagi singkat.

Anyaman tikar untuk pasaran,
Malam yang cerah bantu pengeluaran.

Teknologi hijau perlu bijak digunakan,
Manfaatnya usahlah kita abaikan.



IMBAS SAYA



Aktiviti

Membaca surat dan gurindam dengan penyampaian yang sesuai.

Nota Guru
2.3.2

- Bimbing murid membaca dan mempersembahkan karya sastrera dan karya bukan sastrera dengan pelbagai bentuk penyampaian.
- Strategi PdP: KP – Verbal-lingustik
- EMK: Nilai Murni – Kasukukan

KBAT: Menganalisis – Membezakan

159
KPM

Menulis

Lampu Jalan Diod Pancaran Cahaya

Afifi melayari Internet. Dia membaca tentang usaha Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menggunakan teknologi hijau bagi kemudahan masyarakat.

LATAR BELAKANG • MENGENAI KAMI • INFO • PERKHIDMATAN • HUBUNGI KAMI

HULU LANGAT, 25 Julai – Sebanyak 10 000 unit lampu jalan jenis diod pancaran cahaya atau *light-emitting diode* (LED) akan dipasang di seluruh Semenanjung Malaysia secara berperingkat. Lampu jalan LED ini dipilih kerana mampu menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 40 peratus.


Penggunaan lampu LED juga dapat mengurangkan kos penyenggaraan lampu jalan. Lampu LED yang akan dipasang ini lebih terang daripada lampu jalan biasa. Situasi ini akan memudahkan penduduk kampung menggunakan jalan raya ketika gelap.

Pihak TNB juga menyatakan bahawa mereka tetap akan menyokong penggunaan teknologi hijau demi kelestarian alam. Selain itu, mereka juga menjalankan kerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk memenuhi permintaan daripada penduduk kampung yang memerlukan pemasangan lampu jalan LED.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada BH Online, 3 November 2019)



Pada pendapat saya, ...



Info

LED daripada perkataan bahasa Inggeris, iaitu *light-emitting diode*. LED ialah diod semikonduktor yang memancarkan cahaya apabila arus elektrik dialirkan.

Aktiviti

Membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat.



Nota Guru 3.2.1

Bimbing murid melengkapkan peta pemikiran dan membina ayat untuk menyatakan pendapat berpancukan bahan multimedia.
Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Menganalisis – Mengenal pasti
EMK: Kelestarian Global

Seni Bahasa

Maksud Sajak

Kita patut bersyukur dengan anugerah alam yang dapat kita nikmati.



Tenaga Alternatif

Syukur kepada Tuhan anugerah alam-Nya luas nikmat-Nya tidak terhingga akal kita mampu mengolahnya.

Ke hilir air yang mengalir mampu diempang membukit memutar turbin tanpa jemu menghasilkan tenaga elektrik.



Angin yang bertiup nyaman bilah raksasa boleh terpusing mudah tenaga elektrik terhasil tanpa sedikit pun merosakkan alam.



Panel-panel hitam solar mampu menyerap cahaya mengolah dan menyimpan hasilnya menjadi tenaga.



Marilah warga dunia gunakanlah anugerah ini dengan sebaik-baiknya alam buana pasti ceria.



Aktiviti

Mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan menyatakan maksud sajak.

Nukilan: Hasdi

Info

Lebih seabad, majoriti penggunaan kuasa elektrik di Malaysia dijanakan dengan menggunakan bahan api fosil.

Nota Guru 4.2.2

Bimbing murid mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan menyatakan maksud sajak.
Strategi PdP: KP – Naturalis
EMK: Nilai Murni – Kesuukuran

KBAT: Menganalisis – Menerangkan



Tatabahasa

Tiba-tiba Cerah


Affi melihat ayahnya menambah baik sistem lampu di dalam bilik air. Dengan ayahnya, Affi berbual-bual. Setelah selesai, Affi menyenaraikan kebaikan teknologi tersebut kepada alam sekitar.

- Affi: Apakah yang sedang ayah lakukan?
- Ayah: Ayah memasang sensor pergerakan pada lampu ini.
- Affi: Ayah memasang sensor pergerakan ini, mengapa?
- Ayah: Untuk mengelakkan pembaziran elektrik, ayah memasang sensor ini. Adik kamu, apabila keluar dari bilik air, selalu lupa mematikan suis lampu.
- Affi: Bagaimanakah alat ini berfungsi, ayah?
- Ayah: Dengan alat ini, lampu di dalam bilik air akan menyala secara automatik apabila adanya pergerakan. Akan terpadam secara automatik pula lampu apabila tiadanya pergerakan.
- Affi: Wah, sangat bagus sensor ini!
- Ayah: Ya, Affi. Teknologi ini sangat cekap. Yang lebih penting, alat ini dapat menyokong usaha pelestarian alam.
- Affi: Terima kasih, ayah, kerana mengajar kami untuk memelihara alam kita ini.




Munsyi Cilik

Ayat susunan biasa ialah ayat yang subjeknya di hadapan dan predikatnya di belakang.



Ayat susunan songsang ialah ayat yang predikatnya di hadapan dan subjeknya di belakang.



Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang.

Pemulihan

Bina ayat aktif berdasarkan frasa dan gambar.

Tiada Lagi Tisu

Pada suatu hari, Affi dan keluarganya beriadah di Taman Botani. Semasa di sana, Affi dan abangnya menuju ke tandas. Affi



Pengayaan

Tulis ayat untuk menyatakan pendapat.
Sungai Nadi Kehidupan

Jason, rakan Afifi dari Sabah, telah menghantar e-mel kepada Afifi. Jason ingin bertanyakan pendapat Afifi tentang Sungai Nadi Kehidupan (ROL).

E-mel

Daripada: jasonfamily@gmail.com

Kepada: afifinazri@gmail.com

Perkara: Sungai Nadi Kehidupan

Ke hadapan sahabatku, Afifi, semoga dalam keadaan sihat sejahtera selalu.

Tujuan saya menulis e-mel ini adalah untuk bercerita tentang projek Sungai Nadi Kehidupan yang dijalankan di Kuala Lumpur. Saya terbaca bahawa projek ini adalah untuk mengembalikan kelestarian dan kebersihan sungai-sungai di sana.

Saya juga melihat keadaan Sungai Gombak dan Sungai Klang di pusat bandar raya Kuala Lumpur melalui Internet. Keadaannya banyak berubah sekarang. Timbul keinginan saya untuk mengunjungi Kuala Lumpur bagi melihat keindahan sungai-sungai tersebut.

Saya juga dimaklumkan bahawa indeks kualiti air bersih di kedua-dua batang sungai itu telah mencapai 76 peratus. Hal ini telah menjadikan Sungai Gombak dan Sungai Klang setaraf dengan beberapa batang sungai yang bersih di luar negara.

Kini, Sungai Gombak dan Sungai Klang menjadi tarikan kepada pelancong di Kuala Lumpur. Pelancong boleh menikmati keindahan pantulan cahaya lampu neon, di samping pancutan air di tengah-tengah sungai.

Saya berharap agar kamu dapat memberikan pendapat tentang coretan saya ini dan gambar-gambar yang saya sertakan. Saya menantikan balasan e-mel daripada kamu. Saya akhiri e-mel saya dengan ucapan terima kasih.

Afifi membalas kiriman e-mel Jason.


E-mel

Daripada: afifinazri@gmail.com

Kepada: jasonfamily@gmail.com

Perkara: Pendapat Saya tentang Sungai Nadi Kehidupan

Ke hadapan sahabatku, Jason, semoga dalam keadaan sihat sejahtera selalu. Pada pendapat saya, pihak berkuasa telah berusaha untuk memulihara sungai-sungai di negara ini. Selain itu,



Pengukuhan

Baca dan fahami teks. Kemudian, buat pertimbangan dan keputusan.

Rencana

Uniknya Lembangan Maliau



Lembangan Maliau terletak di bahagian selatan Sabah. Lembangan ini disempadani tebing curam berketinggian 1675 meter dari aras laut. Jalan masuk ke sana hanyalah dengan kenderaan pacuan empat roda melalui bandar Keningau atau bandar Tawau sejauh 190 kilometer.

Lembangan Maliau ini unik kerana lembangan ini merupakan kawasan tadahan besar yang mengalir dari Sungai Maliau dan berakhir di Sungai Kinabatangan. Hasil kajian mendapati sungai di kawasan ini sangat bersih dan dikategorikan dalam kelas pertama. Sungai ini menjadi nadi penting bagi kelangsungan ekosistem di sini.

Di sini juga, terdapat banyak air terjun yang masih belum diteroka atau diberikan nama, di samping sebuah tasik air tawar yang besar. Para pengkaji telah menemui fosil haiwan marin dari 16 hingga 17 juta tahun dahulu di kawasan tasik tersebut.

Lembangan Maliau juga diserikan dengan keindahan flora. Kawasan hutan dihijau dengan pelbagai lumut dan kulat. Yang lebih menarik, bunga orkidnya lebih besar dan jambaknya lebih panjang daripada biasa. Lembangan Maliau juga kaya dengan kepelbagaian spesies fauna yang melengkapi rantaian ekosistem. Lembangan ini menjadi khazanah dan syurga tumpuan para penyelidik dan pencinta alam seluruh dunia.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada majalah Era Hijau, Jabatan Alam Sekitar Malaysia)



Penilaian

Semasa sambutan Hari Alam Sekitar, Afifi dan rakan-rakan tertarik akan persembahan dalam pertandingan deklamasi sajak.

Selamatkan Bumi Kita
 Bersama sekata
 lestarikan sekolah kita
 persekitaran menyejukkan mata
 sekeliling pasti terjaga
 sekolah tampak ceria.

Hanya 60 minit
 malam kita bergelap
 betapa banyak kita berjimat
 melestarikan sumber tenaga.

Bersatu kita mengumpulkan
 sesama kita guna semula
 mengolah dan mengitar
 untuk kurangkan kerosakan alam.



Nukilan: Hasdi

(A) Fahami sajak dan berikan respons.

Salam sejahtera, Afifi. Bagaimanakah dapat kita menyelamatkan bumi kita?

Apakah kebaikan mengumpulkan dan menggunakan bahan buangan semula?



(B) Bina peta bulatan tentang sajak dan poster. Kemudian, buat rumusan.

(C) Bina ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang dengan menggunakan perkataan berwarna biru dalam sajak.




1.1.2
2.3.1
5.3.4

Tema 8
EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Ekonomi Dinamik



Usahawan Berwawasan



Pintar Kewangan



Aktiviti

Membuat sumbang saran berdasarkan gambar.



UNIT 22 Ekonomi Dinamik

Mendengar dan Bertutur

Cara Kami

Farisha dan rakan-rakan berbual melalui aplikasi WhatsApp tentang cara membantu keluarga berjimat.



Aktiviti

Menyatakan pertimbangan dan membuat keputusan.




Nota Guru
1.2.1

- Bimbing murid bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan tentang bahan multimedia secara bertatasusila mengikut konteks.
- Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
- EMK: Nilai Murni – Berjimat Cermat
- KBAT: Menilai – Membuat keputusan

Membaca

Pembelian Tanpa Tunai

Farisha menonton berita tentang pembelian tanpa tunai dalam televisyen.



Cuba Farisha imbau kembali, kita sekeluarga telah ke Bazar Ramadan Kampung Baru pada bulan puasa yang lepas.

Semasa di sana, kebanyakan peniaga menawarkan kemudahan e-dompot kepada para pengunjung. Kaedah ini menjadikan bazar itu sebagai bazar tanpa tunai pertama di negara ini.

Bazar itu mempunyai keunikan tersendiri. Kedudukannya di bandar mampu menarik minat pengunjung membuat transaksi bayaran menggunakan e-dompot.

Kita hanya perlu memuat turun aplikasi e-dompot dalam telefon pintar. Kemudian, kita menambah amaun nilai yang kita perlukan. Setelah memilih barangan, kita hanya perlu melakukan imbasan kod QR untuk membuat pembelian.

Keselamatan e-dompot ini berada pada tahap yang baik kerana setiap transaksi memerlukan pengesahan nombor pin. Pengguna tidak perlu membawa wang tunai untuk berbelanja.



Aktiviti

Menyenaikan maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons.

Nota Guru
2.1.1

- Bimbing murid membaca dan memahami maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Prihatin
- KBAT: Menganalisis – Menerangkan



Menulis

Awas, Akaun Keldai!

Farisha menyertai program Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) di sekolah. Selepas membuka akaun simpanan, Farisha melihat pameran poster yang menarik perhatiannya.

APAKAH AKAUN KELDAI?

Akaun bank seseorang individu yang digunakan oleh orang lain untuk transaksi kewangan yang tidak sah atau menyalahi undang-undang.



LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

- Jangan benarkan akaun bank kamu digunakan oleh penjenayah kewangan atau orang lain.
- Jangan mudah percaya akan tawaran wang bagi penggunaan akaun kamu.
- Usah dedahkan maklumat peribadi perbankan kamu kepada pihak ketiga.

HUKUMAN DAN TINDAKAN TERHADAP PEMILIK AKAUN KELDAI

- Pemilik akaun boleh didakwa atas kesalahan menyembunyikan atau memindahkan harta orang lain yang membawa hukuman penjara 5 tahun atau denda atau kedua-duanya.
- Akaun bank akan disekat dan kamu tidak boleh membuat sebarang transaksi perbankan.

(Sumber: Bank Negara Malaysia)



1. Siapakah pemilik akaun keldai?
2. Nyatakan kesan terhadap pemilik akaun keldai.
3. Mengapakah masih ramai pemilik akaun yang menjadi mangsa akaun keldai tanpa disedari?
4. Pada pendapat kamu, bagaimanakah dapat kita menyedarkan orang ramai agar tidak menjadi pemilik akaun keldai?

Aktiviti

Menghasilkan jawapan dengan alasan secara kritis dan kreatif.



Nota Guru 3.2.2

• Bimbing murid menghasilkan jawapan dengan alasan secara kritis dan kreatif.
Strategi Pdp: Pembelajaran Kontekstual KBAT: Menganalisis – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

Seni Bahasa

Sediakan Payung sebelum Hujan

Farisha ingin menyertai pertandingan pantun sempena minggu keusahawanan sekolahnya. Dia mula berlatih untuk membina pantun.

Wanginya aroma bunga telepok,
Tiada di hutan sukar dicari;
Diberikan nama insurans berkelompok,
Tanda ingatan pemimpin bestari.



Naik perahu pergi ke kota,
Pergi bertiga menjual bemban;
Ambillah tahu akan hak kita,
Agar keluarga tidak terbeban.

Berenang memerang bersama tunting,
Tersangkut kaki terkena joran;
Murid sekarang sungguh beruntung,
Insurans dimiliki tanpa bayaran.



Pohon koko tumbuh sekata,
Petik bersama muat di pedati;
Jauhkan risiko diri kita,
Insurans diterima sebagai ganti.



- Lebah bersarang di pokok jelutung
- Ikan gelama dibuat keropak
- Senang keluarga tiada terbeban
- Insurans diterima syukur di hati
- Pisang kaki di atas ran
- Ayam kinantan dimasak kari
- Ambillah tahu manfaat kita
- Kurangkan risiko diri kita



Aktiviti

Mengubah suai pantun dan mempersembhkannya.

Nota Guru 4.3.1

• Bimbing murid mengubah suai puisi dan mempersembhkannya secara kreatif.
Strategi Pdp: KP – Verbal-lingustik
EMK: Bahasa
KBAT: Mengaplikasi – Menyesuaikan



Tatabahasa

Rancang Kewangan Keluarga

Encik Farid dan keluarga mula membuat perancangan kewangan tahunan. Mereka sedang merancangnyanya bersama-sama.

1 Kita mesti menyediakan simpanan kecemasan.

Simpanan kecemasan *sangat* penting kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu. Perkara yang memerlukan simpanan kecemasan ialah situasi kehilangan pekerjaan dan kos sara hidup yang makin tinggi. Kita juga mungkin memerlukannya untuk kejadian luar jangkaan. Dengan simpanan ini, kita telah bersedia lebih awal.



2 Kita perlu membuat simpanan perbelanjaan tetap tahunan.

Perbelanjaan tetap tahunan ialah perbelanjaan yang wajib ada pada setiap tahun. Perbelanjaan tersebut adalah seperti memperbaharu cukai jalan kenderaan dan perbelanjaan musim perayaan. Kita boleh membuat persediaan lebih awal untuk berbelanja pada musim perayaan yang akan datang.



3 Kita harus meningkatkan simpanan percutan.

Pada tahun akan datang, ayah ingin membawa keluarga kita melancong ke beberapa tempat yang amat menarik. Melancong dengan keluarga sungguh menyeronokkan. Kita dapat melihat alam yang indah nian. Namun begitu, kosnya adalah terlalu mahal. Kita patut ke tempat yang masih belum kita teroka dalam negara.



4 Kita patut membuat simpanan perbelanjaan persekolahan.

Pada setiap awal tahun, kita memerlukan perbelanjaan yang banyak. Kelengkapan persekolahan yang dibeli pakaian seragam, alat tulis dan buku. Kelengkapan persekolahan ini untuk kemudahan anak-anak belajar. Oleh itu, simpanan ini penting bagi yang merancang perbelanjaan.



Aktiviti

Mengenal pasti kata pemer, kata penguat dan kata bantu yang sesuai.

Nota Guru 5.1.4 (i,ii,iii)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata pemer, kata penguat dan kata bantu mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Pendidikan Kewangan
- KBAT: Mengaplikasi - Menggunakan



UNIT 23 Usahawan Berwawasan


Mendengar dan Bertutur

Inovasi Pemasaran

Selamat sejahtera, kawan-kawan. Sila lihat cadangan saya tentang kaedah promosi produk jualan kita untuk karnival keusahawanan nanti.

KAEDAH PROMOSI PRODUK JUALAN DALAM KARNIVAL KEUSAHAWANAN

- Kaedah pertama** menggunakan pelbagai medium media sosial terkini seperti Facebook, Instagram dan WhatsApp
- Kaedah kedua** mengadakan risalah kepada semua warga sekolah
- Kaedah ketiga** memasang gegantung di hadapan sekolah



Pada pendapat kamu, kaedah manakah yang sesuai kita gunakan untuk mempromosikan produk jualan kita nanti? Mengapa?

Pada pendapat saya, kerana

Aktiviti

Bertutur dan menghuraikan maklumat tersurat dan tersirat.

Nota Guru 1.2.2

- Bimbing murid bertutur dan menghuraikan maklumat menggunakan idea yang kritis dan kreatif.
- Strategi PdP: KP - Verbal-linguistik
- EMK: Keusahawanan
- KBAT: Menganalisis - Menerangkan



Membaca

Mudahnya Ibu Berniaga

Ibu Farisha mengusahakan perniagaan pembuatan kek di rumah. Beliau berniaga secara dalam talian.



Puan Faezah pandai membuat pelbagai jenis kek yang lazat. Selain itu, hiasan pada kek juga kreatif. Beliau menghias kek mengikut tempahan pelanggan. Beliau tidak ketinggalan mengikuti trend terkini teknik hiasan kek.

Pada permulaannya, kek yang dibuat oleh Puan Faezah hanya ditempah oleh jiran tetangga. Namun begitu, selepas Farisha dan Farhana memuat naik video ibu mereka membuat kek dalam Facebook, tempahan semakin meningkat. Video itu telah tular dalam media sosial.

Oleh sebab permintaan yang tinggi, Farisha dan Farhana selalu membantu ibu mereka. Farisha mencari maklumat tentang jenis kek yang disukai ramai. Farhana pula akan menyiapkan pembungkusan kek. Pembungkusan kek mereka menarik, kemas dan berkualiti.



Mereka menggunakan kemudahan media sosial untuk promosi dan tempahan. Pelanggan boleh membayar tempahan secara dalam talian atau menerusi perkhidmatan tunai semasa hantar kepada pelanggan. Pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan tersebut.



Para pelanggan yang menggemari kek Puan Faezah memberikan maklum balas yang baik dalam media sosial. Kini, Puan Faezah berusaha untuk membuka sebuah kedai kek di bandar pula. Beliau juga sedia menerima ejen jualan.



Aktiviti

Membaca dan merujuk kamus serta media elektronik untuk mencari makna perkataan yang berwarna biru.

Nota Guru 2.1.2

- Bimbing murid membaca dan merujuk kamus serta media elektronik untuk mencari makna perkataan dan meneliti ejaan yang tepat mengikut susunan perkataan.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
- EMK: Keusahawanan
- KBAT: Menganalisis - Menerangkan



Menulis

Usahawan Salai

Farisha dan keluarganya ke Port Dickson, Negeri Sembilan. Semasa di sana, mereka singgah makan di sebuah restoran. Mereka sempat berbual-bual dengan pemilik restoran tersebut.

Jemputlah makan. Saya harap masakan di sini sesuai dengan selera tuan sekeluarga.




Terima kasih. Wah, sedapnya lauk-pauk ini!

Tuan, saya lihat ramai pelanggan di kedai ini. Bolehkah tuan ceritakan perniagaan produk salai ini?

Sebelum saya memulakan perniagaan ini, saya pernah melakukan pelbagai pekerjaan semasa berhijrah ke Kuala Lumpur. Namun, semuanya tidak memenuhi cita rasa saya.

Kemudian, saya balik ke kampung untuk membantu ibu bapa saya. Selepas tiga tahun, saya mendapat idea menghasilkan dan mengkomersialkan produk salai. Produk salai yang dijual ialah itik, ayam kampung, daging, puyuh dan ikan sembilang. Saya juga melakukan pembungkusan secara vakum atau kedap udara supaya produk salai tahan lebih lama dan kekal segar.

Selepas perusahaan salai mendapat sambutan hangat, barulah saya membuka restoran ini. Makanan berasaskan salai menjadi kegemaran pelanggan kerana aroma yang terhasil daripada asap selepas disalai membuka selera. Saya juga mendapat sokongan dan kerjasama daripada agensi kerajaan.



Aktiviti

Mencatat maklumat berdasarkan bahan.

Nota Guru 3.2.3

- Bimbing murid mencatat maklumat pada peta bulatan berdasarkan bahan yang dibaca, dilihat, dan didengar.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
- EMK: Keusahawanan
- KBAT: Menganalisis - Mengesan



Hobi Menjadi Wang

Bakal Usahawan Arnab



Farisha sangat suka akan **arnab**. Ayahnya telah membelikan Farisha sepasang **arnab**. Pada masa lapang, Farisha bermain-main dengan **arnab** tersebut.

Ayah dan abang Farisha membina sangkar di belakang rumah mereka. Farisha dan ibu memberi **arnab** makanan dan membersihkan sangkar **arnab**. **Arnab** milik Farisha membiak dengan cepatnya.

Bilangan **arnab** belaan Farisha semakin banyak. Bahagian belakang rumahnya penuh dengan sangkar **arnab**. Farisha mengambil gambar **arnab-arnab** yang comel itu dan memuat naiknya dalam Instagram.

Keluarga Farisha tidak menyangka bahawa ramai peminat **arnab** menghubungi Farisha. Mereka ingin membeli **arnab-arnab** milik Farisha. Farisha menjual **arnab** tersebut dengan harga yang berpatutan.

Sejak itu, barulah Farisha sedar bahawa hobinya itu mendatangkan wang. Dia berharap agar dapat menjadi usahawan **arnab** pada suatu hari nanti.

Aktiviti

Mengubah suai cerita dan mempersembhkannya.

Bakal Usahawan Ikan Pelaga



Amira
sepasang ikan
pelaga



memasang rak
akuarium



pelbagai media
sosial



koleksi ikan
pelaga



rezeki



Kompang Lima Beradik

Farisha dan keluarganya ke majlis kenduri kahwin. Semasa menikmati jamuan, mereka dihiburkan dengan persembahan kumpulan kompang.



Farisha: Wah, rancaknya paluan kompang itu!


Ayah: Betul, Farisha. Lagu yang dimainkan pun sedap didengar.

Faris: Kalau adik ingin tahu, itulah Kumpulan Kompang Lima Beradik. Kumpulan itu terkenal dengan persembahan kompang performatasi. Persembahan mereka memerlukan persefahaman semua ahli kerana melibatkan gerakan badan, nyanyian dan paluan kompang secara serentak dan teratur. Keunikan persembahan mereka sering mencuri tumpuan tetamu majlis kenduri.

Farisha: Lihat, ramai tetamu memberikan tepukan dan pujian setiap kali mereka membuat gerakan badan yang unik. Mesti banyak tempahan persembahan yang diterima mereka untuk memberikan hiburan kepada tetamu dalam majlis perkahwinan.

Ayah: Cuba Farisha dan Faris lihat laman sesawang ini. Mereka sebenarnya masih belajar. Namun begitu, mereka mampu mengurus masa dengan baiknyanya. Mereka cuba memenuhi semua undangan kerana tidak mahu menghampakan harapan tuan rumah. Mereka juga mengenakan bayaran yang berpatutan. Hasil bayaran persembahan digunakan untuk membiayai pendidikan. Mereka gigih berusaha untuk berjaya sebagai pemain kompang. Sikap mereka ini wajar kamu contohi dan amalkan.

Kata Berimbuhan



Aktiviti

Mengategorikan kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran dalam teks. Kemudian, membina ayat.



Tatabahasa

Kolam Pancing Ikan

Farisha dan keluarganya membantu perusahaan kolam pancing ikan datuknya.

Terima kasih, Farisha, kerana menolong datuk mengemaskan stor ini. Stor ini tidak lagi **selerak**.

Sama-sama, datuk. Mengapakah stor ini dikemaskan?

Wah, menarik idea datuk!

Datuk ingin membuka kedai menjual peralatan memancing. Kedai ini sinambung daripada pembinaan kolam pancing ikan.

Nanti, Farisha bantu kakak menanam pokok di tepi gelanggang takraw itu. Tempat itu akan dijadikan tempat letak kenderaan oleh pelanggan.

Cuba lihat di tepi kolam sana. Tebing kolam dipasangkan cerucuk oleh ayah dan Faris agar tidak runtuh.

Farisha, buang tali tangsi yang serabut itu kerana membahayakan pengunjung. Kemudian, cabutkan kemuncup itu. Hati-hati semasa mencabutnya supaya telapak tangan tidak kelupas.

Baiklah, ayah.

Terima kasih, semua. Kolam pancing ikan kita makin gemilang dengan cahaya lampu. Datuk mengharapkan perusahaan ini akan lebih maju.

Aktiviti

Menyatakan dan membina ayat menggunakan kata berimbuhan apitan dan kata berimbuhan sisipan mengikut konteks.



Nota Guru 5.2.1 (iii,iv)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata berimbuhan apitan dan kata berimbuhan sisipan mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Keusahawanan
- KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan



UNIT 24 Pintar Kewangan



Mendengar dan Bertutur

Segala-galanya Bermula di Sini

Cikgu Julia dan murid-murid ke Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia. Mereka diberi taklimat tentang keistimewaan setiap galeri.

Galeri Kanak-kanak

- Permainan interaktif Simpan, Belanja dan Kongsi
- Pendidikan kewangan
- Terowong RM1 Juta
- Mencipta wang kertas sendiri

Galeri Bank Negara Malaysia (BNM)

- Sejarah BNM
- Fungsi, peranan dan tanggungjawab BNM
- Permainan Pelaburan
- Replika bilik Gabenor

Galeri Numismatik

- Sejarah mata wang Malaysia
- Permainan Sistem Barter
- Denai duit syiling
- Pameran mata wang dunia

Galeri Ekonomi

- Peranan dan pencapaian Malaysia dalam ekonomi
- Sektor-sektor ekonomi Malaysia
- Perkembangan sistem pembayaran di Malaysia

Irfan, galeri manakah yang paling menarik perhatian kamu?

Galeri yang paling menarik perhatian saya ialah Galeri Bank Negara Malaysia (BNM). Di sana, saya dapat mengetahui sejarah dan fungsi BNM. Permainan Pelaburan pula mengajar saya ilmu pengurusan kewangan.

Farisha, galeri manakah pula yang dapat menambah pengetahuan kita tentang pendidikan kewangan?

Aktiviti

Bersoal jawab untuk menjanakan idea.



Nota Guru 1.2.3

- Bimbing murid bersoal jawab untuk menjanakan idea tentang sesuatu perkara.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Pendidikan Kewangan
- KBAT: Menilai – Membincangkan



Membaca

Kenali Wang Kita

Semasa di Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia, Farisha dan kawan-kawan telah membaca cara mengenal pasti ketulenan wang kertas Malaysia pada panel skrin.

KAEDAH SENTUH

- Sentuh mata wang kertas kamu dan pastikan:
- wang kertas – rasa sedikit kesat dan cetakan timbul pada bahagian potret Yang di-Pertuan Agong dan teks
 - wang polimer – rasa cetakan timbul pada potret Yang di-Pertuan Agong dan teks



KAEDAH LIHAT

- Lihat wang kertas kamu dengan berlatarbelakangkan cahaya dan pastikan kamu dapat melihat:
- potret tanda bayang Yang di-Pertuan Agong tiga dimensi, tanda dan tingkap pandang telus



KAEDAH SENDENG

- Pegang wang kertas kamu dan sendengkannya sedikit. Kamu akan dapat melihat pergerakan imej dan perubahan warna pada benang keselamatan dan petak kilat berwarna.



KAEDAH PERIKSA

- Periksa wang kertas dengan peralatan seperti:
- peranti cahaya ultraungu – substrat kertas akan berkilau pada ciri-ciri keselamatan tertentu
 - kanta pembesar – tulisan teks bersaiz mikro kelihatan jelas



Pada pendapat kamu, kaedah manakah yang lebih berkesan untuk mengenal pasti ketulenan wang kertas Malaysia?

Pada pendapat saya, kaedah ...

Saya pula memilih kaedah ...

Aktiviti

Membaca maklumat untuk membuat pertimbangan dan keputusan.



- Bimbing murid membaca dan memahami maklumat berdasarkan bahan multimedia untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- Strategi PdP: BCB – Bacaan Intensif
EMK: Pendidikan Kewangan
- KBAT: Menilai – Membuat keputusan

Menulis


Jadilah Pengguna Bijak

Farisha dan Encik Farid ke kedai jam. Mereka ingin membeli seutas jam tangan. Sebelum ke sana, mereka telah membandingkan harga di semua premis secara dalam talian.

Farisha tertarik akan seutas jam tangan pintar. Encik Farid memanggil jurujual untuk mendapatkan penerangan tentang keistimewaan jam itu. Setelah berpuas hati, barulah Encik Farid membayar harga jam tangan tersebut dengan transaksi kad debit.

"Jam ini baru dilancarkan. Tuan bertuah kerana ada potongan harga bagi pembelian awal. Pembelian ini saya sertakan dengan kad warantinya sekali. Kad waranti dan resit pembelian ini perlu tuan simpan. Jika jam ini rosak dalam tempoh satu tahun dari tarikh pembelian, pihak kami akan membaiki atau menggantikan jam tersebut dengan jam yang baharu," terang jurujual kepada Farisha dan Encik Farid.

"Terima kasih, tuan. Saya akan menyimpan kad waranti dan resit ini baik-baik," kata Encik Farid.



Pada suatu hari, jam tangan Farisha telah rosak. Farisha dan Encik Farid kembali ke kedai jam itu. Encik Farid memaklumkan jurujual bahawa jam tangan pintar yang dibeli enam bulan lalu telah rosak.

"Tuan, ini resit pembelian dan kad waranti jam tangan ini sebagai bukti pembelian," kata Encik Farid.

"Baiklah, jam tangan ini saya periksa dahulu. Jika boleh sayabaiki, saya akan membaikinya secara percuma. Jika tidak, pihak kami akan menggantikannya dengan yang baharu," kata jurujual.

Setelah diperiksa, jurujual tersebut telah memberikan jam tangan pintar baharu kepada Farisha. Farisha sungguh gembira. Encik Farid pula senang hati kerana jurujual tersebut prihatin akan hak-hak pengguna.



Aktiviti

Menulis ayat yang diilakkan.



- Bimbing murid menulis ayat yang diilakkan.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar
EMK: Nilai Murni – Rasional
- KBAT: Mengaplikasi – Mengguna pakai



Seni Bahasa

Hemat Berbelanja

Farisha memperdengarkan lagu ciptaannya di dalam kelas. Rakan-rakannya telah mengubah seni kata lagu tersebut dan mempersembhkannya dalam bentuk koir.

Hemat Berbelanja

Wahai rakan semua
Sikap boros membeli
Bukan amalan kita
Nanti kita juga yang rugi

Wahai rakan semua
Hemat dalam berbelanja
Sikap berjimat cermat
Satu amalan yang mulia

Dengarkanlah
Lagu ini
Semaikan di dalam hati
La la la la la la (ulang dua kali)
Hemat berbelanja

Dengarlah wahai semua
Rancang sebelum berbelanja
Beli yang perlu sahaja
Ini nasihat yang berguna
(Melodi lagu "Lompat Si Katak Lompat")



- Ini pesanan untuk semua
- Ingatlah kawan semua
- Na na na na na na na
- Sikap membazirkan wang
- Mari amalkan bersama
- Wahai kawan semua
- Kelak kita juga yang susah
- Buat ingatan dalam diri



Aktiviti

Mengubah suai seni kata lagu dan mempersembhkannya secara kreatif.




Nota Guru
4.3.3

- Bimbing murid mengubah suai seni kata lagu dengan menggunakan diksi yang sesuai dan mempersembhkannya dengan gaya yang kreatif.
- Strategi PdP: KP – Muzik
- EMK: Nilai Murni – Berjimat Cermat
- KBAT: Mencipta – Mengubah

Tatabahasa

Lawatan Celik Wang

Setelah pulang dari lawatan sambil belajar di Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia, Farisha berkongsi pengalaman dengan keluarganya.



Ayah: Bagaimanakah lawatan buah hati ayah ke Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia (BNM), semalam?

Farisha: Seronok, ayah. Saya dapat makan angin sambil memperoleh ilmu pendidikan kewangan. Keunikan wang kertas dan wang syiling Malaysia yang baharu dapat saya ketahui. Hal ini menimbulkan perasaan sayang saya akan wang. Terima kasih, ayah dan ibu, kerana memberikan peluang kepada saya mengambil bahagian dalam lawatan itu.

Ayah: Pada pukul berapakah Farisha tiba di sana?

Farisha: Kami tiba di sana pada pukul 12:00 tengah hari. Kedatangan kami disambut oleh kakitangan Muzium dan Galeri Seni BNM. Tiada bayaran dikenakan kepada pengunjung warganegara ataupun antarabangsa. Kami dan guru pengiring telah melawat ke Galeri BNM, Galeri Ekonomi, Galeri Kanak-kanak dan Galeri Numismatik. Di Galeri Kanak-kanak, kami diberi penerangan tentang pengurusan kewangan. Saya berbesar hati kerana dapat menyertai permainan interaktif Simpan, Belanja dan Kongsi. Lebih teruja apabila saya dapat melihat koleksi tandatangan gabenor bank pada wang kertas Malaysia.

Ibu: Beritahulah kami, ilmu pengetahuan yang Farisha peroleh.

Farisha: Oh, ya! Saya ada tulis dalam buku catatan tentang lawatan itu. Sejujurnya, lawatan itu telah membuka mata saya akan pentingnya fungsi, peranan dan tanggungjawab BNM terhadap perkembangan ekonomi negara. Kami juga diberi peluang untuk mengemukakan buah fikiran tentang ilmu pengurusan kewangan diri. Sebelum pulang, kami sempat membeli cenderamata.



Aktiviti

Mengenal pasti dan mengkategorikan kata majmuk. Kemudian, membina ayat menggunakan kata majmuk tersebut.

Nota Guru
5.2.2
(1.1)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata majmuk bebas, kata majmuk mantap dan kata majmuk kiasan mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Pendidikan Kewangan
- KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan



Tatabahasa

Pintar Merancang

Keluarga Farisha ingin mengadakan majlis ulang tahun kelahiran Farisha dan kenduri kesyukuran. Mereka sekeluarga merancang persiapannya.

Farhana, kita perlu merancang sebelum berbelanja. Inilah barang-barangan yang perlu kita beli. Senarai ini penting supaya kita membeli barang yang perlu sahaja.

Baiklah, ibu.

Farisha dan Faris, ini tugas yang mesti kita lakukan sebelum majlis berlangsung.

Baiklah, ayah. Kita akan melakukannya bersama-sama.

Farhana: Ibu, kita perlu ke pasar untuk membeli bawang putih, bawang merah dan bawang besar. Kuantiti **bebawang** yang kita perlukan ialah sekilogram setiap satu.

Ibu: Apakah **sayur-mayur** lain yang perlu kita beli, Farhana?

Farhana: Kita perlu membeli sawi dan tauge untuk memasak mi goreng. Cukupkah jika kita hanya membeli tiga pekot bebola ayam dan jejari kentang?

Ibu: Ibu fikir itu mencukupi. Kita jangan berlebih-lebihan dalam berbelanja. Ibu akan membuat tempahan kuih-muih daripada jiran kita. Beliau memberi kita harga yang murah. Ibu juga akan menyediakan lauk-pauk dan makanan-makanan lain berdasarkan jumlah tetamu yang diundang supaya tidak berlaku pembaziran.

Farisha: Adakah ibu mengundang saudara-saudara kita yang berdekatan?

Ibu: Mestilah ibu mengundang mereka. Mereka juga sudi menyumbang juadah-juadah enak. Dari sudut itu, kita dapat berjimat juga.

Farisha: Wah, bagusnya amalan itu! Ibu, jangan lupa beli buah-buahan dan belon warna-warni. Belon tersebut ingin saya gunakan untuk hiasan.

Ayah: Ayah harap kita dapat bantu-membantu agar majlis kita berjalan lancar. Dengan mengadakan majlis yang serba-serbi sederhana, kita dapat menjimatkan perbelanjaan dan tidak berboros.

Faris: Baiklah, ayah. Saranan ayah kami patuhi. Kita doa-doakan majlis ini berjaya.

Aktiviti


Mengenal pasti dan mengkategorikan kata ganda menggunakan peta pemikiran. Kemudian, membina ayat menggunakan kata ganda tersebut.

Pemulihan

Tulis ayat yang dibaca oleh guru.

Panduan Keluargaku Berbelanja

Farisha berkongsi cerita di hadapan kelas tentang cara keluarganya berbelanja di pasar raya.





Pengayaan

Fahami maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons.

Mudahnya Menyimpan Wang

Selamat sejahtera, murid-murid. Esok, pihak Bank Simpanan Nasional (BSN) akan ke sekolah kita. Kamu boleh membawa wang tabungan dan buku akaun untuk menyimpan wang.

Baiklah, cikgu.

Ayah, esok pihak BSN akan datang ke sekolah. Saya perlu membawa wang tabungan dan buku akaun. Pihak mereka akan menyediakan perkhidmatan kaunter simpanan wang tanpa perlu ke bank.

Wah, bagusnya! Farisha perlu berhati-hati semasa membawa wang tabungan tersebut. Nah, ini RM50.00 untuk tambahan wang simpanan Farisha!

Apakah kebaikan menyimpan wang di bank?

Bagaimanakah cara yang selamat untuk membawa wang?

Wah, banyaknya wang tabungan kamu! Bagaimanakah kamu menyimpannya? Jika kamu kerap menyimpan wang dalam akaun, kamu berpeluang untuk menerima wang galakan daripada BSN.

Saya menabung lebih wang saku setiap hari. Baiklah, saya akan mengikut saranan puan.

Nyatakan nilai murni yang ditunjukkan oleh Farisha.

Pada pendapat kamu, apakah kebaikan program seperti ini diadakan?

Pada pendapat saya, ...



Penguahan

Baca petikan di bawah. Kemudian, soal jawab untuk menjanakan idea.

Usahawan Nasi Dagang Kreatif

Encik Osman pengusaha nasi dagang yang terkenal di Terengganu. Jualan nasi dagang yang diusahakan oleh beliau semakin meningkat.

Encik Osman sentiasa mendapat maklum balas daripada para pelanggan. Ada segelintir pelanggan yang hanya dapat menikmati nasi dagang jualannya pada hari minggu kerana sibuk bekerja. Rungutan pelanggan itu cuba diatasi. Setelah membuat kajian inovasi, beliau nekad untuk menghasilkan nasi dagang secara sejuk beku.

Nasi dagang sejuk beku keluaran Encik Osman masih menepati cita rasa ramuan asli dan berkualiti. Juadah itu antara pilihan popular bagi mereka yang sibuk bekerja dan tidak mempunyai masa untuk menikmatinya secara terus. Dengan teknologi sejuk beku, nasi dagang ini dapat disimpan dalam tempoh yang lama tetapi masih terasa seperti baru dimasak.



Cara Penyediaan Nasi Dagang Kreatif

1. Tebuk lubang pada lapisan atas penutup.
2. Masukkannya ke dalam ketuhar gelombang mikro.
3. Panaskannya dengan suhu tinggi selama dua hingga empat minit. Kemudian, tunggu selama tiga minit sebelum membukanya.
4. Gaul nasi dengan garpu sebelum makan.

Azri, mengapakah Encik Osman dianggap sebagai usahawan kreatif?

Encik Osman dianggap usahawan kreatif kerana ...

Apakah keistimewaan nasi dagang sejuk beku keluaran Encik Osman?

Adakah kamu akan mengesyorkan nasi dagang ini kepada pengembara? Mengapa?

Pada pendapat kamu, bagaimanakah Encik Osman dapat memajukan perniagaan beliau lagi?

Penilaian

Baca petikan teks. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sedapnya Nira Kurma

KOTA BHARU, 24 Mei – Kegigihan dan kesungguhan seorang usahawan yang menanam ratusan pokok kurma telah membuah hasil. Segala usaha cemerlang beliau berbaloi apabila air nira yang dihasilkan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Encik Mohd Zain Mohamad, 59 tahun, ialah satu-satunya pengusaha nira kurma di negara ini. Nira kurma dikatakan mempunyai khasiat menyembuhkan penyakit. Hal ini menyebabkan beliau tidak menang tangan untuk memenuhi permintaan pelanggan.

Bermula tahun lepas, kira-kira 200 batang pokok kurma yang ditanam sudah matang dan mula mengeluarkan hasil. Nira kurma diperolehi daripada batang pokok kurma yang ditoreh. Setiap batang pokok kurma mampu mengeluarkan empat liter air nira pada setiap hari. Namun begitu, keluaran yang diperolehi daripada 200 batang pokok tersebut masih tidak mencukupi bagi menampung permintaan pelanggan.

Selain nira kurma, beliau juga menghasilkan manisan gula dan cuka yang semerbak baunya daripada tanaman tersebut. Pemiagaan ini memudahkan beliau kerana tidak perlu dipasarkan ke tempat lain. Sebaliknya, pelanggan yang datang sendiri ke rumah beliau untuk mendapatkan produk keluaran beliau.


[Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada BH Online, 24 Mei 2019]

(A) Dengan merujuk kamus, cari maksud perkataan yang berwarna hijau.

(B) Jawab soalan pemahaman.

1. Apakah sikap usahawan yang berjaya?
2. Nyatakan keistimewaan perusahaan nira kurma yang dijalankan oleh Encik Mohd Zain.
3. Pada pendapat kamu, bagaimanakah untuk meningkatkan keluaran nira kurma?
4. Jika kamu Encik Mohd Zain, bagaimanakah kamu akan meluaskan pasaran produk nira kurma?

(C) Lengkapkan peta pokok di bawah. Kemudian, bina ayat.



Tema 9 INTEGRITI

Daun kailan daun bidara.

Di dalam sampan ke Kampung Salang;

Insan berketerampilan hasrat negara,

Pemimpin masa depan negara terbilang.

Pulau Jerejak pulau terkenal,

Terumbu lama banyaknya ikan;

Bertindak bijak serta rasional,

Perkara utama harus didahulukan.

Di pohon melati cantik rerama,

Terbang ke tingkap hinggap di jari;

Sentiasa hormati hak bersama,

Janganlah bersikap pentingkan diri.



IMBAS SAYA

Aktiviti


Berbingkang dan menyatakan nilai-nilai murni dalam pantun.

UNIT 25 Insan Berketerampilan

Mendengar dan Bertutur

Ketokohan dalam Pimpinan

Affii menyertai perkhemahan Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) peringkat negeri. Di sana, dia terpilih sebagai ketua kumpulan.



Affii mendengar taklimat yang disampaikan oleh jurulatih. Jurulatih meminta semua ketua kumpulan memastikan khemah dipasang dalam tempoh yang diberikan.



Affii dan ahli kumpulannya memasang khemah bersama-sama. Walaupun dalam hujan renyai.



Anugerah Kadet Terbaik bagi perkhemahan kali ini disandang oleh kadet Affii bin Nazri. Syabas!



Aktiviti

Ber cerita tentang gambar dengan sebutan, intonasi dan gaya yang sesuai.

Nota Guru 1.3.1

- Bimbing murid bercerita dengan sebutan, intonasi dan gaya yang sesuai.
- Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
- EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
- KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan



Membaca

Pemimpin Cilik

Affii membaca kisah seorang ketua pengawas. Daripada kisah itu, dia ingin menulis perihal ciri seorang ketua pengawas yang berketerampilan.

Razi mula dilantik sebagai pengawas semasa tahun lima. Apabila memasuki tahun Enam, dia terpilih sebagai ketua pengawas di sekolahnya. Semenjak itu, sikapnya kian berubah. Razi sedar akan tanggungjawabnya yang lebih besar.

Pada setiap pagi, Razi akan membantu guru bertugas di pintu pagar sekolah. "Rakan-rakan, lekas. Loceng akan berbunyi sebentar lagi," arah Razi kepada murid-murid yang baru tiba di sekolah. Apabila loceng telah berbunyi, Razi segera mencatat nama murid yang lewat.

"Razi, kita perlu sentiasa rasional dan tidak pilih kasih semasa menjalankan tugas," imbas kembali Razi akan pesanan Cikgu Zainal semasa dia baru dilantik dahulu.

Selesai mencatat nama, Razi menasihati murid-murid itu agar berubah. Razi sedar nasihat juga dapat membantu seseorang menjadi lebih baik.

"Amir, Nurul, sebagai pengawas, kita perlulah memberikan nasihat dengan bahasa yang sopan kepada murid-murid lain," pesan Razi kepada pengawas lain yang berada di situ.

Apabila pintu pagar telah ditutup, Razi terus masuk ke kelas. Dia yakin disiplin asas utama kecemerlangan seseorang. Amanah yang dipikulnya sekarang menjadi sokongan moral untuk dia berjaya dalam bidang kokurikulum dan akademik.

Sambil memegang risalah tentang tanggungjawab ketua pengawas, Razi meneliti setiap ciri tersebut sebagai panduannya menjadi murid yang berketerampilan.



Seorang pemimpin yang baik perlulah menjaga sikap kerana dia akan menjadi suri teladan kepada semua orang. Dia juga perlu _____.

Aktiviti

Meneliti kandungan bahan untuk membuat rumusan.

Nota Guru 2.3.1

- Bimbing murid membaca dan meneliti kandungan teks karya sastera dan karya bukan sastera untuk membuat rumusan.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
- KBAT: Menganalisis – Menilai





Menulis

Anugerah yang Bernilai

Affi ingin menghasilkan karangan bagi menyertai pertandingan sempena Minggu Bimbingan dan Kaunseling SK Seri Damai. Dia ingin menulis sebuah kisah yang dapat membangkitkan semangat murid untuk menimba ilmu.



Nisa tujuh tahun. Mempunyai ibu bapa cacat pelihatan. Sayangi ibu bapanya.



- hari pertama persekolahan
- menceritakan keadaan sekolah
- teruja – semangat



- merakamkan perlakuan murni
- tersentuh hati
- kecegalan murid



- tular – liputan media
- menemu ramah ibu bapa
- berdikari dalam hidup



- guru besar memuji
- mencontohi sikapnya
- kekurangan bukan penghalang

Nisa seorang murid pintar yang berumur tujuh tahun. Dia mempunyai ibu bapa yang cacat pelihatan. Walaupun ibu bapanya dilahirkan sebagai insan istimewa, Nisa amat menyayangi mereka . . .

Affi bangga kerana penulisan kisah itu telah dipilih sebagai pemenang. Affi ingin mengutus surat untuk berkongsi coretan kisah itu kepada temannya, Jason.

Nama dan alamat lengkap pengirim

Affi bin Nazri,
12, Jalan Harmoni,
Taman Seri Damai,
81200 Johor Bahru,
Johor.

Tarikh

12 September 20□□

Menemui sahabatku, Jason, di Kota Kinabalu, Sabah. Saya berharap semoga saudara dan keluarga dalam keadaan sihat sejahtera.

Pendahuluan

Saudara,

Kata sapaan

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan sebuah kisah seorang murid di sekolah saya yang bernama Nisa. Kisahnya telah saya nukilkan dalam penulisan saya. Penulisan itu membolehkan saya dipilih sebagai pemenang dalam pertandingan di sekolah.

Tujuan surat ditulis

Untuk pengetahuan saudara, Nisa seorang murid pintar yang berumur tujuh tahun.

Isi-isi penting

Setakat ini sahaja yang dapat saya coretan buat kali ini. Akhir kata, saya berharap agar kita dapat bertemu lagi dalam coretan akan datang. Sekian, terima kasih.

Penutup

Tandatangan

Sahabatmu,

Affi



Aktiviti

Menulis draf dan menghasilkan penulisan.

Nota Guru
3.3.1

- Bimbing murid mendraf dan menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Mengaplikasi – Membina
- EMK: Nilai Murni – Bersyukur

Seni Bahasa

Hormati Sesama Kita

Afifi ingin mengundang rakan-rakannya makan tengah hari di rumah. Dia sedang memikirkan menu yang sesuai untuk rakan-rakannya yang berbilang bangsa dan agama. Menu yang disajikan perlulah sesuai bagi menghormati adat dan kepercayaan mereka. Hal ini penting untuk menjaga hubungan mereka yang rapat seperti isi dengan kuku.

ي	ت	ر	ق	س	← seperti
ya	ta	ra	pa	sin	
ي	س	ي	ا		← isi
			alif		
	ن	ع	د		← dengan
	nun	nga	dal		
و	ك	و	ك		← kuku
		wau	kaf		

Aktiviti

Mengenal, mengecam dan menyebut huruf tunggal dalam tulisan Jawi.



Nota Guru
4.4.1

- Bimbing murid mengenal, mengecam dan menyebut huruf tunggal yang ditulis mengikut tulisan Jawi dalam perumpamaan dan mempersembahkannya.
- Strategi PdP: KP - Interpersonal
- EMK: Nilai Murni - Menghormati
- KBAT: Mengaplikasi - Menunjuk cara

Tatabahasa




Konti MACC.FM

Persatuan Bahasa Melayu SK Seri Damai telah melawat ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya. Di sana, mereka dibawa ke konti My Anti-Corruption Channel.fm (MACC.fm).



Puan Dianah masih bertugas sebagai juruhebah sambilan radio. Beliau bekerja di MACC.fm di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Putrajaya. Puan Nora yang bersuara lunak itu ialah rakan sekerja Puan Dianah. Puan Dianah dan Puan Nora sangat komited dengan kerjaya mereka. Mereka sentiasa berusaha untuk menjadikan siaran ini sebagai pilihan pendengar. Mereka memberitahu pendengar bahawa MACC.fm ialah saluran utama dalam penyebaran mesej integriti. Kini, siaran MACC.fm mempunyai ramai peminat kerana pendengar mula sedar akan pentingnya penerapan integriti.

Afifi ditemu ramah oleh juruhebah. Cikgu Zakwan juga ditemu ramah oleh juruhebah. Murid lain tekun mendengar siaran ini. Mereka mencatat banyak perkara tentang pendidikan integriti. Afifi menjawab soalan juruhebah dengan tenangnya. Dia telah membaca maklumat integriti sebelum ke sana. Dalam temu ramah tersebut, Cikgu Zakwan menyampaikan pesanan. Murid-murid mestilah mengamalkan nilai murni. Nilai murni membentuk peribadi mulia. Murid-murid mula sedar akan pentingnya sikap integriti dalam kehidupan. Mereka berazam untuk mengamalkannya.



Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat.

Nota Guru
5.3.1


- Bimbing murid memahami dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni - Berhemah Tinggi
- KBAT: Mengaplikasi - Membina



Tatabahasa

Tanggungjawab Warga Sekolah

Cikgu Mariam meminta beberapa orang murid melakukan aktiviti main peranan berpandukan gambar. Murid yang lain perlu meneka situasi main peranan tersebut.



Aktiviti

Membina ayat seruan dan ayat perintah mengikut konteks.



Nota Guru 5.3.2 (1,11)

• Bimbing murid memahami dan membina ayat seruan dan ayat perintah dengan melakukan aktiviti main peranan.
Strategi PdP: Pembelajaran Kontestual
EMK: Nilai Murni – Baik Hati

KBAT: Mengaplikasi – Membina
PAK-21: Main Peranan

UNIT 26 Dahulukan yang Utama

Mendengar dan Bertutur

Sahabat Inspirasiku

Rakan Afifi, Aiman, dianugerahi Tokoh Murid Inspirasi SK Seri Damai. Kejayaan itu dikongsikan melalui penulisan dan pautan video dalam buletin sekolah.

BULETIN SK SERI DAMAI
Tokoh Murid Inspirasi

A malan kebiasaan baharu oleh Aiman Hamidon semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19 memberikan inspirasi kepada murid lain.

Dia sangat mengutamakan kesihatan dan keselamatan diri. Dia mematuhi saranan kerajaan untuk terus kekal di rumah dan mengamalkan kebersihan diri.

Aiman juga tidak mengabaikan pembelajaran. Dia mematuhi jadual pembelajaran secara dalam talian oleh gurunya. Dia turut membantu rakannya yang tiada kemudahan Internet.

Dia juga amat prihatin akan keluarga yang terjejas akibat PKP. Dia membantu ibu bapanya membungkus barangan makanan untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

Asmina, mahukah kamu mendengar kisah inspirasi seorang murid?
Ya, abang. Ceritalah, adik tidak sabar ingin mendengarnya.



Aktiviti

Menceritakan kisah yang didengar, ditonton dan dibaca.

Nota Guru 1.3.2

• Bimbing murid menceritakan sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dan dibaca dengan sebutan dan intonasi serta gaya yang sesuai.
Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
EMK: Nilai Murni – Prihatin



Membaca

Tanggungjawab Terlaksana



Sempena Minggu Bahasa Melayu pada minggu ini, Persatuan Bahasa Melayu SK Seri Damai akan mengadakan pelbagai aktiviti menarik. Cikgu berharap agar ramai murid akan mengambil bahagian. Janganlah malu untuk mengetengahkan bakat kamu berbahasa Melayu. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlulah memartabatkan dan mengutamakan bahasa kebangsaan kita. Sekian, terima kasih.

Saya mesti menyertai pertandingan menulis cerpen. Pertandingan ini dapat menyerlahkan bakat saya.

MINGGU BAHASA MELAYU
Tarikh: 18 – 21 Oktober 20 Tempat: Dewan Utama SK Seri Damai Anjuran: Panitia Bahasa Melayu

ISNIN

► **Majlis Perasmian Minggu Bahasa Melayu**

► **Pertandingan 1:**

- Bijak Eja (Tahun 1)
- Cari Perkataan Tersembunyi (Tahun 2 dan 3)
- Menulis Cerpen (Tahap 2)

SELASA

► **Pertandingan 2:**

- Mewarna (Tahap 1)
- Teka-teki (Tahun 2 dan 3)
- Jelajah Bahasa (Tahap 2)

RABU

► **Pertandingan 3:**

- Mencipta Pantun (Tahun 6)
- Berbalas Pantun (Tahun 4)
- Pidato (Tahun 5)

KHAMIS

► **Pertandingan Mendeklamasikan Sajak (Guru)**

► **Majlis Penutupan Minggu Bahasa Melayu**



Affi telah menulis cerpen sebagai penyertaan bagi pertandingan tersebut.

Pada pagi itu, Puan Ayu bersiap awal seperti biasa. Beliau kelihatan kemas dalam uniform serba putih. Menjadi rutin beliau memandu kereta melalui kawasan bandar. Beliau hairan kerana jalan raya sesak. Biasanya, tidak banyak kereta di jalan pada awal pagi.

“Ada kemalangkankah? Lewatlah aku tiba di hospital nanti,” rungut Puan Ayu dalam hati.

Puan Ayu mula melihat jam tangan berulang kali. Beliau risau kelewatan punca jadual kerja harian beliau terjejas. Jauh di sudut hati, beliau mengharapkan tiada kemalangan yang berlaku. Sebagai jururawat, beliau berpengalaman dalam menghadapi kecemasan di hospital. Tanggungjawab yang dilaksanakan dengan dedikasinya membuatkan beliau sentiasa positif.

Tidak lama kemudian, beliau melintasi laluan yang menyebabkan kesesakan.

“Aduhai, kemalangan rupanya! Mengapakah mangsa masih terlantar di situ?” Puan Ayu bercakap sendirian dengan nada yang cemas.

Tanpa berfikir panjang, beliau terus memberhentikan kereta di bahu jalan. Dengan pengalaman dan ilmu kejururawatan, beliau tekad membantu mangsa kemalangan itu. Keresahan akan tiba lewat di tempat kerja terus hilang setelah melihat keadaan mangsa itu. Beliau segera ke arah mangsa.

“Encik! Encik! Bangun encik. Tolong berikan respons,” minta Puan Ayu kepada mangsa kemalangan itu.

Dalam nada yang lemah, mangsa itu memberikan respons. Beliau bersyukur kerana mangsa masih lagi bernafas. Beliau meminta bantuan pengguna jalan raya untuk membuat panggilan kecemasan sementara beliau memberi mangsa rawatan awal. Akhirnya, selepas 10 minit, ambulans pun tiba dan mangsa dikejarkan ke hospital.

Puan Ayu tiba lewat di hospital. Beliau menjelaskan hal itu kepada ketua. Ketua beliau memuji tindakan rasional Puan Ayu yang sanggup mengutamakan mangsa kemalangan itu.

Aktiviti
Membaca dan mempersembahkan karya sastera dan karya bukan sastera.

Nota Guru 2.3.2

• Bimbing murid membaca dan mempersembahkan karya sastera dan karya bukan sastera dengan pelbagai bentuk penyampaian.
Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
EMK: Nilai Murni – Rasional

KBAT: Menganalisis – Membezakan



Menulis

Semangat Membara

Affi telah menyapa Danish yang kelihatan mengelamun.

Affi: Hai, Danish! Termenung panjang, nampaknya. Mengapa?

Danish: Eh, Affi! Duduklah. Sebenarnya, saya dalam dilema. Saya tidak tahu untuk membuat pilihan.

Affi: Pilihan apa pula, Danish?

Danish: Sebenarnya, saya telah terpilih untuk mewakili sekolah dalam acara olahraga. Namun begitu, saya juga perlu menghadiri ujian kenaikan tali pinggang tae kwon do pada hari yang sama di pusat latihan.

Affi: Kalau begitu, kamu perlu memilih bidang yang lebih utama dan berpotensi dalam mengembangkan bakat kamu. Bukankah kamu pernah memenangi Anugerah Atlet Harapan Sekolah?

Danish: Betul, Affi. Sukan olahraga telah lama saya ceburi. Pada setiap tahun, pasti ada pingat yang bakal saya bawa pulang. Namun begitu, saya bercita-cita untuk mendapatkan tali pinggang hitam. Jika saya hadir dalam ujian kali ini, saya berpeluang untuk menjadi ahli tae kwon do pertama daripada sekolah kita yang mendapat tali pinggang hitam.

Affi: Danish, temasya olahraga daerah hanya berlangsung sekali setahun. Inilah peluang kamu untuk memberikan sumbangan kepada sekolah. Pada masa yang sama, bakat dalam bidang ini dapat kamu kembangkan.

Danish: Baiklah, Affi. Lagipun ujian kenaikan tali pinggang itu akan diadakan lagi nanti.

Affi: Danish, kamu perlu bijak membuat pilihan. Utamakan perkara yang lebih penting. Bukan senang untuk terpilih mewakili sekolah.

1. Apakah perkara yang mengganggu fikiran Danish?
2. Mengapakah Danish harus mengutamakan sukan olahraga?
3. Jika kamu Danish, sukan manakah yang akan kamu pilih? Mengapa?
4. Nyatakan kebaikan dan cabaran menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum.

Aktiviti

Menulis jawapan dengan alasan yang kritis dan kreatif.



Nota Guru
3.2.2

- Bimbing murid menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan secara kritis dan kreatif.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Menganalisis – Mengenal pasti
- EMK: Nilai Murni – Rasional



Seni Bahasa

Pesan Bonda

Affi dan ibu bapanya mendengar ceramah motivasi di sekolah. Dalam ceramah itu, penceramah menasihati murid-murid supaya mengutamakan ibu bapa dan keluarga dalam segala hal. Hubungan keluarga mestilah rapat seperti isi dengan kuku. Affi mulai sedar tentang keutamaannya sekarang. Sebagai acara sampingan, ibu bapa dan anak-anak perlu mencipta poster tentang kekeluargaan. Affi dan ibu bapanya mencipta poster dalam tulisan Jawi.



سقرتي ايسي دغن كوكو

سقرتي ايسي دغن كوكو

← arah mula



Aktiviti

Mempersembahkan perumpamaan dalam tulisan Jawi.

Nota Guru
4.4.2


- Bimbing murid mempersembahkan seni tulisan Jawi melalui perumpamaan.
- Strategi PdP: Kecerdasan Pelbagai KBAT: Mengaplikasi – Menyesuaikan
- EMK: Nilai Murni – Kasih Sayang



Tatabahasa

Peribadi yang Baik

Cikgu Zakwan menayangkan montaj tentang peribadi murid yang boleh dijadikan suri teladan. Beliau meminta murid-murid menerangkan setiap babak.



Ayat aktif
Hakim menyelesaikan kerja sekolah sebelum keluar bermain.
Ayat pasif

Ayat aktif
Hakim lebih menggemari aktiviti riadah berbanding dengan permainan gajet.
Ayat pasif



Ayat pasif
Kemudahan teknologi untuk pembelajaran perlu kita utamakan.
Ayat aktif

Ayat pasif
Hakim kena puji oleh guru kerana selalu bertanya jika tidak faham.
Ayat aktif

Aktiviti

Membina ayat dalam bentuk aktif dan pasif.



- Bimbing murid memahami dan membina ayat aktif dan ayat pasif mengikut konteks.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
- KBAT: Mengaplikasi – Membina

UNIT 27 Hormati Hak Sesama Kita

Mendengar dan Bertutur

Kedai Jujur

Pihak SK Seri Damai melancarkan sebuah kedai jualan berkonsepkan kedai tanpa penjual. Urus niaga kedai ini menuntut kejujuran daripada pembeli.




Panduan Jual Beli di Kedai Jujur

1. Rujuk senarai harga barangan.
2. Masukkan wang ke dalam bekas wang mengikut harga barangan.
3. Jika ada baki, ambil baki mengikut jumlah sebenar.
4. Amalkan sikap jujur dan amanah.

Saya tidak pernah membeli barang di sana. Kedai Jujur itu apa, Afifi? Bagaimanakah urus niaga kedai itu?

Saya cuma ada sekeping wang RM10.00. Saya ingin membeli tiga batang pensel. Jika wang baki di dalam bekas wang itu tidak mencukupi, apakah yang perlu saya lakukan, Afifi?

Betul, Afifi. Kita perlulah bersikap jujur kerana...



Kai Jun, pernahkah kamu membuat pembelian di Kedai Jujur itu?

Kedai Jujur itu...

Kamu boleh...

Aktiviti

Bersoal jawab untuk menjanakan idea.




- Bimbing murid bersoal jawab untuk menjanakan idea tentang sesuatu perkara.
- Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik
- EMK: Nilai Murni – Kejujuran
- KBAT: Menilai – Mentafsir



Membaca

Perpustakaan Hak Bersama

Affi telah membaca satu hantaran daripada rakannya, Jason, dalam Twitter.



Aktiviti

Membaca maklumat untuk membuat pertimbangan dan keputusan.



Nota Guru 2.2.1

- Bimbing murid membaca dan memahami maklumat berdasarkan bahan multimedia untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual KBAT: Menilai – Membuat keputusan
- EMK: Nilai Murni – Rasional

Menulis

Penternak Berintegriti

Affi membaca kisah seorang penternak lembu yang menerima Anugerah Hari Integriti Peladang.



Sejak muda, Pak Ramli telah memelihara lembu. Beliau mula belajar memelihara lembu daripada bapa beliau. Walaupun tidak mendalami bidang pemeliharaan, Pak Ramli tetap gigih menolong bapa beliau mengurus ternakan tersebut. Lama-kelamaan, beliau mula yakin untuk memelihara lembu sendiri.


Beliau sentiasa ingat akan pesanan bapa beliau supaya menjadi penternak yang amanah, jujur dan bertanggungjawab.

“Ramli, haiwan ternakan kita jangan dibiarkan terlepas merata-rata dan mengganggu ketenteraman orang. Orang ramai pasti tidak suka jika haiwan itu membuang najis merata-rata,” pesan bapa beliau dahulu.

Walaupun kandang lembu hanya sekangkang kera dan jauh dari penempatan jiran, Pak Ramli tidak akan melepaskan lembu itu berkeliaran. Beliau sanggup mendapatkan bekalan rumput dari tempat lain untuk makanan lembu itu. Beliau risau, jika dilepaskan, lembu itu akan merosakkan tanaman jiran. Beliau juga mementingkan kebersihan kandang supaya tidak menimbulkan ketidakselesaan kepada orang lain.

Sikap bertanggungjawab Pak Ramli amat disenangi masyarakat sekitar. Hal ini menyebabkan daging lembu beliau laris dalam pasaran. Beliau berjaya untuk melebarkan perniagaan dengan menjual daging lembu sejuk beku.

Atas daya usaha dan sikap Pak Ramli itu, beliau dianugerahi Tokoh Anugerah Hari Integriti Peladang. Dalam ucapan, beliau mengingatkan para penternak dan petani supaya bersikap jujur dan sentiasa peka akan hak-hak orang lain.



Aktiviti

Menulis teks yang diimplakkan.

Nota Guru 3.2.4

- Bimbing murid menulis teks prosa yang diimplakkan.
- Strategi PdP: Belajar Cara Belajar KBAT: Mengaplikasi – Menyesuaikan
- EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab



Tatabahasa

Pembelajaran yang Menyeronokkan

Persatuan Bahasa Melayu SK Seri Damai telah mengadakan lawatan sambil belajar ke SK Seri Makmur. Di sana, mereka melihat pelbagai kemudahan yang disediakan untuk murid. Kemudahan itu dijaga oleh warga sekolah.



Ayat Susunan Biasa

Pihak sekolah menyediakan beberapa buah komputer di luar dewan. Murid-murid menggunakannya pada waktu rehat. Murid terakhir akan bertanggungjawab untuk mematikan suisnya. Mereka menjaga hak sekolah bersama-sama. Pembelajaran lebih menyeronokkan dengan kemudahan ini.

Ayat Susunan Songsang


Menyediakan beberapa buah komputer, pihak sekolah di luar dewan.

Ayat Susunan Songsang

Menyediakan permainan dam ular gergasi, pihak sekolah di tepi kantin. Perlu menjawab soalan pada setiap kotak, pemain selepas membalik dadu gergasi. Untuk menjaga ketahanan cat pada dam itu, mereka tidak memakai kasut. Selepas bermain, semua murid akan menyimpan semua peralatan. Menghormati hak bersama di sekolah, inilah cara mereka.

Ayat Susunan Biasa

Pihak sekolah menyediakan permainan dam ular gergasi di tepi kantin.



Aktiviti

Membina ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang.




Nota Guru
5.3.4

- Bimbing murid memahami dan membina ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang mengikut konteks.
- Sirategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
- KBAT: Mengaplikasi – Membina

Pemulihan

Baca dan persembahkan karya dengan pelbagai bentuk penyampaian. **Pemandu Teksi yang Prihatin**

Afi dan kawan-kawan saling berkongsi cerita yang boleh diteladani melalui panggilan video. Tinesh turut mengambil peluang tersebut.



Hai, kawan-kawan! Saya ingin menceritakan pengalaman ibu saudara saya, Mak Cik Gauri. Beliau ialah orang kurang upaya.

Pada suatu hari, Mak Cik Gauri menempah perkhidmatan teksi. Teksi itu tiba tepat pada masanya. Pemandu itu menyedari beliau bertongkat. Pemandu itu segera membantu beliau.

Semasa dalam perjalanan, pemandu itu bercerita bahawa beliau sepatutnya pulang segera ke rumah. Hari itu ialah hari ulang tahun kelahiran anak beliau. Namun begitu, beliau terlupa untuk mematikan sistem tempahan teksi. Oleh sebab itu, beliau perlu menghantar Mak Cik Gauri dahulu.

Apabila tiba di hospital, pemandu itu terus mendapatkan kerusi roda. Hal ini membuatkan Mak Cik Gauri terharu. Jika pemandu itu membatalkan tempahan, mungkin tiada teksi lain. Waktu itu ialah waktu puncak, iaitu waktu aliran lalu lintas yang paling sibuk. Untol pemandu teksi itu, dengarlah pantun ini.

Ikannya sedapnya rasa,
Dicampur halia dibuat gulai;
Pemandu prihatin sangat berjasa,
Pekeritinya mulia tidak temilai.

Pengayaan

Berdasarkan cerita di atas, jelaskan pertimbangan dan keputusan.

Saya menerima tempahan kerana

Jika kamu seorang pemandu teksi dan sedang terperangkap dalam kesesakan jalan raya, apakah respons kamu terhadap tempahan dalam talian itu? Jelaskan.

Saya membatalkan tempahan kerana


Saya akan kerana

2.2.1
2.3.2



Pengukuhan

Teliti gambar dan lengkapkan cerita dengan menggunakan perkataan berwarna biru dalam teks.



Lawatan ke Parlimen

Afifi menceritakan pengalamannya melawat ke Parlimen Malaysia.

Pada 20 September 20□□, Badan Pengawas SK Seri Damai telah **mengadakan** lawatan sambil belajar ke Parlimen Malaysia. Lawatan itu **disertai** -. Tujuan lawatan itu adalah untuk melatih kami menjadi insan yang berketerampilan. Selain itu, lawatan itu juga sebagai pendedahan kepada para pengawas tentang amalan integriti dalam tanggungjawab harian.

Ketika rombongan kami tiba, sidang parlimen belum lagi bermula. - **menunjukkan** -. Kami berjalan perlahan-lahan ke tempat duduk yang disediakan. - **diarahkan** -. Kami duduk dengan sopannya. - **patuhi** -.

Tidak lama kemudian, sidang parlimen pun bermula. Ahli parlimen **membahaskan** -. Saya sangat teruja. Mereka berhujah tentang kepentingan e-pendidikan dalam usaha membentuk keterampilan murid. - **dikemukakan** - **terbalas** -.

Selesai sidang parlimen, kami bergerak untuk meninggalkan bangunan parlimen. Pengalaman itu amat bermakna dalam usaha membina keperibadian seseorang pemimpin kepada kami.



1. mengadakan → Pada 20 September 20□□, Badan Pengawas SK Seri Damai telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Parlimen Malaysia.
2. disertai → Lawatan itu disertai _____.
3. menunjukkan → _____.

Penilaian

(A) Baca teks. Kemudian, lengkapkan dialog dan simulasikan.

Tanggungjawab Pengguna

Afifi dan keluarganya ke Pulau Pinang. Di sana, sistem pembayaran medan letak kereta awam dilaksanakan secara aplikasi dalam talian. Encik Nazri memuat turun aplikasi tersebut dalam telefon. Beliau membeli kredit tambah nilai untuk akaun tersebut.

"Sistem ini amat bagus dan mudah. Kita tidak perlu lagi bersusah payah mencari ejen jualan kupon medan letak kereta. Apatah lagi, kita tidak biasa dengan selok-belok negeri ini," kata Encik Nazri.

"Betul, ayah. Cara ini memudahkan kita untuk melaksanakan tanggungjawab. Kita juga perlu menghormati dan mematuhi peraturan bayaran medan letak kereta di sini, bak kata pepatah, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Kemudahan medan letak kereta yang disediakan perlulah digunakan secara telus dan jujur," balas Afifi.

"Kita tidak perlu bersusah payah mencari bank kerana urusan pembayaran juga hanya dibuat dalam talian. Ibu harap penggunaan sistem ini akan diperluas termasuklah di tempat kita kelak," kata Puan Nazimah.

Afifi, bagaimanakah dapat kita menggunakan aplikasi pembayaran itu?

Kita perlu _____.

Apakah tanggungjawab kita sebagai orang awam pula?

Kita mestilah _____.

Apakah pendapat kamu tentang sistem pembayaran itu?

(B) Jawab soalan yang berikutnya.

1. Mengapakah kita perlu membayar perkhidmatan medan letak kereta?
2. Apakah kelemahan sistem ini?
3. Pada pendapat kamu, sesuaikah sistem ini dilaksanakan di semua tempat? Berikan alasan.



Hak Kanak-kanak

Afifi membaca rencana tentang hak kanak-kanak.



Menurut Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak didefinisikan sebagai individu yang berumur di bawah 18 tahun. Hak kanak-kanak pula ialah hak-hak yang telah disenaraikan dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak.

Hak kanak-kanak yang pertama ialah kehidupan. Setiap kanak-kanak berhak diberi keperluan asas seperti tempat tinggal dan makanan. Persekitaran yang positif, harmoni dan penyayang perlulah diwujudkan bagi memastikan kanak-kanak dapat membesar dengan baikny.



Selain itu, kanak-kanak juga berhak untuk berkembang. Hak ini merujuk keperluan pendidikan, bermain dan menyuarakan pendapat. Hak ini akan memberikan kesan kepada perkembangan minda, jasmani dan emosi kanak-kanak. Mereka akan lebih bersedia dengan segala cabaran dalam kehidupan, khususnya dalam dunia digital sekarang.



Di samping itu, kanak-kanak juga perlu diberi perlindungan daripada sebarang perkara yang berbahaya. Kanak-kanak tidak seharusnya dijadikan mangsa kepada sesuatu masalah. Mereka juga tidak sepatutnya didiskriminasi hanya kerana perbezaan yang terdapat pada mereka. Jika ada salah laku terhadap kanak-kanak, pihak berwajib harus campur tangan untuk melindungi mereka melalui peruntukan undang-undang.

Akhir sekali, kanak-kanak perlu mendapat hak pelibatan. Mereka perlu mengambil bahagian dalam hal ehwal dan pembesaran mereka. Contohnya, mereka ingin mendapatkan sesuatu barangan, sekiranya difikirkan sesuai, ibu bapa bolehlah menyediakan barangan tersebut. Kanak-kanak juga perlu dididik untuk berbuat baik dan bertoleransi dengan anggota masyarakat.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <http://www.konsumerkini.net.my/v2/>)